




KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PENJAGAAAN MUKA DAN PENGGGAYAAN RAMBUT

Tingkatan
4 dan 5





RUKUN NEGARA
Bahawasanya Negara Kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak;

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

PENJAGAAN MUKA DAN PENGAYAAN RAMBUT

Tingkatan 4 dan 5

PENULIS

Nor Halisa Abdullah
Nik Masharizan Nik Mohamad
Tin Sook Ting

EDITOR

Sabariah Mohd Ghani

PEREKA BENTUK

Nurazlina Hambal
Muhamad Faizal Mokhtar

PELUKIS

Aqilah Zainuddin



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0185

KPM2020 eISBN 978-967-2448-61-7

Cetakan Pertama 2020

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Aras Mega (M) Sdn. Bhd. (164242-W)

No. 18 & 20, Jalan Damai 2,

Taman Desa Damai, Sungai Merab,

43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

No. Telefon: 03-89258975

No. Faksimile: 03-89258985

Laman Sesawang: www.arasmega.com

Reka Letak dan Atur Huruf:

Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Myriad Pro

Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

PENGHARGAAN

Penghasilan buku ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

KANDUNGAN

Pendahuluan	v
Penerangan Ikon	vi

MODUL 1 PENGURUSAN SALUN

1.1 Kawalan Keselamatan dan Kebersihan Salun	4
1.1.1 <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> di Salun	4
1.1.2 Amalan Keselamatan dan Kebersihan	8
1.1.3 Borang Seliaan Kawalan Keselamatan	25
1.2 Penyelenggaraan Salun	26
1.2.1 Penyelenggaraan Alatan, Perkakasan dan Kelengkapan Salun	26
1.2.2 Amalan Keselamatan dan Kebersihan Semasa Bekerja	33
1.3 Pengurusan Stok	38
1.3.1 Kategori Stok	38
1.3.2 Prosedur Pengurusan Stok	39
1.3.3 Semakan Stok	49

MODUL 2 KONSULTASI PERKHIDMATAN ESTETIK

2.1 Personaliti Profesional	56
2.1.1 Personaliti Profesional Juruestetik	56
2.1.2 Ciri-ciri Personaliti Profesional	59
2.2 Komunikasi Berkesan	60
2.2.1 Jenis Komunikasi	60
2.2.2 Teknik Komunikasi	62
2.2.3 Teknik Melayan Pelanggan	64
2.3 Konsultasi Pelanggan	66
2.3.1 Jenis Produk dan Perkhidmatan Estetik	67
2.3.2 Bahan dan Alatan Menganalisis Kulit Muka	78
2.3.3 Analisis Kulit Muka dan Lengkapkan Borang Konsultasi	80
2.3.4 Jenis Pakej Rawatan	85
2.3.5 Cadangan Pakej Mengikut Kulit Muka Pelanggan	87
2.3.6 Brosur Pakej Perkhidmatan Estetik	88

MODUL 3 RAWATAN MUKA

3.1 Rawatan Muka secara Manual atau Menggunakan Mesin	98
3.1.1 Ciri dan Jenis Kulit Muka	98
3.1.2 Indikasi dan Indikasi Kontra Rawatan Muka Secara Manual	100
3.1.3 Kelengkapan Alatan, Bahan, Mesin dan Produk Rawatan Muka	100
3.1.4 Prosedur Rawatan Muka	109
3.1.5 Penyediaan Alatan dan Bahan Rawatan Muka	137
3.1.6 Menganalisis Kulit Muka	137
3.1.7 Menentukan Jenis Rawatan Muka	138
3.1.8 Merawat Muka Secara Manual	140
3.1.9 Rawatan Muka Menggunakan Mesin	161

MODUL 4 SOLEKAN MUKA

4.1 Variasi Solekan Muka	230
4.1.1 Jenis dan Ciri-ciri Bentuk Muka	231
4.1.2 Bahan dan Alatan Solekan Muka	233
4.1.3 Pemilihan Bahan Solekan	238
4.1.4 Kategori Warna Solekan	245
4.1.5 Solekan Asas	249
4.1.6 Solekan Lanjutan	258
4.1.7 Solekan Kreatif	269

MODUL 5 PENGGAYAAN RAMBUT

5.1 Variasi Pengayaan Rambut	280
5.1.1 Jenis-jenis dan Ciri-ciri Rambut	280
5.1.2 Pengayaan Rambut Menggunakan Alat Elektrik	286
5.1.3 Jenis Gaya Rambut yang Sesuai untuk Majlis Tertentu	298
5.1.4 Lakaran Gaya Rambut	302
5.1.5 Menghasilkan Pelbagai Stail Rambut	304
5.1.6 Menghasilkan Gaya Rambut Kreatif	304

Modul 6 KEUSAHAWANAN

6.1 Keusahawanan	314
6.1.1 Maksud Peniaga dan Usahawan	314
6.1.2 Ciri dan Peranan Usahawan	314
6.1.3 Faktor-faktor untuk Memulakan Perniagaan	317
6.1.4 Agensi yang Membantu Usahawan	320
6.1.5 Komponen Rancangan Perniagaan	322
6.1.6 Kaedah Pemasaran Produk atau Perkhidmatan Estetik Secara Konvensional dan Teknologi Digital	328
6.1.7 Penyediaan Rancangan Perniagaan Perkhidmatan Estetik	331
6.1.8 Merancang dan Melaksanakan Projek Keusahawanan	337
Rujukan	344
Indeks	345

PENDAHULUAN

Buku teks **Penjagaan Muka dan Pengayaan Rambut Tingkatan 4 dan 5** untuk Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mata Pelajaran Vokasional (MPV) digubal berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang mengandungi Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPI). Buku teks ini merupakan bahan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) utama yang dibekalkan ke sekolah untuk kegunaan murid. Oleh itu, penulisan buku teks ini telah mengambil kira keperluan kumpulan sasaran serta mencerminkan hasrat negara Malaysia melalui KSSM.

Buku ini merupakan mata pelajaran elektif yang digubal untuk murid Tingkatan 4 dan 5. Objektif pembelajaran buku ini ialah membentuk murid yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang kosmetologi seiring dengan perkembangan teknologi serta menyumbang kepada keperluan tenaga kerja separa mahir ke arah mencapai matlamat negara maju.

Di samping itu, buku ini berfokuskan kepada aspek kemahiran, pengetahuan dan nilai berkaitan bidang kosmetologi dalam kerja pengurusan salun, konsultasi perkhidmatan estetik, rawatan muka, solekan muka dan pengayaan rambut di samping mengamalkan nilai dan etika profesional. Kemahiran spesifik pekerjaan dirangka secara modular bagi memenuhi keperluan industri. Kemahiran generik asas juga diutamakan bagi membentuk sahsiah dan membangunkan personaliti yang mantap.

Pembelajaran dalam buku ini dimulakan dengan halaman rangsangan setiap unit yang bertujuan untuk menarik minat murid terhadap kandungan pembelajaran. Dalam setiap unit terdapat kandungan pembelajaran, aktiviti, latihan serta penilaian. Buku ini turut disertakan ikon mengimbas kod QR bagi membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dengan lebih cepat dan mudah. Penggunaan ikon juga disertakan dalam buku ini untuk membezakan aktiviti-aktiviti secara grafik.

Penulis berharap agar buku teks ini menjadi sumber rujukan yang baik kepada murid dan guru dalam aktiviti PdP di dalam kelas. Aktiviti yang diketengahkan dalam buku ini hanyalah cadangan daripada penulis. Guru juga boleh menggunakan aktiviti lain yang berkaitan dan bersesuaian bagi memenuhi SP yang dinyatakan dalam DSKP supaya penglibatan murid lebih pelbagai untuk memastikan hasrat pihak Kementerian Pendidikan Malaysia tercapai bagi melahirkan murid yang kreatif, inovatif dan mempunyai kemahiran abad ke-21.

PENERANGAN IKON

Info Tambahan

Info tambahan yang berkaitan dengan topik yang dipelajari.

Rumusan

Ringkasan pada akhir setiap modul agar murid dapat mengingat pembelajaran yang telah dipelajari.

Glosari

Maksud istilah yang digunakan di dalam buku teks.

EMK

Elemen tambahan yang diterapkan selain daripada standard kandungan yang dipelajari.

PAK 21

Memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni.



Teknologi yang menggabungkan dunia maya dan nyata di dalam bentuk 2D dan 3D.

Penilaian Kendiri

Soalan-soalan untuk menguji pemahaman murid pada akhir setiap modul.

Refleksi Diri

Senarai semak Standard Pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid.

Sila Imbas

Mengandungi maklumat yang boleh diimbas dengan pantas menggunakan aplikasi khas dalam telefon pintar atau tablet.



Aktiviti atau latihan untuk menguji tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi murid.

Aktiviti

Aktiviti pembelajaran yang dilakukan sama ada secara individu atau berkumpulan.

Cara-cara menggunakan aplikasi AR:

1. Muat turun aplikasi AR dengan mengimbas kod QR di sebelah.
2. Cari halaman yang mempunyai ikon AR.
3. Imbas imej pada halaman tersebut dengan menggunakan telefon bimbit atau tablet.



GET IT ON Google Play

Download on the App Store



Tingkatan 4

Modul 1

Pengurusan Salun

Modul 2

Konsultasi Perkhidmatan Estetik

Modul 3

Rawatan Muka



Pengurusan Salun

Standard Kandungan

- 1.1 Kawalan Keselamatan dan Kebersihan di Salun
- 1.2 Penyelenggaraan di Salun
- 1.3 Pengurusan Stok

Standard Pembelajaran

- 1.1.1 Menyatakan maksud *Standard Operating Procedure (SOP)* salun kecantikan.
- 1.1.2 Menerangkan amalan keselamatan dan kebersihan diri juruestetik serta kawalan keselamatan dan kebersihan semasa menggunakan alatan, perkakasan, kelengkapan dan ruang kerja di salun.
- 1.1.3 Menghasilkan borang seliaan kawalan keselamatan dan kebersihan salun.
- 1.2.1 Penyelenggara alatan, perkakasan dan kelengkapan serta ruang kerja salun berdasarkan SOP salun.
- 1.2.2 Menyelia amalan keselamatan dan kebersihan semasa bekerja.
- 1.3.1 Mengenal pasti kategori stok barang kekal dan stok bahan habis guna.
- 1.3.2 Menerangkan prosedur pengurusan stok.
- 1.3.3 Menyemak stok dan mengemas kini kad pengurusan stok.

Pencapaian Kompetensi

Pada akhir pembelajaran ini, murid dapat:

- Menyatakan maksud *Standard Operating Procedure (SOP)* salun kecantikan
- Menerangkan kategori stok barang kekal dan stok bahan habis guna serta mengemas kini kad pengurusan stok
- Mengaplikasi pengetahuan sedia ada dalam amalan keselamatan dan kebersihan semasa bekerja di salun
- Penyelenggara bahan, alatan, perkakasan, kelengkapan dan ruang kerja salun mengikut kesesuaian
- Menyelia amalan keselamatan dan kebersihan salun menggunakan borang seliaan kawalan keselamatan dan kebersihan salun
- Menghasilkan borang seliaan kawalan keselamatan dan kebersihan salun menggunakan aplikasi TMK dengan kreatif dan boleh diteladani

Pengenalan

Pengurusan salun merupakan cara untuk menguruskan sesebuah salun. Hal ini penting bagi membantu mencapai pengurusan yang berkesan dalam memenuhi kepuasan pekerja dan pelanggan serta meningkatkan produktiviti kerja.



1.1 Kawalan Keselamatan dan Kebersihan di Salun

Salun merupakan tempat untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan. Oleh itu, kawalan keselamatan dan kebersihan salun menjadi aspek penting dan perlu dititikberatkan bagi menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja salun dan pelanggan.

1.1.1 Standard Operating Procedure (SOP) di Salun

Standard Operating Procedure (SOP) diperlukan bagi memastikan pengoperasian salun berjalan dengan lancar dan menjamin perkhidmatan yang berkualiti, sistematik dan selamat. SOP merupakan satu panduan untuk menjalankan tugas dalam sesebuah salun yang meliputi prosedur kerja yang jelas dan arahan yang harus dipatuhi oleh semua pekerja salun bagi menjaga kualiti dan pencapaian perkhidmatan salun yang efektif dan efisien.



SOP ialah dokumen bertulis yang menerangkan langkah-langkah, peraturan dan prosedur kerja yang harus dipatuhi dalam melaksanakan sesuatu tugas di tempat kerja tertentu.

Tujuan SOP

Secara umumnya, tujuan SOP adalah untuk menjelaskan secara terperinci tentang tugas yang perlu dilakukan di salun supaya kerja yang dilakukan tidak berulang.



Rajah 1.1 Tujuan SOP

SOP Salun

Penggunaan SOP di salun akan dapat meningkatkan kualiti kerja. Selain itu, SOP juga dapat menjaga keselamatan semasa berada di salun.

Jadual Operasi Salun

Jadual operasi merupakan senarai tugas yang disediakan oleh penyelia kepada pekerja salun dalam melaksanakan tugas harian. Jadual ini bertujuan sebagai senarai semak tugas pekerja di salun supaya kerja yang dilakukan lebih teratur.

Jadual 1.1 Contoh jadual operasi salun

Masa	Tugas	Tempoh
9.20 pagi	• Memeriksa jadual bertugas dan buku temu janji.	20 minit
9.40 pagi	• Memeriksa bahan, peralatan dan kelengkapan.	20 minit
10.00 pagi	• Memeriksa kehadiran pekerja salun. • Membuat panggilan untuk memberi peringatan temu janji pelanggan dan kehadirannya.	30 minit
10.30 pagi	• Memantau sesi perkhidmatan.	3 jam
1.30 petang	Rehat	30 minit
2.00 petang	• Memantau sesi perkhidmatan. • Menyelia pelaksanaan tugas pekerja salun. • Memberi bimbingan kepada pekerja salun.	5 jam
7.00 petang	• Memeriksa stok. • Membuat laporan dan dokumentasi.	1 jam
8.00 malam	• Memastikan salun bersih dan selamat. • Menutup suis dan menutup pintu sebelum pulang.	20 minit

SOP Keselamatan Am di Salun



Rajah 1.2 SOP keselamatan am di salun

SOP Keselamatan dan Kebersihan Diri Juruestetik dan Pelanggan

Jadual 1.2 SOP keselamatan dan kebersihan juruestetik dan pelanggan

	Keselamatan	Kebersihan
Juruestetik	<ul style="list-style-type: none"> Pakai kelengkapan perlindungan diri yang sesuai semasa melakukan kerja. Elakkan memberi perkhidmatan semasa berada dalam keadaan yang tidak sihat. Lakukan kerja dengan cermat dan berhati-hati. Kerja dilakukan mengikut peraturan dan prosedur yang betul. Tanggalkan aksesori dan barang kemas di tangan sebelum melakukan perkhidmatan rawatan. Mengenal pasti indikasi kontra sebelum rawatan. Menyatakan kesan rawatan yang dilakukan kepada pelanggan. 	<ul style="list-style-type: none"> Berpakaian kemas, bersih dan selesa. Pastikan kuku juruestetik pendek. Bersihkan tangan sebelum melakukan perkhidmatan rawatan. Gunakan sarung tangan pakai buang jika perlu. Gunakan alat yang telah disteril semasa memberikan rawatan.
Pelanggan	<ul style="list-style-type: none"> Tanggalkan aksesori dan barang kemas sebelum memulakan perkhidmatan. 	<ul style="list-style-type: none"> Pakai pakaian yang sesuai ketika melakukan perkhidmatan rawatan.

SOP Pengendalian dan Penggunaan Bahan



Rajah 1.3 SOP pengendalian dan penggunaan bahan

SOP Penggunaan Alatan Elektrik



Rajah 1.4 SOP penggunaan alatan elektrik

SOP Keselamatan dan Pengurusan Ruang Kerja



Rajah 1.5 SOP keselamatan dan pengurusan ruang kerja

1.1.2 Amalan Keselamatan dan Kebersihan

Keselamatan dan kebersihan merupakan amalan yang penting di salun. Keselamatan dan kebersihan perlu diamalkan oleh juruestetik agar tidak berlaku perkara yang tidak diingini kepada diri juruestetik dan juga pelanggan. Selain keselamatan dan kebersihan diri juruestetik, kawalan keselamatan dan kebersihan terhadap penggunaan alatan, perkakasan, kelengkapan serta ruang kerja juga perlu diamalkan. Salun perlu dilengkapi dengan alat pemadam api yang berfungsi dan kit pertolongan cemas yang diletakkan di tempat yang sesuai.

Amalan Keselamatan dan Kebersihan Diri Juruestetik

Penampilan juruestetik yang kemas dan bersih akan dapat menarik minat pelanggan untuk berkunjung ke salun. Antara perkara yang perlu diamalkan oleh juruestetik adalah aspek kebersihan diri dan aspek keselamatan diri.

Aspek Kebersihan Diri Juruestetik

Juruestetik yang memberi perkhidmatan kepada pelanggan di salun perlu sentiasa menitikberatkan aspek kebersihan diri agar tidak berlaku jangkitan atau penyebaran virus ke atas pelanggan.

Aspek Keselamatan Diri Juruestetik

Juruestetik perlu memastikan tahap keselamatan diri terjamin dengan pemakaian *Personal Protective Equipment (PPE)* serta pemakaian yang sesuai untuk melindungi juruestetik daripada bahaya dan dapat menjamin tahap kebersihan semasa melaksanakan perkhidmatan rawatan. Pemilihan PPE yang tepat dan sesuai dapat melindungi muka, mata, tubuh, tangan dan kaki juruestetik semasa melakukan perkhidmatan rawatan di tempat kerja.



Foto 1.1 Juruestetik memakai PPE

Amalan Keselamatan dan Kebersihan Menggunakan Kaedah Pensterilan


Pekerja salun perlu mengamalkan langkah-langkah keselamatan dan kebersihan semasa mensteril alatan. Pengetahuan dalam penggunaan bahan yang betul dapat mengelak daripada berlaku kemalangan.

Jadual 1.3 Amalan keselamatan dan kebersihan menggunakan kaedah pensterilan

Keselamatan	Kebersihan
<ul style="list-style-type: none"> • Simpan bahan pensterilan di tempat yang sesuai. • Bahan yang hendak diguna mestilah disukat dengan betul. • Bekas bahan perlu dilabel, ditutup dengan rapat dan disimpan dalam tempat berkunci. • Dilarang menghidu bahan pensterilan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Membersih alatan sebelum diletak ke dalam kabinet ultralembayung.

Jenis-jenis Pensterilan

Pensterilan merupakan satu proses untuk membasmi kuman pada alatan rawatan muka dan penggayaan rambut. Terdapat dua jenis pensterilan iaitu pensterilan secara fizikal dan pensterilan secara kimia.



Rajah 1.6 Jenis-jenis pensterilan

Amalan Keselamatan dan Kebersihan Penggunaan Kabinet Ultralembayung

Jadual 1.4 Amalan keselamatan dan kebersihan penggunaan kabinet ultralembayung

Keselamatan	Kebersihan
<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan alatan berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. • Pastikan tangan kering semasa mengendalikan alatan. • Tidak meletakkan alatan terlalu banyak. • Steril alatan selama 2 hingga 5 minit. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bersihkan alatan yang hendak disteril dengan air dan keringkan. • Lap alatan di bahagian dalam sebelum dan selepas digunakan.

Jenis Ruang Salun

Setiap salun mempunyai beberapa ruang kerja. Ruang kerja terdiri daripada bilik perkhidmatan dan terapi, bilik persalinan, ruang perkhidmatan pelanggan, bilik konsultasi, bilik stor, bilik air dan pantri.



Foto 1.2 Ruang konsultasi



Foto 1.3 Bilik stor



Foto 1.4 Bilik perkhidmatan rawatan muka




Foto 1.5 Bilik perkhidmatan pengayaan rambut

Info Tambahan

Susunan ruang kerja di salun haruslah bersesuaian dengan saiz salun. Kaunter penyambut tetamu perlu berada di bahagian hadapan pintu masuk. Susunan perabot pula perlu menitikberatkan keselamatan dan keselesaan pekerja dan pelanggan.



Apakah majalah yang sesuai diletakkan di salun? Bincangkan.



Layari Internet dan dapatkan gambar bagi setiap ruang kerja salun dengan mengikut konsep idaman anda. Masukkan gambar tersebut di dalam folio.

Amalan Keselamatan dan Kebersihan di Ruang Salun

Amalan keselamatan dan kebersihan merupakan perkara penting yang perlu dipatuhi oleh pekerja semasa bekerja. Alatan, perkakasan dan kelengkapan yang ada di salun perlu sentiasa bersih daripada habuk dan kekotoran. Selain itu, alatan, perkakasan dan kelengkapan perlu disemak supaya berada dalam keadaan yang baik dan selamat digunakan.




Amalan Keselamatan dan Kebersihan Alatan di Ruang Kerja Salun

Jadual 1.5 Amalan keselamatan dan kebersihan alatan di ruang kerja salun

Alatan	Keselamatan	Kebersihan
 Lampu kanta pembesar <i>(Magnifying lamp)</i>	<ul style="list-style-type: none"> Pastikan tangan kering ketika menggunakan alatan. Alatan berfungsi dan berada dalam keadaan baik. 	<ul style="list-style-type: none"> Alatan dilap sebelum dan selepas digunakan.
 Pengewap muka	<ul style="list-style-type: none"> Air disukat mengikut paras maksimum pada balang. Guna alatan mengikut arahan pengeluar. 	<ul style="list-style-type: none"> Pastikan balang sentiasa bersih.
 Kabinet ultralembayung	<ul style="list-style-type: none"> Alatan berfungsi dan selamat digunakan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mensteril alatan muka dan rambut yang berkaitan. Lap kabinet selepas digunakan.
 Wood lamp	<ul style="list-style-type: none"> Pastikan tangan kering ketika menggunakan alatan. Tutup kedua-dua belah mata pelanggan dengan kapas lembap. 	<ul style="list-style-type: none"> Lap kanta sebelum dan selepas digunakan.
 Skin scanner	<ul style="list-style-type: none"> Alat berfungsi dan berada dalam keadaan baik. 	<ul style="list-style-type: none"> Alatan dilap sebelum dan selepas digunakan.

Amalan Keselamatan dan Kebersihan Kelengkapan dan Perkakasan di Ruang Kerja Salun

Jadual 1.6 Amalan keselamatan dan kebersihan kelengkapan di ruang kerja salun

Kelengkapan	Keselamatan	Kebersihan
 Katil fasial	<ul style="list-style-type: none"> Katil berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. 	<ul style="list-style-type: none"> Alas katil dan selimut hendaklah bersih. Alas katil ditukar mengikut keperluan.
 Troli fasial	<ul style="list-style-type: none"> Troli hendaklah berada dalam keadaan yang baik dan roda berfungsi. 	<ul style="list-style-type: none"> Troli hendaklah bersih. Alas atas permukaan troli jika perlu.
 Troli rambut	<ul style="list-style-type: none"> Troli berada dalam keadaan baik dan roda berfungsi. 	<ul style="list-style-type: none"> Troli hendaklah bersih dan tiada habuk.

Jadual 1.7 Amalan keselamatan dan kebersihan perkakasan di ruang kerja salun

Perkakasan	Keselamatan	Kebersihan
 Kerusi rambut	<ul style="list-style-type: none"> Kerusi sesuai, selesa dan selamat digunakan. 	<ul style="list-style-type: none"> Lap kerusi setelah digunakan.
 Kerusi fasial	<ul style="list-style-type: none"> Kerusi hendaklah sesuai, selesa dan selamat digunakan. 	<ul style="list-style-type: none"> Sarung kerusi jika perlu.




Alatan Pembersihan di Ruang Salun

Jadual 1.8 Alatan pembersihan di ruang salun

Alatan Pembersih	Cara Penggunaan	Tujuan
 Mop	<ul style="list-style-type: none"> Basahkan mop dalam baldi yang berisi air dengan campuran pembersih lantai. Perahkan mop. Lapkan lantai. Ulang sehingga selesai. 	<ul style="list-style-type: none"> Membersih habuk dan sisa bahan rawatan muka serta rambut.
 Penyapu	<ul style="list-style-type: none"> Sapu dari hujung dalam bilik menghala ke pintu. Kumpulkan sampah sarap dan masukkan ke dalam tadahan sampah. Buang sampah ke dalam tong sampah yang bertutup. 	<ul style="list-style-type: none"> Membersih lantai daripada kotoran.
 Penyedut hampagas	<ul style="list-style-type: none"> Pasangkan suis. Halakan penyedut hampagas ke seluruh bahagian yang hendak dibersihkan. Setelah selesai, tutup suis, buang kotoran dan simpan penyedut hampagas di tempat yang sesuai. 	<ul style="list-style-type: none"> Menyedut habuk dan kotoran.
 Kain lap	<ul style="list-style-type: none"> Sembur cecair pencuci pada tingkap, perabot atau peralatan. Lap dengan kain secara membulat untuk hilangkan kesan kotoran. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengelap tingkap, perabot dan peralatan.
 Pembersih habuk	<ul style="list-style-type: none"> Gunakan pembersih habuk untuk menyingkirkan habuk pada perabot, tingkap dan peralatan yang bersesuaian. 	<ul style="list-style-type: none"> Membersih habuk dan debu.

Bahan Pembersih di Ruang Kerja Salun

Jadual 1.9 Bahan pembersih di ruang kerja salun

Bahan Pembersih	Fungsi dan Cara Penggunaan	Tujuan
 <p>Detergen</p>	<ul style="list-style-type: none"> Berfungsi sebagai sebatian atau campuran yang digunakan untuk membersihkan daripada kotoran. <p>Cara Penggunaan</p> <ul style="list-style-type: none"> Masukkan satu penutup detergen ke dalam baldi berisi air (mengikut arahan pengeluar). Kacau sehingga sebati. 	<ul style="list-style-type: none"> Mencuci pakaian dan alatan yang sesuai.
 <p>Agen pembasmi kuman atau desinfektan</p>	<ul style="list-style-type: none"> Berfungsi sebagai bahan kimia yang digunakan untuk membasmi kuman. <p>Cara Penggunaan</p> <ul style="list-style-type: none"> Masukkan satu penutup penuh cecair ke dalam 250 mililiter air atau mengikut arahan pengeluar. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengelap permukaan lantai atau ruang kerja dan peralatan.
 <p>Antiseptik</p>	<ul style="list-style-type: none"> Berfungsi untuk membasmi kuman pada kulit, melindungi luka daripada jangkitan dan boleh digunakan sebagai bahan cucian lantai, peralatan dan pakaian. <p>Cara Penggunaan</p> <p>Perlindungan daripada penyakit</p> <ul style="list-style-type: none"> Masukkan satu penutup penuh antiseptik ke dalam 420 mililiter air. Tutup luka dengan kain. Sapu kawasan luka dengan air yang dibancuh bersama antiseptik. <p>Cucian pada pakaian</p> <ul style="list-style-type: none"> Masukkan tiga penutup penuh antiseptik ke dalam 2.5 liter air. 	<p>Perlindungan daripada penyakit:</p> <ul style="list-style-type: none"> Luka, melecet dan gigitan serangga <p>Cucian pada pakaian:</p> <ul style="list-style-type: none"> Sebagai desinfektan pada pakaian
 <p>Hand sanitizer</p>	<ul style="list-style-type: none"> Berfungsi untuk menjaga kebersihan tangan sebelum dan selepas melakukan prosedur rawatan. <p>Cara Penggunaan</p> <ul style="list-style-type: none"> Tuang <i>hand sanitizer</i> pada tangan dan ratakan. Gosok kedua-dua belah tapak tangan. Gosok belakang tangan dan celahan jari. Ulang untuk kedua-dua belah tangan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mensteril tangan.

Pencahayaan dan Pengudaraan Ruang Salun

Bagi memastikan keselesaan pelanggan, sesebuah salun harus menitikberatkan aspek pengudaraan dan pencahayaan. Penggunaan pendingin hawa, kipas dan tingkap yang mencukupi perlu ada untuk mendapatkan pengudaraan yang bersih dan selesa. Pemilihan jenis lampu juga penting untuk memberi perubahan emosi kepada suasana di dalam salun. Selain itu, alunan muzik dan wangian juga sangat memberi pengaruh kepada suasana persekitaran salun.

Pencahayaan

Pencahayaan merupakan faktor yang mempengaruhi suasana bilik sama ada menghasilkan keadaan yang terang atau suram mengikut perkhidmatan yang dilakukan.

Pengudaraan

Penggunaan pendingin hawa, kipas dan tingkap yang mencukupi perlu ada untuk mendapat pengudaraan yang bersih dan selesa.

Alunan Muzik dan Wangian

Alunan muzik instrumental dan wangian segar aromaterapi akan memberikan suasana tenang dan santai kepada pelanggan yang berkunjung ke salun.



Sila
Imbas



Layari <http://arasmega.com/qr-link/contoh-muzik-di-salun/> untuk mendengar contoh muzik di salun.

Susun Atur Alatan dan Kelengkapan Salun

Susun atur alatan dan kelengkapan di dalam salun adalah penting untuk keselesaan dan keselamatan pekerja dan pelanggan. Penyusunan yang baik dapat memudahkan pergerakan dan mengelakkan daripada berlaku kemalangan. Alatan dan kelengkapan hendaklah bersesuaian dengan ruang.




Foto 1.6 Susun atur ruang rawatan muka





Foto 1.7 Susun atur ruang pengayaan rambut

Pelan Lantai

Pelan lantai ialah pelan yang menunjukkan saiz ruang dalaman dan susun atur ruang sesebuah salun. Tujuan pelan lantai adalah untuk menunjukkan keadaan lokasi seperti susun atur ruang di dalam bangunan.



Petunjuk:

- Laluan kecemasan
- Pintu
- Sofa
- Katil fasial
- Troli fasial
- Lampu kanta pembesar
- Pengwap muka
- Kabinet
- Cermin
- Troli rambut
- Sinki

Foto 1.8 Contoh pelan lantai salun

PAK 21

Bincangkan dalam kumpulan dan lakarkan pelan lantai salun yang menjadi idaman anda. Bentangkan.



Anda dikehendaki menyediakan lakaran pelan lantai ruang kerja salun yang kondusif.

Kawalan Keselamatan Semasa Bekerja di Salun

Setiap pekerja hendaklah bertanggungjawab memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat untuk menjana hasil yang lebih produktif. Tempat kerja yang selamat perlu menyediakan alat pemadam api dan kit pertolongan cemas bagi menghadapi situasi yang tanpa diduga.

Alat Pemadam Api

Alat pemadam api (*fire extinguisher*) digunakan untuk mengawal dan memadam kebakaran pada peringkat awal. Setiap salun perlu dilengkapi dengan alat pemadam api.



Foto 1.9 Bahagian alat pemadam api

Berikut merupakan cara-cara menggunakan alat pemadam api.



Anda dikehendaki mengenal pasti fungsi setiap bahagian alat pemadam api.

Jadual 1.10 Cara-cara menggunakan alat pemadam api

P <i>Pull</i> (Cabut)	A <i>Aim</i> (Hala)	S <i>Squeeze</i> (Tekan)	S <i>Sweep</i> (Layang)
Cabut pin untuk melepaskan tuil.	Halakan nozel ke arah api.	Tekan tuil.	Ayunkan nozel ke kiri dan kanan.





Jenis-jenis Kebakaran

Kebakaran dikelaskan kepada empat jenis iaitu berdasarkan kepada bahan kebakaran.

Jadual 1.11 Kelas api dan bahan kebakaran

Kelas Api	Bahan Kebakaran
A	Kebakaran melibatkan bahan api mudah terbakar jenis pepejal dan mengandungi unsur-unsur karbon seperti kayu, kertas, sampah dan lain-lain.
B	Kebakaran melibatkan bahan cecair seperti petrol, diesel, tar, varnis, cat dan lain-lain.
C	Kebakaran melibatkan bahan api jenis gas seperti hidrogen, <i>acyethlane</i> , propana, butana, dan lain-lain.
D	Kebakaran melibatkan bahan api jenis logam seperti kalium, natrium, kalsium dan lain-lain.

Jadual 1.12 Jenis pemadam api

Jenis Pemadam Api	Kelas Api	Penerangan
 Air	A	<ul style="list-style-type: none"> Dilabel dengan pelekat berwarna merah. Tidak boleh digunakan untuk memadam kebakaran jenis elektrik kerana dikenali sebagai konduktor elektrik yang baik.
 Buih	B	<ul style="list-style-type: none"> Dilabelkan dengan pelekat berwarna krim. Berfungsi untuk menurunkan suhu.
 Serbuk kering	A, B, C	<ul style="list-style-type: none"> Dilabelkan dengan pelekat berwarna biru. Boleh digunakan sekali sahaja. Boleh merosakkan peralatan elektrik.
 Karbon dioksida (CO ₂)	B, C	<ul style="list-style-type: none"> Dilabelkan dengan pelekat berwarna hitam. Tidak akan merosakkan peralatan elektrik. Tidak sesuai untuk persekitaran terbuka.



Anda dikehendaki memadam kebakaran kecil dengan menggunakan alat pemadam api.

Kit Pertolongan Cemas

Kit pertolongan cemas merupakan sebuah bekas yang lengkap mengandungi bekalan perubatan dan peralatan yang diperlukan untuk rawatan kecederaan ringan dan kecemasan di tempat kerja. Kit pertolongan cemas harus diletakkan di tempat yang sesuai dan mudah dilihat. Kandungan kit pertolongan cemas ini perlu diperiksa dari semasa ke semasa supaya dapat mengesan bahan rawatan yang mungkin telah luput tarikh penggunaannya dan menggantikan bahan yang telah habis diguna.

Alatan dalam Kit Pertolongan Cemas



Forseps

- Memegang kapas untuk membersihkan luka atau mencelup ubat untuk disapu ke bahagian luka.



Pin penyemat

- Menyemat pembalut.



Gunting

- Menggunting kain pembalut kasa, pita pelekat dan sebagainya.



Kain anduh

- Menyokong bahagian patah.
- Menahan pendarahan.



Termometer

- Mengambil suhu badan.

Bahan dalam Kit Pertolongan Cemas



Kain kasa

- Membalut luka atau anggota badan yang terseliuh.



Sarung tangan

- Melindungi diri daripada sebarang cecair badan atau jangkitan.
- Menjaga kebersihan semasa merawat pesakit.



Minyak urut

- Melegakan kesakitan otot.



Pita pelekat

- Melekatkan balutan.



Larutan antiseptik

- Merawat luka dan membasmi kuman.



Plaster

- Membalut luka kecil.



Krim antiseptik

- Membasmi kuman pada luka.



Putik kapas

- Mencuci luka pada bahagian yang kecil.



Kapas

- Mencuci luka.
- Menyapu ubat pada luka.

Rawatan Kecederaan Luka



Bersihkan dengan air mengalir.



Bersihkan luka dengan larutan antiseptik.



Sapu krim antiseptik.



Balut dengan plaster.

Rawatan Kecederaan Melecur atau Melepuh



Sejukkan bahagian yang melecur atau melepuh dengan air mengalir atau rendam dalam air sejuk.



Sapu ubat melepuh.



Balut dengan kain pembalut kasa yang bersih dan kering.



Sematkan dengan pin penyemat.

Rawatan Kecemasan Ketika Pengan

- 1 Baringkan mangsa.
- 2 Longgarkan pakaian yang ketat.
- 3 Tinggikan kaki mangsa.
- 4 Pastikan pengudaraan baik dan periksa kecederaan lain jika ada.
- 5 Tunggu sehingga mangsa sedar dan pulih.
- 6 Sekiranya mangsa belum sedar atau pulih, hubungi nombor kecemasan untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Rajah 1.7 Rawatan kecemasan ketika pengan

Rawatan Kecemasan Mangsa Renjatan Elektrik



Matikan bekalan elektrik sebelum menyentuh mangsa.



Baringkan mangsa. Naikkan kaki dan letakkan di atas kerusi untuk memulihkan pengaliran darah mangsa.



Segera hubungi nombor kecemasan untuk mendapatkan rawatan lanjut.



Sementara menunggu pertolongan tiba, selimutkan mangsa untuk memanaskan badannya.

BORANG TUGASAN

Anda dikehendaki merawat seorang rakan yang mengalami kecederaan luka kecil.

SENARAI BAHAN

Bil.	Bahan	Kuantiti
1.	Kain kasa	1
2.	Larutan antiseptik	1
3.	Putik kapas	3
4.	Plaster	2
5.	Pita pelekat	1
6.	Krim antiseptik	1
7.	Kapas	1

SENARAI PERALATAN/KELENGKAPAN

Bil.	Peralatan/Kelengkapan	Kuantiti
1.	Forseps	1
2.	Gunting	1
3.	Sarung tangan	1
4.	Tuala	1
5.	Besen	1

KRITERIA PENILAIAN

Prestasi anda akan dinilai berasaskan kriteria berikut:

a. Proses Kerja

Proses kerja bermula dari menyediakan alatan dan bahan sehingga mengemas tempat kerja dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kebersihan

b. Hasil Kerja

- Ubat disapu dengan bersih
- Balutan luka kemas

c. Sikap/Keselamatan dan Persekitaran

- Peralatan
- Diri sendiri, pesakit dan persekitaran

BORANG PENILAIAN KOMPETENSI

Tahap Kompetensi	Kompeten (✓)	Belum Kompeten (X)	Catatan
PROSEDUR KERJA			
Bahan dan peralatan disediakan mengikut senarai semak.			
Pesakit dikendalikan dengan berhemah.			
Kecederaan dirawat dengan teknik yang betul.			
Privasi dan keselesaan pesakit dijaga sepanjang rawatan.			
HASIL KERJA			
Ubat disapu dengan bersih.			
Balutan luka kemas.			
NILAI DAN KESELAMATAN			
Pesakit dirawat dengan beretika.			
Peralatan dikendalikan mengikut teknik yang betul dan selamat serta disusun dengan kemas selepas digunakan.			
Persekitaran kerja dibersihkan dan dikemas selepas perkhidmatan dilaksanakan.			

1.1.3 Borang Seliaan Kawalan Keselamatan

Borang seliaan kawalan keselamatan digunakan semasa menyemak ruang kerja. Penyeliaan ini boleh dilakukan secara berkala sama ada secara mingguan atau bulanan bagi menjamin tempat kerja sentiasa berada dalam keadaan selamat. Antara kandungan yang terdapat di dalam borang ini adalah seperti berikut:

- Tajuk borang
- Perkara yang perlu diseliasa
- Ruang untuk menanda perkara yang diseliasa
- Ruang untuk mencatat hasil seliaan
- Tandatangan pemeriksa dan tarikh



Secara individu, sediakan borang seliaan kawalan keselamatan salun.



Rajah 1.8 Tujuan penyeliaan kawalan keselamatan

Borang Seliaan Kawalan Keselamatan Salun

Bil.	Perkara	Tanda (✓) jika mematuhi	Catatan
1.	Peraturan salun dipamerkan di tempat yang sesuai.		
2.	Ruang kerja bersih.		
3.	Perabot, alatan dan bahan disusun dengan kemas.		
4.	Mempunyai alat pemadam api yang berfungsi.		
5.	Kit pertolongan cemas disimpan di tempat yang mudah dicapai.		
6.	Pelan kecemasan, tanda laluan kecemasan dan talian kecemasan dipamerkan di tempat yang sesuai.		
7.	Menyediakan spatula untuk mengambil bahan.		
8.	Semua bekas bahan ditutup dengan ketat.		
9.	Semua bekas bahan telah dilabel.		
10.	Alatan elektrik berfungsi dengan baik.		
11.	Memakai pakaian keselamatan semasa bekerja.		
12.	Aksesori dan barang kemas ditanggalkan semasa bekerja.		
13.	Mensteril tangan dan alatan sebelum melakukan perkhidmatan.		
14.	Ruang persalinan disediakan untuk pelanggan.		


Catatan keseluruhan:

Nama dan tandatangan pemeriksa: Tarikh:

Rajah 1.9 Contoh borang seliaan kawalan keselamatan salun

1.2 Penyelenggaraan Salun

Penyelenggaraan ialah aktiviti yang dilaksanakan untuk memulihara, menjaga, mengendali dan mengawal selia bangunan, kemudahan, kelengkapan dan persekitarannya. Kaedah penyelenggaraan yang biasa dilakukan adalah membersihkan dan mensteril alatan dan perkakasan untuk memastikan sentiasa dalam keadaan bersih dan berfungsi dengan baik.



Rajah 1.10 Tujuan penyelenggaraan salun


1.2.1 Penyelenggaraan Alatan, Perkakasan dan Kelengkapan Salun

Penyelenggaraan salun merupakan aktiviti berkala yang perlu dilakukan oleh pekerja salun untuk memastikan salun dalam keadaan baik dan selamat. Semua alatan, perkakasan dan kelengkapan serta ruang kerja salun perlu diselenggara mengikut jadual dan SOP yang telah ditetapkan oleh salun.

Pensterilan

Semua alatan, perkakasan dan kelengkapan yang telah digunakan perlu dibersihkan dan disteril mengikut kaedah pensterilan yang sesuai. Kaedah pensterilan merangkumi langkah kerja membersihkan dan mensteril alatan, perkakasan dan kelengkapan.

Prosedur Membersih dan Mensteril Alatan, Perkakasan dan Kelengkapan



Rajah 1.11 Prosedur membersihkan dan mensteril alatan, perkakasan dan kelengkapan di salun

Langkah Kerja Membersih Alatan, Perkakasan dan Kelengkapan

Jadual 1.13 Langkah kerja membersihkan alatan, perkakasan dan kelengkapan

Perkara	Langkah Kerja	Contoh
Alatan	<ol style="list-style-type: none"> Membuang sisa kotoran pada alatan (jika ada) ke dalam tong sampah. Membilas dengan air untuk menghilangkan kotoran yang melekat. Membersih alatan dengan bahan pembersih yang sesuai. Membilas dengan air sehingga tiada kesan bahan pembersih. Mengeringkan alatan. 	<ul style="list-style-type: none"> Berus pupur Ben rambut
Perkakasan	<ol style="list-style-type: none"> Membuang sisa kotoran yang melekat pada perkakasan (jika ada). Mengelap dengan kain yang mengandungi bahan pembersih. Mengelap dengan kain kering sehingga tiada kesan bahan pembersih. 	<ul style="list-style-type: none"> Katil facial Kerusi solekan
Kelengkapan	<ol style="list-style-type: none"> Membuang sisa kotoran yang melekat pada kelengkapan (jika ada). Mengelap dengan kain yang mengandungi bahan pembersih. Mengelap dengan kain kering sehingga tiada kesan bahan pembersih. 	<ul style="list-style-type: none"> Troli facial Troli rambut

PAK 21

Hasilkan video pendek berkaitan cara membersihkan alatan, perkakasan dan kelengkapan di salun.

Info Tambahan

Pastikan semua alatan, perkakasan dan kelengkapan dibasuh dan disteril sebelum dan selepas rawatan dilakukan untuk mengelakkan penularan bawaan virus atau bakteria.



Langkah Kerja Pensterilan secara Fizikal

Jadual 1.14 Langkah kerja pensterilan secara fizikal

Perkara	Langkah Kerja	Contoh
Haba lembap	<ol style="list-style-type: none"> Memasukkan alatan ke dalam bekas berisi air. Merebus alatan sehingga mendidih. Mengeluarkan dan mengelap alatan sehingga kering. Menyimpan alatan di tempat yang sesuai. 	Alatan kecil seperti: <ul style="list-style-type: none"> Tuala (jenis fabrik) Ben rambut
Haba kering (Cahaya matahari)	<ol style="list-style-type: none"> Menjemur alatan di bawah cahaya matahari. Mengeringkan alatan. Menyimpan alatan di tempat yang sesuai. 	Alatan yang boleh dibasuh seperti: <ul style="list-style-type: none"> Tuala Ben rambut Kep solek
Sinar ultralembayung	<ol style="list-style-type: none"> Membersih alatan daripada kotoran. Memasukkan alatan ke dalam kabinet ultralembayung. Memasang suis dan biarkan sekurang-kurangnya 2 minit. Mengeluar dan menyimpan alatan di tempat yang sesuai. 	Alatan kecil seperti: <ul style="list-style-type: none"> Sikat rambut Berus solekan <i>Comedone extractor</i> Span fasial Span bedak asas

Langkah Kerja Pensterilan secara Kimia

Jadual 1.15 Langkah kerja pensterilan secara kimia

Perkara	Langkah Kerja	Contoh
Antiseptik	<ol style="list-style-type: none"> Membersih alatan daripada kotoran. Menuang sedikit antiseptik pada kapas kering atau sembur pada alatan. Mengelap alatan hingga kering. Menyimpan alatan di tempat yang sesuai. 	Alatan kecil seperti: <ul style="list-style-type: none"> <i>Comedone extractor</i> Sikat rambut
Desinfektan	<ol style="list-style-type: none"> Menyediakan larutan desinfektan mengikut arahan pengeluar. Merendam alatan mengikut masa yang ditentukan. Mengeluarkan alatan dan membilas dengan air bersih. Mengeringkan alatan dengan tisu kering atau tuala bersih. Menyimpan alatan di tempat yang sesuai. 	Alatan yang boleh dibasuh seperti: <ul style="list-style-type: none"> Tuala Ben rambut Kep solek

Aktiviti

Bentuk tiga kumpulan dan lakukan kaedah pensterilan yang sesuai mengikut jenis alatan berikut:

- Rawatan muka
- Solekan muka
- Penggunaan rambut

Info Tambahan

Pastikan semua alatan bebas minyak sebelum dimasukkan ke dalam kabinet ultralembayung.

Penyimpanan Alatan, Perkakasan dan Kelengkapan Salun

Setelah proses pembersihan dilakukan, semua alatan, perkakasan dan kelengkapan perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Tujuannya adalah untuk memastikan salun sentiasa dalam keadaan ergonomik dan kondusif.

Jadual 1.16 Cara penyimpanan alatan, perkakasan dan kelengkapan salun

Cara Penyimpanan	Penerangan
Alatan	<ul style="list-style-type: none"> Menyimpan alatan di dalam almari yang berkunci. Menyimpan alatan yang mempunyai aksesori bersama. Memeriksa keadaan alatan dari semasa ke semasa. Melabel alatan dengan jelas. Menyimpan alatan yang sedang digunakan di atas troli.
Perkakasan	<ul style="list-style-type: none"> Menyimpan perkakasan di dalam stor. Menyimpan perkakasan yang mempunyai aksesori bersama. Memeriksa keadaan perkakasan dari semasa ke semasa. Melabel perkakasan dan manual penggunaan dengan jelas.
Kelengkapan	<ul style="list-style-type: none"> Meletakkan kelengkapan salun di tempat yang sesuai dengan keperluan perkhidmatan. Memastikan kelengkapan tidak menghalang laluan pekerja salun dan laluan kecemasan. Memeriksa keadaan kelengkapan supaya dalam keadaan selamat.

Info Tambahan

Asing dan labelkan setiap alatan, perkakasan dan kelengkapan yang rosak sebelum tindakan susulan (penyelenggaraan dan pelupusan) diambil.


Aktiviti

Secara berkumpulan, terangkan cara penyimpanan alatan, kelengkapan dan perkakasan mengikut kategori berikut:

- Rawatan muka
- Solekan muka
- Penggunaan rambut

Pengendalian Bahan Sisa Salun

Pengendalian bahan sisa salun yang betul merupakan salah satu aspek penting dalam pengurusan salun yang baik. Oleh itu, pekerja salun perlu mengenal pasti cara pembuangan bahan sisa salun dengan tepat untuk mengurangkan kesan negatif terhadap kesihatan dan persekitaran.



Rajah 1.12 Kesan pembuangan bahan sisa yang tidak terancang

Kaedah Mengendalikan Sisa Bahan Salun

Jadual 1.17 Kaedah mengendalikan sisa bahan salun

Jenis Sisa Pepejal	Kaedah Mengendalikan Sisa	Penerangan
Sisa kitar semula	i. Asingkan sisa pepejal mengikut komposisi berikut: a. Kertas b. Plastik c. Lain-lain yang boleh dikitar semula: • Kaca atau seramik • Tin aluminium, besi atau logam lain • Sisa elektrik atau barang elektrik kecil • Bahan pabrik, kasut, getah atau kulit • Sisa berbahaya • Sisa kebun atau taman • Sisa pukal ii. Bersihkan sisa pepejal yang kotor (jika perlu). iii. Masukkan dalam tong sampah kitar semula yang sesuai. iv. Jika tiada tong kitar semula, masukkan sisa tersebut ke dalam bekas yang sesuai atau plastik sampah dan letakkan di tepi tong sampah.	<ul style="list-style-type: none"> Sisa barangan kosmetik seperti gincu, pemerah pipi, pembayang mata dan sebagainya biasanya diperbuat daripada plastik yang boleh dikitar semula. Kandungannya perlu dikosongkan dan diurus seperti sisa baki, manakala bekas plastik diurus mengikut kaedah sisa kitar semula. Botol kaca yang telah pecah atau rosak perlu dibalut dengan surat khabar atau kertas dengan kemas sebelum dikendalikan.
Sisa baki	i. Pepejal a. Masukkan ke dalam bekas yang sesuai atau plastik sampah. b. Buang ke dalam tong sampah yang bertutup. ii. Cecair a. Buang sisa cecair ke dalam sinki. b. Alirkan air paip sehingga tiada bau atau warna.	<ul style="list-style-type: none"> Sisa baki merangkumi tisu, kapas dan sisa-sisa lain yang kotor dan tercemar yang tidak boleh dikitar semula.

Kawalan MakhluK Perosak (Pest Control)

Pemeriksaan kawalan makhluK perosak perlu dilakukan secara berkala untuk mengawal dan mencegah daripada serangan makhluK perosak yang boleh merosakkan salun dan menjejaskan kesihatan pekerja salun. Kekerapan pemeriksaan adalah berbeza bergantung kepada jenis bangunan. Contoh makhluK perosak ialah semut, lipas, anai-anai, nyamuk, cicak, tikus, tupai, kelawar dan lain-lain.

Jadual 1.18 Kaedah kawalan makhluK perosak

MakhluK Perosak	Kaedah Kawalan
Semut, lipas, nyamuk, anai-anai, cicak, lalat	Sembur racun makhluK perosak pada laluan atau sarang makhluK perosak.
Tikus, tupai, kelawar	Pasang perangkap.

Tujuan Kawalan MakhluK Perosak

- Melindungi bangunan daripada dirosakkan oleh makhluK perosak.
- Mengawal dan mencegah pembiakan makhluK perosak di dalam salun.
- Menjimatkan kos penyelenggaraan salun.
- Mengurangkan risiko jangkitan penyakit bawaan makhluK perosak.



Sila Imbas



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/kekerapan-pemeriksaan-di-premis/> untuk mendapatkan maklumat tentang kekerapan pemeriksaan di premis.



EMK

Kenal pasti kewujudan makhluK perosak di dalam salun dan terangkan cara mengatasinya.

Jadual Penyelenggaraan Salun

Penyelenggaraan salun boleh dilakukan secara harian, mingguan dan berkala. Jadual tugas harian boleh disediakan dengan melibatkan semua pekerja salun. Tujuannya adalah untuk memastikan tugas membersihkan salun dibahagi sama rata dan adil. Tugas secara mingguan dan berkala dilakukan secara berkumpulan dan bergotong-royong bergantung kepada jenis penyelenggaraan salun.

Jadual 1.19 Jadual penyelenggaraan salun

Jenis	Penerangan	Contoh
Harian	<ul style="list-style-type: none"> Dilakukan setiap hari. Melibatkan kerja-kerja ringan dan ringkas. Dilakukan dalam masa yang singkat. 	<ul style="list-style-type: none"> Menyapu. Mencuci toaia. Menukar cadar. Membuang sampah. Menyusun bahan bacaan. Mengemop lantai. Membersihkan tandas.
Mingguan	<ul style="list-style-type: none"> Biasanya dilakukan pada hujung minggu atau seminggu sekali. Mengambil masa yang lebih lama. Pembahagian tugas antara ahli dapat membantu meringankan tugas. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengelap tingkap dan perabot.
Berkala	<ul style="list-style-type: none"> Dilakukan pada masa tertentu. Dilakukan secara bergotong-royong antara semua ahli. 	<ul style="list-style-type: none"> Menukar langsir. Membersihkan kipas. Mengemas dan membersihkan stor.

Penyelenggaraan Alatan, Perkakasan, Kelengkapan dan Ruang Kerja Salun

Penyelenggaraan salun merupakan aktiviti berkala yang perlu dilakukan oleh pekerja salun untuk memastikan salun dalam keadaan baik dan selamat. Semua alatan, perkakasan dan kelengkapan serta ruang kerja salun perlu diselenggara mengikut jadual dan SOP yang telah ditetapkan oleh salun.



Rajah 1.13 Penyelenggaraan alatan, perkakasan dan kelengkapan salun



Rajah 1.14 Penyelenggaraan ruang kerja salun

1.2.2 Penyeliaan Amalan Keselamatan dan Kebersihan di Salun

Penyeliaan salun merupakan satu cara penilaian yang dilakukan oleh penyelia untuk memastikan pekerja salun sentiasa mematuhi semua amalan keselamatan dan kebersihan di salun. Tujuan penyeliaan salun adalah untuk:

- Memastikan pekerja salun mematuhi amalan keselamatan dan kebersihan salun
- Memastikan salun dalam keadaan yang bersih dan selamat digunakan
- Mengesan dan menyelenggara jika ada alatan atau bahan yang rosak

Borang Senarai Semak Amalan Keselamatan dan Kebersihan Salun

- Mengandungi semua amalan keselamatan dan kebersihan yang perlu difahami dan dipatuhi.

Borang Senarai Semak Amalan Keselamatan dan Kebersihan Salun		
Bil.	Perkara	Kaedah Penyeliaan
1.	Peraturan salun dipamer di tempat yang sesuai.	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan peraturan salun dipamerkan di ruang kerja. <ul style="list-style-type: none"> - Ruang rawatan muka - Ruang solekan muka - Ruang penggayaan rambut • Peraturan ditulis dengan jelas dan mudah difahami.
2.	Ruang kerja bersih.	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan lantai kering dan bersih. • Pastikan pengudaraan dan pencahayaan yang sesuai.
3.	Perabot, alatan dan bahan disusun dengan kemas.	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan susunan perabot, alatan dan bahan sesuai dengan ruang kerja. • Pastikan susunan tidak mengganggu laluan pelanggan dan pekerja salun.
4.	Mempunyai alat pemadam api yang berfungsi.	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan alat pemadam api berfungsi dengan baik dan belum tamat tempoh.
5.	Kit pertolongan cemas disimpan di tempat yang mudah dicapai.	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan kit pertolongan cemas adalah lengkap dan belum tamat tempoh. • Kit tersebut diletakkan di tempat yang mudah dicapai dan selamat.
6.	Pelan kecemasan, tanda laluan kecemasan, dan talian kecemasan dipamer di tempat yang sesuai.	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan pelan kecemasan dipamer pada setiap ruang kerja. • Pastikan laluan kecemasan dilabel dengan jelas.
7.	Menyediakan spatula untuk mengambil bahan.	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan spatula bersih dan mencukupi.
8.	Semua bekas bahan ditutup dengan ketat.	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan semua bahan ditutup dengan ketat dan bekas bahan dalam keadaan bersih.
9.	Semua bekas bahan telah dilabel.	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan semua bekas bahan dilabel dengan jelas. • Pastikan tarikh luput bahan dapat dilihat dengan jelas.
10.	Alatan elektrik berfungsi dengan baik.	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan semua alatan elektrik dalam keadaan selamat dan berfungsi.
11.	Memakai pakaian keselamatan semasa bekerja.	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan pekerja salun memakai pakaian dan PPE yang sesuai.
12.	Aksesori dan barang kemas ditanggalkan semasa bekerja.	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan pekerja salun menanggalkan aksesori dan barang kemas semasa bekerja.
13.	Mensteril tangan dan alatan sebelum melakukan perkhidmatan rawatan.	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan pekerja salun mensteril tangan sebelum melakukan perkhidmatan rawatan.
14.	Ruang persalinan disediakan untuk pelanggan.	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan ruang persalinan bersih dan hanya boleh digunakan oleh pelanggan.

Rajah 1.15 Contoh borang senarai semak amalan keselamatan dan kebersihan salun

Borang Senarai Semak Penyelenggaraan Mesin atau Alatan Elektrik

- Bertujuan untuk mengesan keadaan mesin dan status penyelenggaraan.
- Mengandungi tarikh selenggara, nama mesin atau alatan, status kerosakan, jenis kerosakan, tarikh baiki dan kekerapan rosak.

Borang Senarai Semak Penyelenggaraan Mesin atau Alatan Elektrik

Bil.	Tarikh Selenggara	Nama Mesin	Status (Baik/Rosak)	Jenis Kerosakan	Tarikh Baiki	Kekerapan Rosak
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						
6.						
7.						
8.						

Catatan keseluruhan :

Disemak oleh: _____ Disahkan oleh: _____

Rajah 1.16 Contoh borang senarai semak penyelenggaraan mesin atau alatan elektrik

Borang Laporan Kerosakan Mesin atau Alatan Elektrik

- Perlu diisi jika berlaku kerosakan pada mesin atau alatan.
- Mempunyai maklumat tarikh, nama mesin atau alatan dan jenis kerosakan.
- Maklumat kerosakan dilengkapkan oleh pekerja salun dan disemak oleh penyelia salun. Seterusnya akan disahkan oleh pengurus salun untuk tindakan susulan.
- Menyatakan tarikh mesin atau alatan siap dibaiki.

Borang Laporan Kerosakan Mesin/ Alatan Elektrik

Tarikh :

Nama mesin :

Jenis kerosakan :

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Dilaporkan oleh:

Disemak oleh:

Disahkan oleh:

Tarikh dibaiki:

Tarikh siap dibaiki:

Rajah 1.17 Contoh borang laporan kerosakan mesin atau alatan elektrik

Rekod Penggunaan Mesin atau Alatan Elektrik

- Borang ini disediakan untuk merekod semua penggunaan mesin.
- Mempunyai maklumat tarikh, nama pengguna, nama dan bilangan mesin.
- Tujuannya adalah untuk mengesan pergerakan mesin dan kadar penggunaannya.

Bil.	Tarikh	Nama Pengguna	Nama Mesin	Bilangan	Tandatangan
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					
6.					
7.					
8.					
9.					
10.					
11.					
12.					
13.					
14.					
15.					

Rajah 1.18 Contoh rekod penggunaan mesin atau alatan elektrik

Borang Senarai Semak Penyelenggaraan Kit Pertolongan Cemas

- Tujuannya adalah untuk mengesan bahan dan alatan yang ada dalam kit pertolongan cemas.
- Disemak beberapa kali dalam setahun.
- Bahan dan alatan yang telah rosak atau telah luput akan dibuang dan diganti.
- Mengandungi maklumat nama, kuantiti dan status alatan dan bahan.

Bil	Bulan		Januari	April	Ogos	Disember
	Bahan/ Alatan	Kuantiti/ Baik/ Lupus				
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						
6.						
7.						
8.						
9.						
10.						
11.						
12.						
13.						
14.						
15.						

Disemak oleh:

Nama:


Tarikh:

Rajah 1.19 Contoh borang senarai semak penyelenggaraan kit pertolongan cemas

1.3 Pengurusan Stok


Pengurusan stok dan stor merupakan salah satu aspek pengurusan salun yang penting kerana melibatkan penerimaan, penjagaan dan pengawalan stok dalam salun. Pengurusan stok yang baik dapat menjamin keperluan alatan yang sentiasa mencukupi dan selamat digunakan.

Definisi Stok dan Stor



Rajah 1.20 Definisi stok dan stor


Tujuan Pengurusan Stor



Rajah 1.21 Tujuan pengurusan stor

1.3.1 Kategori Stok

Stok dapat dikategorikan berdasarkan jenis alatan yang diterima iaitu stok alatan kekal dan stok bahan habis guna. Hal ini amat penting bagi pengurusan salun yang cekap dan memudahkan pekerja salun untuk mengendalikan stok dengan lebih berkesan dan efisien.



Rajah 1.22 Kategori stok

1.3.2 Prosedur Pengurusan Stok

Pengurusan stok perlu dirancang dengan baik supaya stok sentiasa mencukupi dan berfungsi dengan baik. Hal ini secara tidak langsung akan dapat menjimatkan perbelanjaan salun, tempat simpanan dan memudahkan pekerja salun mengurus dan mengendalikan operasi salun dengan cekap.

Prosedur Pembelian Bahan dan Alatan

Setiap pembelian alatan dan bahan mempunyai prosedur yang tersendiri. Setiap prosedur haruslah dipatuhi agar stok sentiasa mencukupi.



Rajah 1.23 Prosedur pembelian bahan dan alatan

Prosedur Pengurusan Stok



Rajah 1.24 Prosedur pengurusan stok

Jadual 1.20 Pengurusan stok

Pengurusan Stok	Penerangan	Dokumen
Membeli bahan dan alatan	<ul style="list-style-type: none"> Merancang pembelian. Mengenal pasti pembekal. 	<ul style="list-style-type: none"> Nota minta Borang pesanan
Menerima bahan dan alatan	<ul style="list-style-type: none"> Menyemak invois. Menyemak bahan dan alatan mengikut kuantiti dan spesifikasi. Menandatangani invois. 	<ul style="list-style-type: none"> Invois Resit pembayaran
Merekod stok	<ul style="list-style-type: none"> Merekod stok. Mengemas kini kad stok atau kad petak. 	<ul style="list-style-type: none"> Kad stok atau kad petak
Menyimpan stok	<ul style="list-style-type: none"> Menyimpan stok di tempat yang disediakan. Mengamalkan konsep FIFO (<i>First In First Out</i>). 	<ul style="list-style-type: none"> Kad stok atau kad petak
Mengeluar stok	<ul style="list-style-type: none"> Mengeluar stok mengikut permintaan. Merekod maklumat dalam kad stok atau kad petak. Mengamalkan konsep FIFO (<i>First In First Out</i>). 	<ul style="list-style-type: none"> Kad stok atau kad petak
Memeriksa stok	<ul style="list-style-type: none"> Memeriksa stok secara berkala. Mengenal pasti stok berlebihan, berkurangan dan rosak. Melakukan tindakan susulan terhadap stok berlebihan, berkurangan dan rosak. 	<ul style="list-style-type: none"> Kad stok atau kad petak Borang kawalan stok Borang laporan pemeriksaan stok
Melupus stok	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti stok rosak atau tidak diperlukan. Membuat permohonan melupus stok. Melupus stok mengikut kaedah yang sesuai (buang atau jual semula dan sebagainya). 	<ul style="list-style-type: none"> Borang pelupusan

Info Tambahan

FIFO merupakan kaedah yang paling sesuai digunakan di salun kerana stok yang terawal disimpan akan dikeluarkan terlebih dahulu. Hal ini bertujuan untuk memastikan pergerakan stok yang sistematik dan mengelakkan daripada stok disimpan terlalu lama di dalam stor.



Secara berkumpulan, dapatkan maklumat tentang cara menguruskan stok selain daripada konsep FIFO.

Dokumen Pengurusan Stok

Kad dan borang berkaitan dengan pengurusan stok perlu sentiasa dikemas kini dan disimpan di tempat yang sesuai. Hal ini untuk memudahkan pengurusan kewangan salun mengenal pasti dan mengawal selia maklumat berkaitan stok salun.

Nota Minta

- Permohonan kelulusan untuk mendapatkan bahan dan alatan.
- Maklumat bahan dan alatan, kuantiti dan anggaran harga dinyatakan dengan jelas.
- Perlu kelulusan dari pengurus salun.
- Mengandungi maklumat:
 - Maklumat pemohon
 - Maklumat bahan dan alatan
 - Kuantiti
 - Harga
 - Tarikh permohonan dan tarikh kelulusan
 - Pengesahan atau kelulusan penyelia atau pengurus salun

NOTA MINTA

Tarikh:

Kepada:

Daripada:

PERMOHONAN MENDAPATKAN BEKALAN PERALATAN

Berhubung perkara di atas, di harap agar tuan dapat meluluskan permohonan untuk mendapatkan bekalan seperti berikut:

Bil.	Perkara	Kuantiti	Harga (RM)	Catatan
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

Permohonan di atas

*Diluluskan / tidak diluluskan

Tarikh:

Tarikh:

Rajah 1.25 Contoh nota minta

Borang Pesanan

- Maklumat alatan atau bahan yang ingin dibeli berdasarkan nota minta.
- Dihantar oleh pembeli kepada pembekal.
- Mengandungi maklumat:
 - Maklumat pembekal
 - Maklumat bahan dan alatan yang ingin dibeli
 - Kuantiti
 - Harga seunit dan jumlah harga
 - Tarikh
 - Perakuan oleh pembeli

BORANG PESANAN

Kepada:

Sila bekalkan barang di bawah ini selewatnya pada _____ dan panjangkan bil kepada kami.

Bil.	Perkara	Kuantiti	Harga Seunit		Jumlah	
			RM	Sen	RM	Sen
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						
6.						
JUMLAH						

Tandatangan

Tarikh:

Perakuan Mengenai Mutu (Diisi oleh pembekal)
 Saya mengakui bahawa saya telah membekalkan barang atau telah melaksanakan kerja yang tersebut di atas mengikut surat tuan

Tarikh : Tandatangan:

Perakuan Penerima
 Saya memperakui bahawa:

1. Barang yang dipesan di atas telah diterima dan dikeluarkan untuk terus digunakan atau disimpan dan dimasukkan ke dalam buku stok atau muka surat
2. Barang kerja atau perkara di atas telah dibekalkan atau dilaksanakan dengan memuaskan.

Tarikh: Tandatangan:

Rajah 1.26 Contoh borang pesanan

Invois

- Maklumat berkaitan pembelian bahan dan alatan.
- Mempunyai salinan kepada pembekal dan pembeli.
- Pembayaran hanya boleh dilakukan selepas menerima bahan dan alatan dan invois.
- Mengandungi maklumat:
 - Maklumat pembekal
 - Maklumat bahan dan alatan
 - Kuantiti
 - Harga bahan dan alatan dan jumlah keseluruhan
 - Tarikh
 - Perakuan oleh pembeli dan pembekal

INVOIS

**No:
Tarikh:**

Kepada:

Bil.	Perkara	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.				
2.				
3.				
4.				
JUMLAH				

Penerima Pembekal

Rajah 1.27 Contoh invois

Resit Pembayaran

- Diberi kepada pembekal selepas pembayaran dilakukan.
- Bukti bertulis urusan pembayaran telah selesai.
- Jumlah keseluruhan dalam resit mesti sama dengan invoice.
- Mengandungi maklumat:
 - Nama pembekal
 - Jumlah pembayaran berdasarkan invoice
 - Maklumat cara pembayaran
 - Tarikh
 - Tandatangan pembeli

SALUN	
RESIT RASMI/OFFICIAL RECEIPT	
	No: Tarikh/Date:
Diterima daripada <i>Received from</i>	_____
Jumlah dalam Ringgit Malaysia <i>The sum of Ringgit Malaysia</i>	_____
Butiran bayaran <i>Being payment of</i>	_____
Tunai/Cash	<input type="checkbox"/>
Cek/Cheque	<input type="checkbox"/>
Pembayaran dalam talian/ <i>Online transaction</i>	<input type="checkbox"/>
*Tandakan / pada kotak yang berkenaan.	

Diluluskan oleh/ <i>Approved by</i>	

Rajah 1.28 Contoh resit pembayaran

Kad Stok atau Kad Petak

- Satu kad digunakan untuk merekod satu bahan dan alatan sahaja.
- Merekod penerimaan dan pengeluaran stok.
- Menggunakan pen merah untuk penerimaan stok
- Menggunakan pen biru atau hitam untuk pengeluaran stok.
- Pindaan atau pemadaman tidak dibenarkan.
- Mengandungi maklumat:
 - Maklumat stok
 - Tarikh serta kuantiti penerimaan dan pengeluaran
 - Baki terkini stok
 - Tandatangan pegawai stor

KAD STOK						No. Kad:
Ruj. Kawalan Stok				Nombor Kod		
Perihal Stok						
Kumpulan Stok			Lokasi Stok			
Bil.	Tarikh	No. Ruj. BTB atau No. Ruj. BPPS	Kuantiti			Tandatangan Pegawai Stor
			Terima	Keluar	Baki	
			Baki dibawa ke hadapan			
Baki dipindahkan ke hadapan						

Nota:
*Diisi oleh Stor Pusat/Utama sahaja

Rajah 1.29 Contoh kad stok atau kad petak

Kad Kawalan Stok

- Satu kad digunakan untuk merekod satu bahan atau alatan sahaja.
- Tujuannya adalah untuk mengesan pergerakan keluar masuk stok dalam tempoh masa tertentu.
- Mengandungi maklumat:
 - Maklumat stok
 - Kuantiti stok
 - Penerimaan dan pengeluaran stok dalam tempoh masa tertentu

No.Kad: _____

KAD KAWALAN STOK

Perihal Stok:

BAHAGIAN A

No. Kod					Kumpulan
Unit Pengukuran					Gerakan
	Baris:	Rak:	Tingkat:	Petak:	
	Baris:	Rak:	Tingkat:	Petak:	

PARAS STOK			
TAHUN	MAKSIMUM (Kuantiti)	MENOKOK (Kuantiti)	MINIMUM (Kuantiti)

TERIMAAN STOK SUKU TAHUN								
TAHUN	PERTAMA		KEDUA		KETIGA		KEEMPAT	
	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)

TERIMAAN STOK SUKU TAHUN								
TAHUN	PERTAMA		KEDUA		KETIGA		KEEMPAT	
	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)

TAHUN	TERIMAAN STOK TAHUNAN		KELUARAN STOK TAHUNAN	
	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)

Rajah 1.30 Contoh kad kawalan stok

Borang Laporan Pemeriksaan Stok

- Dilakukan untuk memeriksa stok secara berkala.
- Jika terdapat stok rosak, berkurangan atau berlebihan, tindakan susulan akan dicadangkan.
- Mengandungi maklumat:
 - Maklumat stok
 - Maklumat perekodan dan lokasi stok
 - Kuantiti
 - Keadaan stok
 - Tarikh pemeriksaan stok
 - Cadangan tindakan susulan (jika perlu)
 - Perakuan pegawai pemeriksa

BORANG LAPORAN PEMERIKSAAN STOK
(Diisi oleh Pegawai Pemeriksa)

Bil	Jenis Inventori	Daftar				Lokasi		Kuantiti		Keadaan Inventori	Catatan
		Lengkap		Kemas kini		Mengikut Rekod	Sebenar	Mengikut Rekod	Sebenar		
		Ya	Tidak	Ya	Tidak						

.....
(Tandatangan)

.....
(Nama Pegawai Pemeriksa 1)

.....
(Jawatan)

.....
(Tarikh Pemeriksaan)

.....
(Tandatangan)

.....
(Nama Pegawai Pemeriksa 2)

.....
(Jawatan)

.....
(Tarikh Pemeriksaan)

Nota

Daftar: Tandakan pada yang berkenaan.
 Lokasi: Nyatakan lokasi inventori mengikut rekod dan lokasi inventori semasa pemeriksaan.
 Keadaan Inventori: Nyatakan sama ada sedang digunakan atau tidak digunakan.
 Catatan: Penjelasan kepada penemuan pemeriksaan.

Rajah 1.31 Contoh borang laporan pemeriksaan stok

Borang Pelupusan Stok

- Merekod stok yang perlu dilupuskan.
- Mengandungi maklumat:
 - Maklumat stok
 - Kaedah pelupusan stok yang sesuai
 - Kuantiti
 - Harga stok
 - Justifikasi pelupusan
 - Perakuan kebenaran oleh penyelia atau pengurus salun

BORANG PELUPUSAN STOK									
Kategori Stor:									
Bil.	No. Kod	Perihal Stok	Tarikh Terima	Tempoh Simpanan	Kuantiti	Nilai Perolehan (RM)		Justifikasi Pelupusan	Syor Kaedah Pelupusan
						Seunit	Jumlah		
JUMLAH:									
Pegawai Pemeriksa 1			Pegawai Pemeriksa 2			Keputusan Kuasa Melulus			
						Diluluskan pelupusan stok yang disenaraikan mengikut kaedah berikut:			
Nama:			Nama:						
Jawatan:			Jawatan:						
Tarikh:			Tarikh:						
						Tandatangan:			
						Nama:			
						Jawatan:			
						Tarikh:			

Rajah 1.32 Contoh borang pelupusan stok

Aktiviti


Secara berkumpulan, anda dikehendaki menghasilkan folio berkenaan dengan cara mengisi borang mengikut situasi berikut:

- Merancang pembelian dan mengisi alatan dan bahan
- Menyelenggara alatan
- Melupus alatan dan bahan

1.3.3 Semakan Stok

Semua stok perlu disemak dari semasa ke semasa untuk memastikan kualiti dan kuantiti stok mencukupi dan selamat digunakan. Dengan cara ini, kecuaihan atau kekurangan dalam menguruskan stok akan dapat dikesan lebih awal dan langkah mengatasinya akan dapat dilakukan dengan lebih cepat.

Tujuan Semakan Stok



Rajah 1.33 Tujuan semakan stok

Kaedah Menyemak Stok

- Mengemaskini stok**
 - Dilakukan setiap kali menerima dan mengeluarkan stok.
 - Hanya boleh dilakukan oleh pegawai stor.
- Pengiraan stok**
 - Dilakukan sepanjang tahun oleh pegawai stok.
 - Untuk memastikan baki stok adalah sama dengan rekod.
 - Untuk mengesan lebihan atau kekurangan stok.
- Pemeriksaan stok**
 - Dilakukan setahun sekali oleh pegawai yang dilantik.
 - Untuk mengesahkan pengiraan stok yang telah dilakukan.
 - Menentukan aktiviti pengurusan stor berjalan dengan lancar.

Rajah 1.34 Kaedah menyemak stok

Aktiviti

Secara berkumpulan, lakukan pemeriksaan dan semakan stok. Bentangkan hasil laporan yang diperolehi.



1. Apakah maksud *Standard Operating Procedure* (SOP)?

2. Nyatakan empat jenis PPE yang diperlukan oleh juruestetik.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

3. Padankan jenis bahan yang terdapat dalam kit pertolongan cemas dan kegunaannya.

Jenis Bahan	Kegunaan
Larutan antiseptik	Membalut luka kecil
Krim antiseptik	Melegakan kesakitan otot
Pita perekat	Mencuci luka
Plaster	Membasmi kuman
Minyakurut	Melekatkan balutan

4. Isi tempat kosong dalam jadual di bawah dengan kaedah pensterilan yang sesuai.



Kaedah Pensterilan	Penerangan
	Letak alatan di bawah sinar matahari.
	Rebus alatan sehingga mendidih.
	Steril alatan dalam kabinet ultralembayung.
	Rendam alatan mengikut masa yang ditentukan.
	Tuang bahan pensterilan pada kapas kering atau sembur pada alatan.


5. Anda diberikan tiga alatan seperti di bawah.



Gunting



Troli fasial



Tuala fasial


Berdasarkan alatan tersebut, lengkapkan jadual berikut.


Alatan	Jenis Pensterilan	Kaedah ensterilan	Cara pensterilan
Gunting			1. _____ 2. _____ 3. _____
Tuala fasial			1. _____ 2. _____ 3. _____
Troli fasial			1. _____ 2. _____ 3. _____

6. Anda dikehendaki melakar pelan lantai salun yang mengandungi:

- i. Susun atur alatan dan kelengkapan yang ergonomik
- ii. Lalan kecemasan salun
- iii. Petunjuk atau simbol berkaitan

7. Lengkapkan carta alir pengurusan stok mengikut prosedur yang betul.





Selepas mempelajari modul ini, saya mampu:

TAHAP	PERKARA YANG DINILAI	TERAMPIL		CATATAN
		YA	BELUM	
1	Menyatakan maksud <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) salun kecantikan.			
2	Menerangkan kategori stok barang kekal dan stok bahan habis guna serta mengemas kini kad pengurusan stok.			
3	Mengaplikasi pengetahuan sedia ada dalam amalan keselamatan dan kebersihan semasa bekerja di salun.			
4	Menyelenggara bahan, alatan, perkakasan, kelengkapan dan ruang kerja salun mengikut kesesuaian.			
5	Menyelia amalan keselamatan dan kebersihan salun menggunakan borang seliaan kawalan keselamatan dan kebersihan salun.			
6	Menghasilkan borang seliaan kawalan keselamatan dan kebersihan salun menggunakan aplikasi TMK dengan kreatif dan boleh diteladani.			



ISTILAH	PENERANGAN
Antiseptik	Digunakan untuk membasmi atau mencegah pembiakan bakteria.
Bronkitis	Keradangan dari lapisan tiub bronkial yang membawa udara ke paru-paru.
Ergonomik	Hubungan antara pekerja dan persekitaran tempat kerja merangkumi aspek peralatan dan keadaan kerja.
Perkakas	Benda-benda yang digunakan untuk membuat sesuatu pekerjaan kelengkapan.
Detergen	Bahan atau campuran bahan yang bertindak sebagai pencuci.
Desinfektan	Bahan kimia yang digunakan untuk mencegah terjadinya jangkitan atau pencemaran oleh mikroorganisma untuk membasmi kuman.
Kondusif	Menyediakan persekitaran yang baik.
<i>Typhoid</i>	Jangkitan bakteria yang boleh menyebabkan demam, cirit-birit dan muntah.



Konsultasi Perkhidmatan Estetik

Standard Kandungan

- 2.1 Personaliti Profesional
- 2.2 Komunikasi Berkesan
- 2.3 Konsultasi Pelanggan

Standard Pembelajaran

- 2.1.1 Menerangkan aspek personaliti profesional juruestetik dari segi penampilan dan etika kerja.
- 2.1.2 Menampilkan ciri-ciri personaliti profesional dari segi fizikal dan perwatakan semasa bekerja.
- 2.2.1 Menerangkan maksud dan jenis komunikasi.
- 2.2.2 Menerangkan teknik komunikasi dan halangan komunikasi.
- 2.2.3 Mengendalikan pelanggan mengikut situasi yang berbeza.
- 2.3.1 Menerangkan jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.
- 2.3.2 Menyediakan bahan dan alatan untuk menganalisis kulit muka.
- 2.3.3 Menganalisis kulit muka pelanggan dan melengkapkan borang konsultasi pelanggan.
- 2.3.4 Membincangkan pakej rawatan berdasarkan hasil analisis kulit muka pelanggan.
- 2.3.5 Mencadangkan pakej perkhidmatan estetik mengikut keperluan pelanggan.
- 2.3.6 Menghasilkan brosur pakej perkhidmatan estetik.

Pencapaian Kompetensi

Pada akhir pembelajaran ini, murid dapat:

- Menyatakan aspek yang mempengaruhi penampilan diri profesional juruestetik
- Mengamalkan etika kerja yang baik semasa bekerja
- Menjalin komunikasi berkesan serta menjalin hubungan yang baik dengan rakan dan pelanggan
- Menyatakan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan di salun
- Mengenal pasti bahan dan alatan serta menganalisis kulit muka pelanggan mengikut prosedur
- Merekod hasil analisis dengan tepat dalam borang konsultasi pelanggan
- Mencadangkan jenis perkhidmatan yang sesuai mengikut kulit muka pelanggan
- Menghasilkan brosur pakej perkhidmatan yang kreatif dan bermaklumat

Pengenalan

Konsultasi pelanggan merangkumi khidmat layanan untuk mendapatkan maklumat pelanggan, sejarah perubatan, gaya hidup, keperluan pelanggan dan direkod oleh juruestetik di dalam borang konsultasi untuk rujukan rawatan yang akan dijalankan.



2.1 Personaliti Profesional

Personaliti adalah tingkah laku yang ada pada setiap individu dan ia berbeza mengikut individu. Personaliti yang baik dapat mewujudkan budaya yang positif dalam kehidupan harian. Bagi mencapai kejayaan dalam kerjaya, juruestetik perlu mempunyai tingkah laku, pertuturan, budi bahasa, kestabilan emosi dan etika profesional dalam diri sebagai daya tarikan kepada pelanggan.

2.1.1 Personaliti Profesional Juruestetik

Terdapat beberapa aspek personaliti profesional bagi seorang juruestetik yang boleh dinilai seperti dari segi penampilan diri, postur badan dan etika kerja.



Pastikan juruestetik tidak memakai jam tangan, rantai tangan dan cincin semasa melakukan rawatan.

Penampilan Diri Juruestetik

Muka

- Muka sentiasa bersih.
- Solekan nipis dan sesuai.

Rambut

- Rambut sentiasa bersih dan kemas.
- Rambut yang panjang hendaklah disanggul.
- Bagi yang bertudung hendaklah sentiasa bersih dan kemas.

Mulut

- Nafas tidak berbau.
- Berkumur selepas makan.
- Gosok gigi dua kali sehari.

Badan

- Mandi setiap hari.
- Gunakan deodoran setiap hari.

Tangan

- Kuku hendaklah sentiasa pendek dan bersih.
- Cuci tangan sebelum dan selepas kerja.

Kaki

- Pakai kasut yang bersih dan sesuai.

Foto 2.1 Penampilan diri juruestetik

Postur Badan

Amalan menjaga postur badan yang baik semasa bekerja penting untuk kesihatan dan kesejahteraan. Terdapat pelbagai kebaikan apabila mengamalkan postur badan yang betul.



Rajah 2.1 Kebaikan mengamalkan postur badan yang betul

Membina Postur Badan yang Betul

Cara Berdiri

- Badan dalam keadaan tegak dan disokong sama rata di atas kedua-dua tapak kaki.
- Kepala tegak dan dagu selari dengan lantai.
- Bahu, dada dan abdomen hendaklah lurus.

Cara Berjalan


- Paksi badan berkeadaan tegak.
- Mata memandang ke hadapan.
- Kaki bergerak dan tangan dihayun untuk mengawal keseimbangan badan.
- Tumit kaki harus menyentuh lantai dahulu sebelum menurunkan tapak kaki.

Cara Duduk

- Duduk tegak.
- Berat badan tertumpu pada bahagian punggung.
- Rapatkan kaki dan paha.
- Otot pinggang berada dalam keadaan rehat.
- Pusingkan kaki kiri ke luar pada sudut 45°.

2.1.2 Ciri-ciri Personaliti Profesional

Personaliti juruestetik mempengaruhi minat pelanggan. Juruestetik memerlukan banyak kepakaran dan kemahiran serta mempunyai peribadi dan sahsiah yang unggul dalam diri. Di samping itu, seorang juruestetik juga perlu mempunyai kesabaran dan kesungguhan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.



Rajah 2.3 Ciri-ciri personaliti profesional

PAK 21

Seorang pelanggan mengunjungi salon anda. Anda perlu mengamalkan personaliti profesional seorang juruestetik semasa berkomunikasi dengan pelanggan tersebut. Lakukan simulasi bersama rakan anda.



Cara Mengambil Barang

- Rapatkan kedua-dua belah kaki.
- Bengkokkan lutut tetapi bahagian toraks dan abdomen dalam keadaan tegak.
- Luruskan tangan ke bawah untuk mengambil barang.



Cara Mengangkat Barang

- Bertinggung semasa mengangkat barang yang berat dari lantai.
- Pastikan kedudukan barang berada di hadapan lutut.
- Luruskan tangan ke bawah untuk mengangkat barang.

Etika Kerja

Etika kerja ialah prinsip moral yang diterapkan oleh organisasi dalam mengawal tingkah laku pekerja. Etika kerja ini penting kepada setiap pekerja untuk melakukan kerja dengan lebih baik. Juruestetik yang mempunyai etika kerja yang baik amnya seorang yang bertanggungjawab dan akan mendapat kepercayaan orang lain dengan mudah.




Rajah 2.2 Etika kerja

2.2 Komunikasi Berkesan

Komunikasi ialah proses penghantaran mesej dari individu kepada individu yang lain. Komunikasi berlaku apabila melibatkan dua pihak iaitu pemberi maklumat dan penerima maklumat. Komunikasi yang baik dapat meningkatkan kemahiran sosial dan memperkasakan keyakinan diri dalam kehidupan.

2.2.1 Jenis-jenis Komunikasi

Terdapat dua jenis komunikasi antara pemberi maklumat dan penerima maklumat. Antaranya ialah komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan.




Rajah 2.4 Jenis-jenis komunikasi

Komunikasi Lisan

Komunikasi lisan merupakan proses komunikasi yang menggunakan percakapan untuk menyampaikan maklumat kepada penerima sama ada antara satu individu dengan individu atau antara kumpulan dengan kumpulan yang lain. Komunikasi lisan boleh disampaikan dengan dengan lebih jelas mengenai perasaan tertentu.




Rajah 2.5 Komunikasi secara lisan yang efektif



Rajah 2.6 Jenis-jenis komunikasi lisan

Komunikasi Bukan Lisan

Komunikasi bukan lisan ialah komunikasi yang tidak menggunakan percakapan. Komunikasi bukan lisan terbahagi kepada dua iaitu komunikasi bertulis dan komunikasi tingkah laku.





Rajah 2.7 Jenis-jenis komunikasi bukan lisan

2.2.2 Teknik Komunikasi


Pelanggan adalah salah satu faktor penentu kejayaan dalam bidang perkhidmatan estetik. Juruestetik perlu melayan pelanggan dengan baik untuk memberi kepuasan kepada pelanggan. Pelanggan juga akan membawa bakal pelanggan lain yang akan menggunakan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Oleh hal demikian, teknik komunikasi dalam melayan pelanggan adalah penting untuk meningkatkan perasaan harga diri pelanggan sehingga mereka berpuas hati.



Rajah 2.8 Teknik berkomunikasi dengan pelanggan

Halangan Komunikasi

Halangan dalam komunikasi menyebabkan komunikasi tersebut kurang berkesan dan maklumat yang hendak disampaikan tidak diterima dengan baik. Berikut merupakan halangan komunikasi dalam menyampaikan maklumat.



Rajah 2.9 Halangan komunikasi dengan pelanggan

2.2.3 Teknik Melayan Pelanggan

Layanan yang mesra, ramah dan sopan akan memberi tanggapan positif pelanggan terhadap juruestetik dan organisasi berdasarkan layanan yang diterima di kaunter penyambut tetamu. Berikut merupakan perkara yang perlu diamalkan oleh juruestetik semasa melayan pelanggan.



Rajah 2.10 Teknik melayan pelanggan

Cara Menyambut dan Melayan Pelanggan

Layanan yang baik kepada pelanggan akan membantu perniaga untuk terus menarik pelanggan atau dapat mengekalkan pelanggan yang sedia ada.

Menyambut dan Melayan Pelanggan di Salun

Menyambut Kedatangan Pelanggan

- Mengalu-alukan kedatangan pelanggan.
- Memperkenalkan diri kepada pelanggan.
- Menjemput pelanggan duduk.
- Memohon maaf jika pelanggan menunggu lama.
- Menyediakan minuman.



Merekod Maklumat Pelanggan

- Mempersilakan pelanggan ke ruang konsultasi.
- Mendapatkan maklumat peribadi dan sejarah perubatan pelanggan.
- Meminta pelanggan mengisi borang maklumat peribadi pelanggan dan menandatangani.
- Mendaftar maklumat pelanggan dalam sistem komputer.



Rajah 2.11 Menyambut dan melayan pelanggan di salun

PAK 21

- Seorang pelanggan datang ke salun anda untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan muka. Berdasarkan situasi di atas, lakukan simulasi berikut:
- a. Menyambut pelanggan
 - b. Merekod maklumat pelanggan

Info Tambahan

Bahan bacaan seperti pakej perkhidmatan, risalah produk dan majalah diletakkan di ruang konsultasi. Minuman juga boleh disediakan kepada pelanggan di salun.

Melayan Pelanggan dalam Talian Telefon



Rajah 2.12 Melayan pelanggan dalam talian telefon

2.3 Konsultasi Pelanggan

Konsultasi pelanggan ialah sesi rundingan yang dilakukan setiap kali pelanggan datang ke salon. Semasa sesi konsultasi, pelanggan dan pekerja salon boleh bertukar-tukar fikiran dan pendapat untuk mendapatkan maklumat berkaitan perkhidmatan yang diperlukan.



Rajah 2.13 Tujuan konsultasi pelanggan

2.3.1 Jenis-jenis Produk dan Perkhidmatan Estetik

Terdapat pelbagai jenis produk dan juga perkhidmatan yang disediakan untuk pelanggan. Juruestetik perlu mengenal pasti produk dan perkhidmatan yang sesuai diberikan kepada pelanggan yang ingin mendapatkan rawatan.

Produk

Produk bagi penjagaan muka, solekan muka dan pengayaan rambut mempunyai kegunaan yang tersendiri. Pelanggan perlu bijak memilih dan menggunakan produk-produk tersebut mengikut keperluan masing-masing untuk mendapatkan kesan yang diinginkan.

Produk Penjagaan Muka

Jadual 2.1 Produk penjagaan muka dan kegunaan

Produk	Kegunaan
Pembersih <ul style="list-style-type: none"> Sabun Gel Krim Buih 	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan untuk membersihkan muka.
Penyegar <ul style="list-style-type: none"> Alkohol Tanpa alkohol 	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan setiap kali selepas membersihkan muka. Mengekalkan kesegaran dan keanjalan kulit muka.
Pelembap <ul style="list-style-type: none"> Krim Losen Gel 	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan selepas memakai penyegar. Melembapkan kulit muka. Menghalang faktor luaran (UV, angin dan debu) daripada merosakkan struktur kulit muka.
Skrub	<ul style="list-style-type: none"> Membantu menanggalkan sel kulit mati. Mempercepatkan proses pertumbuhan sel kulit muka yang baharu.
Pupur <ul style="list-style-type: none"> Tanah liat Biologi 	<ul style="list-style-type: none"> Dapat menegangkan kulit, membekalkan nutrien dan menanggalkan sel kulit mati.
Krim pelindung UV	<ul style="list-style-type: none"> Mengandungi SPF untuk melindungi kulit muka daripada sinaran UV.
Serum	<ul style="list-style-type: none"> Membekal nutrien dan melembapkan kulit muka. Mencegah penuaan kulit.

Produk Solekan Muka

Jadual 2.2 Produk solekan muka dan kegunaan

Produk	Kegunaan
 <p>Bedak asas</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merata dan mengimbangkan warna kulit. • Menyembunyikan keceleaan kecil pada kulit.
 <p>Bedak serbuk</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dipakai selepas bedak asas. • Supaya solekan tahan lebih lama. • Mengelakkan muka dari kelihatan berkilat.
 <p>Pembayang mata</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyeri dan mencantikkan mata. • Menyerlahkan mata.
 <p>Celak mata</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan bentuk lebih jelas dan nyata pada mata. • Menjadikan mata kelihatan lebih besar.
 <p>Pensel kening</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membentuk kening.
 <p>Maskara</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyeri dan mencantikkan mata. • Bulu mata kelihatan lebih tebal dan jelas.
 <p>Pemerah pipi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyeri dan mencantikkan muka.
 <p>Pensel bibir</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membentuk bibir.
 <p>Gincu</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mewarna bibir. • Melembapkan bibir.

Produk Pengayaan Rambut


Jadual 2.3 Produk pengayaan rambut dan kegunaan

Produk	Kegunaan
 <p>Mousse</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadikan stail rambut tahan lama. • Mengilatkan rambut.
 <p>Gel rambut</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengeraskan rambut. • Menjadikan bentuk ikal tahan lama. • Melicinkan rambut.
 <p>Krim atau minyak rambut</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melembapkan rambut. • Mengilatkan rambut. • Melicinkan rambut.
 <p>Penyembur rambut</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengeraskan rambut tanpa melekit. • Menjadikan stail rambut tahan lama.

Perkhidmatan Estetik

Perkhidmatan estetik yang dilakukan kepada pelanggan adalah berbeza bergantung kepada masalah, keperluan dan kehendak pelanggan. Juruestetik akan mengenal pasti dan mencadangkan jenis perkhidmatan yang sesuai kepada pelanggan. Perkhidmatan hanya boleh dilakukan setelah pelanggan bersetuju dengan cadangan perkhidmatan tersebut.

Perkhidmatan Penjagaan Muka



Rajah 2.14 Perkhidmatan penjagaan muka

Rawatan Muka Secara Manual

Rawatan muka secara manual merupakan prosedur asas bagi setiap perkhidmatan rawatan muka. Rawatan ini adalah untuk pelanggan yang tidak mempunyai masalah kulit muka serius dan sebagai rutin asas penjagaan muka.

Langkah Kerja Rawatan Muka Secara Manual



Rajah 2.15 Langkah kerja rawatan muka secara manual

Rawatan Muka Menggunakan Mesin

Rawatan muka menggunakan mesin dilakukan untuk pelanggan yang mempunyai masalah kulit muka seperti berjerawat, berjeragat, kusam, kendur dan sebagainya. Rawatan ini perlu dilakukan secara berkala untuk mendapatkan hasil yang terbaik.

Langkah Kerja Rawatan Muka Menggunakan Mesin



Rajah 2.16 Langkah kerja rawatan muka menggunakan mesin

Info Tambahan

Pemilihan mesin perlu sesuai dengan keperluan dan jenis kulit pelanggan.



Kenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan masalah kulit muka seperti jerawat, jeragat, kulit kusam dan sebagainya.

Solekan Muka

Perkhidmatan solekan muka dilakukan mengikut keadaan dan kehendak pelanggan. Solekan muka dibahagikan kepada dua kategori mengikut perincian penggunaan bahan solekan dan jangka masa proses solekan tersebut.



Rajah 2.17 Solekan muka

Solekan Asas

Solekan asas merupakan cara tatarias pada wajah untuk mencantik dan menyerikan wajah. Solekan asas menggunakan gabungan warna yang sesuai dengan warna kulit muka. Solekan asas terbahagi kepada dua iaitu solekan siang dan solekan malam.

Jadual 2.4 Solekan siang dan solekan malam

	Solekan Siang	Solekan Malam
Penerangan	Solekan siang merupakan solekan ringkas yang menggunakan gabungan warna lembut (<i>pastel colours</i>) dan natural. Solekan siang adalah solekan harian yang sesuai digayakan secara kasual semasa bekerja, menghadiri temu duga dan melakukan aktiviti harian.	Solekan malam merupakan solekan yang menggunakan gabungan warna yang lebih terang dan berkilat. Solekan ini bertujuan untuk menyerlahkan wajah tanpa mengubah bentukmuka. Penggunaan warnalembutdan natural perlu dielakkan kerana pencahayaan pada waktu malam akan menyebabkan wajah kelihatan suram dan tidak berseri.
Ciri-ciri solekan	<ul style="list-style-type: none"> • Solekan ringkas dan nipis. • Menggunakan warna lembut dan natural. • Jangka masa menyolek yang pendek. 	<ul style="list-style-type: none"> • Solekan terang dan menyerlah. • Menggunakan warna yang terang dan berkilat. • Memerlukan masa solekan lebih lama.
Contoh		

Solekan Lanjutan


Solekan lanjutan (*advance makeup*) merupakan teknik solekan yang boleh memberi efek pada bentuk muka seseorang. Solekan lanjutan dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu solekan pembetulan (*corrective makeup*), solekan kreatif dan solekan bertema (*theme makeup*).

Solekan Pembetulan

Solekan pembetulan ialah teknik solekan untuk menghasilkan efek bentuk muka yang ideal. Solekan pembetulan dilakukan dengan cara menyapu pembayang atau penerang pada bahagian tertentu seperti mata, hidung, mulut, dagu dan rahang.



Foto 2.4 Contoh solekan pembetulan



Rajah 2.18 Ciri-ciri solekan pembetulan

Solekan Kreatif

Solekan kreatif merupakan teknik solekan yang memerlukan imaginasi jurusolek untuk menghasilkan solekan yang kreatif. Solekan jenis ini banyak digunakan dalam industri fesyen, lakonan dan persembahan pentas. Solekan boleh dilakukan pada sebahagian atau keseluruhan muka. Aksesori yang sesuai boleh digunakan untuk menyerlahkan lagi solekan kreatif.

Ciri-ciri Solekan Kreatif

- Menggunakan gabungan warna dan corak tertentu.
- Inspirasi solekan dari persekitaran.
- Memerlukan ketelitian dan kreativiti yang tinggi.
- Jangka masa menyolek yang panjang.

Rajah 2.19 Ciri-ciri solekan kreatif



Foto 2.5 Contoh solekan kreatif



Layari <http://arasmega.com/qr-link/contoh-solekan-kreatif/> untuk melihat contoh solekan kreatif.



Solekan Bertema

Solekan bertema juga dikenali dengan nama solekan karakter adalah teknik solekan yang memberi kesan unik mengikut tema atau karakter tertentu. Contoh solekan bertema seperti solekan animasi, kayangan, futuristik dan sebagainya. Aksesori dan kostum yang sesuai boleh digunakan untuk memberi kesan yang lebih menyerlah.

Ciri-ciri Solekan Bertema

- Solekan mengikut tema tertentu.
- Menggunakan gabungan warna dan aksesori yang sesuai.
- Memerlukan ketelitian dan fokus yang tinggi.
- Jangka masa menyolek yang panjang.

Rajah 2.20 Ciri-ciri solekan bertema



Foto 2.6 Contoh solekan bertema




Layari <http://arasmega.com/qr-link/contoh-solekan-bertema/> untuk melihat contoh solekan bertema.



Perkhidmatan Pengayaan Rambut

Perkhidmatan pengayaan rambut dilakukan untuk menghasilkan stail rambut yang sesuai dengan bentuk muka dan keperluan pelanggan. Pengayaan rambut merangkumi stail rambut lurus, ikal, kerinting, jalinan dan sanggul. Pengayaan rambut boleh dilakukan dengan menggunakan alatan elektrik dan tanpa alatan elektrik.



Rajah 2.21 Pengayaan rambut

Pengayaan Rambut Menggunakan Alatan Elektrik

Stail rambut yang boleh dihasilkan dengan menggunakan alatan elektrik adalah stail rambut lurus, ikal atau kerinting. Hasil stail rambut diperoleh dengan menggunakan haba panas dari alatan elektrik. Penggunaan alatan elektrik boleh dilakukan secara berasingan atau digabungkan untuk menghasilkan stail rambut mengikut kehendak pelanggan.

Pengayaan Rambut Menggunakan Pengetak Rambut Elektrik

Pengetak rambut elektrik digunakan untuk menghasilkan kesan kerinting atau ketak pada rambut. Biasanya pengayaan rambut menggunakan pengetak dilakukan untuk rambut yang lurus untuk memberi kesan zig-zag atau ketak dan mempunyai volume.



Foto 2.7 Contoh pengayaan rambut menggunakan pengetak rambut elektrik

Pengayaan Rambut Menggunakan Pengikal Rambut Elektrik

Pengikal rambut elektrik digunakan untuk menghasilkan kesan ikal pada rambut. Pengikal rambut elektrik mempunyai diameter rod yang berlainan untuk menghasilkan kesan ikal yang berbeza. Bentuk ikal yang terhasil bergantung kepada ketebalan rambut, suhu dan jangka masa semasa mengikal rambut.



Foto 2.8 Contoh pengayaan rambut menggunakan pengikal rambut elektrik

Pengayaan Rambut Menggunakan Pelurus Rambut Elektrik

Pelurus rambut elektrik digunakan untuk menghasilkan kesan lurus pada rambut. Pelurus rambut elektrik yang biasa digunakan adalah jenis plat atau berus. Suhu pelurus rambut elektrik perlu dilaras mengikut tekstur dan ketebalan rambut supaya rambut tidak rosak.



Foto 2.9 Contoh pengayaan rambut menggunakan pelurus rambut elektrik



Aktiviti

Secara berkumpulan, hasilkan buku skrap berkaitan variasi pengayaan rambut menggunakan alatan elektrik.

Pengayaan Rambut Tanpa Menggunakan Alatan Elektrik

Pengayaan rambut stail jalinan dan sanggul boleh digayakan secara berasingan atau digabungkan dan ditambah aksesori rambut untuk kesan yang lebih menyerlah. Jalinan dan sanggul hanya boleh digayakan pada rambut yang panjang kerana melibatkan teknik melipat atau menggulung rambut.

Jalinan

Jalinan merupakan pengayaan rambut dengan cara menjalin rambut secara bersilang. Terdapat pelbagai variasi jalinan yang boleh dilakukan bergantung pada panjang dan ketebalan rambut. Aksesori seperti riben, getah dan klip rambut boleh digunakan untuk menyerlahkan lagi jalinan tersebut.



Foto 2.10 Contoh pengayaan rambut secara jalinan

Sanggul

Sanggul merupakan pengayaan rambut dengan cara mengumpulkan sebahagian besar rambut ke bahagian belakang kepala dan seterusnya menyanggulkan rambut sehingga menjadi sanggul. Sanggul yang dihasilkan perlu kemas, seimbang dan kukuh. Selain itu, sanggul boleh dihias dengan aksesori seperti cuduk sanggul, reben, net dan sebagainya.



Foto 2.11 Contoh pengayaan rambut secara sanggul



EMK

Layari Internet untuk mendapatkan contoh-contoh pengayaan rambut secara jalinan dan sanggul terkini.

2.3.2 Bahan dan Alatan Menganalisis Kulit Muka

Bahan dan alatan untuk menganalisis kulit muka perlu disediakan lebih awal supaya proses konsultasi berjalan dengan lancar.



Pembersih solekan
Membersih solekan pada muka pelanggan.



Hand sanitizer
Mensteril tangan juruestetik.



Kapas fasial
Menyapu pembersih solekan pada muka pelanggan.



Tisu fasial
Memetap muka pelanggan.



Wood lamp
Mengenal pasti jenis dan masalah kulit muka pelanggan.



Skin scanner
Mengenal pasti jenis dan masalah kulit muka pelanggan.



Troli fasial
Tempat untuk meletakkan bahan dan alatan menganalisis kulit muka.



Ben rambut

- Mengemaskan balutan rambut.
- Mengelakkan rambut daripada terkena pada muka.

BORANG KONSULTASI PELANGGAN				
BUTIRAN PERIBADI				
Nama	Jantina	Alamat	Pekerjaan	
Telefon (HP)	Umur	Tarikh daftar		
MAKLUMAT ANALISIS				
Jenis Kulit Muka		Warna Kulit		
Normal	Selata			
Berminyak	Kuning langsat			
Kering	Sawo mutang			
Kombinasi (Normal-Berminyak)	Gelap			
Kombinasi (Kering-Berminyak)	Cerah			
Toktur Kulit		Indikasi Kontra		Masalah Kulit Muka
Halus		Jerawat	OO	
Kasar		Jeragat	<<	
Kesap		Tanda lahir	++	
Hipsi		Tahi mata	--	
Licin		Bintik hitam	XX	
		Bintik putih	@@	
		Kedut	---	
REKOD RAWATAN MUKA				
Tarikh	Jenis Perkhidmatan/Rawatan	Harga (RM)	Tandatangan Pelanggan	Tandatangan Juruestetik
				Catatan

Borang konsultasi pelanggan
Merekod maklumat pelanggan dan rawatan yang diberikan.

2.3.3 Analisis Kulit Muka dan Lengkapi Borang Konsultasi

Analisis kulit muka semasa sesi konsultasi dilakukan untuk mengenal pasti jenis kulit pelanggan supaya juruestetik dapat mencadangkan pakej yang sesuai kepada pelanggan. Semasa sesi konsultasi, *skin scanner* atau *wood lamp (skin scope)* boleh digunakan, manakala lampu kanta pembesar digunakan semasa rawatan muka.

Jenis-jenis dan Ciri-ciri Kulit Muka

Juruestetik perlu mengenal pasti jenis-jenis kulit muka pelanggan berdasarkan pemerhatian terhadap ciri-ciri yang terdapat pada muka pelanggan semasa menganalisis kulit muka.

Jadual 2.5 Jenis-jenis dan ciri-ciri kulit muka

Jenis Kulit Muka	Ciri-ciri
Normal	<ul style="list-style-type: none"> • Warna kulit sekata. • Kulit muka halus, tegang dan licin. • Liang pori halus. • Tiada bintik-bintik atau jerawat.
Berminyak	<ul style="list-style-type: none"> • Kulit muka kelihatan berminyak. • Liang roma terbuka. • Mudah berjerawat dan berbintik.
Kering	<ul style="list-style-type: none"> • Berkedut terutama di keliling mata dan mulut. • Mempunyai jerawat. • Kulit bersisik dan mengelupas.
Kombinasi	<ul style="list-style-type: none"> • Gabungan ciri kulit berminyak, normal dan kering. • Bahagian zon T (dahi, hidung dan dagu) berminyak. • Bahagian pipi normal atau kering.

Info Tambahan


Analisis kulit muka perlu dilakukan dengan tepat. Sebarang kesilapan dalam menganalisis kulit muka akan memberi kesan yang serius terhadap kesihatan kulit muka pelanggan.

Panduan Menganalisis Kulit Muka Pelanggan

- 1 Pastikan kulit muka pelanggan bersih, kering dan bebas minyak.
- 2 Periksa bahagian zon T, pipi dan keseluruhan muka pelanggan.
- 3 Kenal pasti warna kulit muka pelanggan.
- 4 Tanya soalan berkaitan untuk mengenal pasti indikasi kontra dan keperluan rawatan pelanggan.
- 5 Kenal pasti tekstur, saiz liang pori, keadaan fizikal dan masalah pada kulit muka pelanggan.

Rajah 2.22 Panduan menganalisis kulit muka pelanggan

Cara-cara Mengendalikan *Skin Scanner*




Rajah 2.23 Cara-cara mengendalikan *skin scanner*

Cara-cara Mengendalikan Wood Lamp



Rajah 2.24 Cara-cara mengendalikan wood lamp

Langkah Kerja Menganalisis Kulit Muka



Rajah 2.25 Langkah kerja menganalisis kulit muka

Borang Konsultasi Pelanggan

Borang konsultasi pelanggan merupakan maklumat yang perlu direkod dan dikemaskini setiap kali pelanggan mendapatkan rawatan di salon. Pelanggan perlu menandatangani borang tersebut untuk mengesahkan maklumat yang diberi adalah benar dan jenis perkhidmatan yang dicadangkan dipersetujui sebelum rawatan dijalankan.

Info Tambahan

Borang konsultasi pelanggan adalah sulit dan maklumat pelanggan hanya boleh digunakan untuk keperluan rawatan sahaja.




Rajah 2.26 Borang konsultasi pelanggan

Selepas menjalani proses menganalisis kulit muka pelanggan, juruestetik perlu:



Rajah 2.27 Langkah-langkah selepas menganalisis kulit muka

BORANG KONSULTASI PELANGGAN

BUTIRAN PERIBADI					
Nama		Jantina			
Alamat		Pekerjaan			
		Umur			
Telefon (HP)		Tarikh daftar			
MAKLUMAT ANALISIS					
Jenis Kulit Muka		Warna Kulit			
Normal		Sekata			
Berminyak		Kuning langsung			
Kering		Sawo matang			
Kombinasi (Normal-Berminyak)		Gelap			
Kombinasi (Kering-Berminyak)		Cerah			
Tekstur Kulit		Indikasi Kontra		Masalah Kulit Muka	
Halus				Jerawat	OO
Kasar				Jeragat	<<
Kasap				Tanda lahir	++
Nipis				Tahi lalat	..
Licin				Bintik hitam	xx
				Bintik putih	@@
				Kedutan	~~
REKOD RAWATAN MUKA					
Tarikh	Jenis Perkhidmatan/Rawatan	Harga (RM)	Tandatangan Pelanggan	Tandatangan Juruestetik	Catatan

Rajah 2.28 Contoh borang konsultasi pelanggan

2.3.4 Jenis Pakej Rawatan

Pakej rawatan bertujuan untuk memberi penerangan tentang rawatan atau perkhidmatan yang disediakan di salon. Pelanggan hendaklah meneliti dan bersetuju dengan pakej sebelum rawatan dilakukan. Terdapat pelbagai pakej perkhidmatan yang boleh disediakan mengikut *trend* semasa.

Maklumat Penting dalam Pakej Rawatan

- Perkhidmatan yang disediakan
- Harga
- Maklumat salon
- Tujuan atau kesan rawatan

Jadual 2.6 Contoh cadangan pakej mengikut jenis kulit muka

Cadangan Pakej	Jenis Kulit	Kelebihan
<ul style="list-style-type: none"> • Pakej Asas (Tanpa Mesin) • Pakej Premium (Dengan Mesin) 	Kulit normal	<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan ciri-ciri kulit yang halus, licin, lembap dan warna kulit sekata. • Kulit anjal dan tegang.
<ul style="list-style-type: none"> • Pakej Asas (Tanpa Mesin) • Pakej Premium (Dengan Mesin) • Pakej Anti Penuaan 	Kulit kering	<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan kelembapan kulit. • Mengurangkan kedutan pada kulit muka. • Warna kulit sekata. • Menegangkan kulit.
<ul style="list-style-type: none"> • Pakej Asas (Tanpa Mesin) • Pakej Premium (Dengan Mesin) • Pakej Memutihkan Kulit 	Kulit berminyak	<ul style="list-style-type: none"> • Mengawal pengeluaran sebum yang berlebihan. • Mengecilkan liang pori. • Tekstur kulit menjadi halus. • Mengurangkan masalah jerawat dan kulit kusam.
<ul style="list-style-type: none"> • Pakej Merawat Kulit Bermasalah • Pakej Memutihkan Kulit • Pakej Anti Penuaan 	Kulit bermasalah: a. Jeragat b. Warna kulit tak sekata c. Kulit kendur d. Kulit sensitif	<ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan jeragat. • Mengimbangkan warna kulit. • Mengecilkan liang pori. • Menegangkan kulit. • Mengurangkan masalah kulit sensitif.

Info Tambahan

Risalah boleh disediakan untuk memudahkan pelanggan memilih pakej rawatan yang sesuai.

Aktiviti

Secara berpasangan, lakukan aktiviti menganalisis kulit muka dan lengkapkan borang konsultasi pelanggan. Bentangkan pemerhatian anda.

2.3.5 Cadangan Pakej Mengikut Kulit Muka Pelanggan

Setelah mengenal pasti jenis kulit muka pelanggan dan rawatan-rawatan yang bersesuaian, juruestetik perlu mencadangkan pakej rawatan yang sesuai mengikut keperluan kulit pelanggan.

Pakej Asas

Pakej asas merupakan rawatan asas untuk pelanggan yang tidak mempunyai masalah kulit muka. Pakej asas menawarkan rawatan muka secara manual dan menjimatkan masa dan kos.

Pakej Antipenuaan

Pakej ini bertujuan untuk membantu pelanggan yang mempunyai kulit kendur dan berkedut. Rawatan dilakukan untuk menegangkan kulit muka pelanggan. Rawatan susulan perlu dilakukan untuk mendapatkan kesan yang memuaskan iaitu kulit muka menjadi semakin tegang dan anjal.

Pakej Pemutihan Kulit

Pakej ini sesuai untuk semua kategori pelanggan, terutamanya pelanggan yang menjalani gaya hidup yang aktif. Kulit muka pelanggan akan kelihatan beberapa tona lebih cerah selepas rawatan.

Pakej Rawatan Kulit Bermasalah

Pakej ini menawarkan penyelesaian bagi kulit muka yang bermasalah seperti berjerawat atau berjeragat. Beberapa sesi rawatan susulan secara berkala akan membantu mengurangkan masalah tersebut. Penggunaan mesin rawatan yang sesuai akan mempercepatkan keberkesanan rawatan.

Pakej Premium

Pakej ini sesuai untuk pelanggan yang tidak mempunyai masalah kulit muka yang serius. Penggunaan mesin yang sesuai akan menjadikan kulit tegang dan anjal.

Aktiviti

Secara berkumpulan, hasilkan pakej rawatan muka yang lengkap dan paparkan di *Gallery Walk*.



Marsha BEAUTY

Pakej Pemutihan Kulit ————— **RM90**
 Rawatan memutihkan kulit (Mesin Galvanik)

Pakej Asas (Tanpa Mesin) ————— **RM50**
 Rawatan muka kulit normal
 Rawatan muka kulit kering
 Rawatan muka kulit berminyak
 Rawatan muka kulit kombinasi

Pakej Premium (Dengan Mesin) ————— **RM60**
 Rawatan muka kulit normal
 Rawatan muka kulit kering
 Rawatan muka kulit berminyak
 Rawatan muka kulit kombinasi

Pakej Anti Penuaan ————— **RM80**
 Rawatan menegang dan menganjalkan kulit (Mesin ultrasound)

Pakej Merawat Kulit Bermasalah ————— **RM100**
 Rawatan muka kulit berjerawat (Mesin frekuensi tinggi)
 Rawatan muka kulit berjeragat (Mesin galvanik)

Setiap Pakej Merangkumi:

Membersihkan muka	Mengurut muka
Menganalisis kulit muka	Menyapu pupur
Menyapu skrub	Menyapu penyegar
Mengewap muka	Menyapu pelembap

TAMAN ARAS MEGA, SELANGOR **014 333 xxxx**

Rajah 2.29 Contoh risalah pakej rawatan muka

2.3.6 Brosur Pakej Perkhidmatan Estetik

Brosur merupakan salah satu media yang digunakan untuk menyampaikan promosi. Brosur bertujuan untuk memberi informasi, mendidik atau mengajak individu atau pelanggan untuk membeli atau mendapatkan perkhidmatan. Ciri-ciri yang terdapat dalam brosur adalah seperti berikut:

- Perlu dicipta dengan ringkas, jelas, terang dan menarik
- Mempunyai informasi yang jelas dan gambar-gambar yang menarik perhatian

Maklumat Penting dalam Brosur

- Tajuk
- Keistimewaan produk atau perkhidmatan
- Maklumat salun
- Harga
- Tarikh promosi
- Waktu operasi




Aktiviti

Secara berpasangan, hasilkan satu brosur perkhidmatan estetik sempena minggu keusahawanan di sekolah anda.



Rajah 2.30 Contoh brosur promosi keahlian



Rajah 2.31 Contoh brosur promosi hari ibu



Rajah 2.32 Contoh brosur promosi pembukaan salun



Aktiviti

Anda mempunyai seorang pelanggan yang berumur 48 tahun. Beliau ingin membuat rawatan pada kulit muka. Anda telah menganalisis kulit muka pelanggan. Hasil analisis kulit muka tersebut:

- Tekstur kulit kasar dan berkedut di bahagian sekeliling bibir dan mata
- Jeragat pada hidung dan pipi
- Kulit kering dan tidak anjal

Anda dikehendaki mengcadangkan pakej perkhidmatan yang sesuai mengikut keperluan kulit muka pelanggan.

BORANG TUGASAN

1. Anda dikehendaki melaksanakan konsultasi pelanggan, menganalisis kulit muka pelanggan dan mencadangkan pakej yang sesuai mengikut keperluan.
2. Anda dikehendaki merekod hasil maklumat dalam borang konsultasi pelanggan dengan lengkap.

SENARAI BAHAN

BIL	BAHAN	KUANTITI
1.	Borang konsultasi pelanggan	1
2.	<i>Wet tissue</i>	1
3.	Pembersih solekan	1
4.	<i>Hand sanitizer</i>	1
5.	Kapas fasial	1
6.	Tisu fasial	1

PERALATAN / KELENGKAPAN

BIL	PERALATAN / KELENGKAPAN	KUANTITI
1.	Kot juruestetik	1
2.	Pakej perkhidmatan	1
3.	Alat tulis	1
4.	<i>Skin scanner/wood lamp</i>	1
5.	Papan penanda	1
6.	Troli fasial	1
7.	Ben rambut	1

KRITERIA PENILAIAN

Prestasi anda akan dinilai berasaskan kriteria berikut:

a. Proses Kerja

Proses kerja bermula daripada menyambut pelanggan, persediaan bahan dan alat bahan sehingga borang konsultasi pelanggan ditandatangani oleh pelanggan dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kebersihan

b. Hasil Kerja

- i. Borang konsultasi pelanggan dikemas kini dan lengkap

c. Sikap / Keselamatan dan Persekitaran

- i. Peralatan

BORANG PENILAIAN KOMPETENSI


Pencapaian Kompetensi	Kompeten (✓)	Belum Kompeten (X)	Catatan
PROSEDUR KERJA			
• Bahan dan peralatan disedia mengikut senarai semak.			
• Pelanggan disambut dengan beretika.			
• Pelanggan ditemu bual dengan sopan dan berkomunikasi dengan jelas.			
• Kulit muka pelanggan dianalisis dengan teliti.			
• Pakej rawatan dibincang dengan beretika.			
• Borang konsultasi pelanggan diisi dengan lengkap.			
HASIL KERJA			
• Borang konsultasi pelanggan dikemas kini dan lengkap.			
NILAI DAN KESELAMATAN			
• Pelupusan bahan sisa salun mengikut prosedur keselamatan.			
• Peralatan dikendalikan mengikut teknik yang betul dan selamat serta disusun kemas selepas digunakan.			
• Berpakaian mengikut prosedur keselamatan.			
• Persekitaran kerja dibersihkan dan dikemas selepas perkhidmatan dilaksanakan.			

1. Nyatakan etika kerja professional juruestetik semasa bekerja di salon.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

2. Tulis dialog perbualan telefon berdasarkan situasi yang diberi.

Zety sebagai juruestetik yang bekerja di Salon Kecantikan Semerbak menjawab panggilan telefon seorang pelanggan yang ingin mengetahui pakej perkhidmatan yang ditawarkan di salon tersebut.




3. Apakah perkara yang perlu diamalkan oleh juruestetik semasa menyambut kedatangan pelanggan?

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____


4. Nyatakan ciri-ciri personaliti profesional juruestetik.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

5. Nyatakan tiga bahan asas dalam rawatan asas muka.




6. Lengkapkan prosedur menganalisis kulit muka pelanggan dengan betul.





Rumusan



Refleksi Diri

Selepas mempelajari modul ini, saya mampu:

TAHAP	PERKARA YANG DINILAI	TERAMPIL		CATATAN
		YA	BELUM	
1	Memberikan penerangan secara ringkas tentang prosedur menganalisis kulit muka kepada pelanggan.			
2	Menyediakan ruang, bahan dan alatan untuk menganalisis kulit muka.			
3	Menganalisis kulit muka pelanggan dan melengkapkan borang konsultasi pelanggan.			
4	Membincangkan pakej rawatan berdasarkan hasil analisis kulit muka pelanggan.			
5	Mencadangkan pakej perkhidmatan estetik mengikut keperluan pelanggan.			
6	Menghasilkan brosur yang menarik.			



Glosari

ISTILAH	PENERANGAN
Jeragat	Tompok-tompok kecil yang berwarna gelap berbanding warna kulit.
Komedon	Bintik hitam pada wajah akibat dari liang pori yang tersumbat.
Konsultasi	Rundingan.
Mengewap	Proses mengeluarkan wap.
Natural	Semula jadi, asli.
Pigmentasi	Perubahan warna pada kulit akibat dari peningkatan jumlah melanin pada kulit.
Volume	Tidak nipis.
Zig-zag	Bentuk berketak, kelihatan seperti huruf Z yang bersambung.



Rawatan Muka

Standard Kandungan

3.1 Rawatan Muka secara Manual atau Menggunakan Mesin.

Standard Pembelajaran

- 3.1.1 Menyenaikan ciri setiap jenis kulit muka.
- 3.1.2 Mengenal pasti indikasi dan indikasi kontra rawatan muka.
- 3.1.3 Mengenal pasti jenis bahan dan alatan serta mesin dan kelengkapan untuk rawatan muka.
- 3.1.4 Menerangkan prosedur merawat muka secara manual atau menggunakan mesin.
- 3.1.5 Menyediakan bahan dan alatan serta mesin dan kelengkapan untuk rawatan muka.
- 3.1.6 Menganalisis kulit muka pelanggan menggunakan lampu kanta pembesar (*magnifying lamp*).
- 3.1.7 Menentukan jenis rawatan muka yang bersesuaian dengan keperluan kulit muka dan kehendak pelanggan.
- 3.1.8 Merawat muka secara manual.
- 3.1.9 Merawat muka menggunakan mesin frekuensi tinggi terus, mesin frekuensi tinggi tidak terus, mesin sedut vakum, mesin galvanik dan mesin *ultrasound*.

Pencapaian Kompetensi

Pada akhir pembelajaran ini, murid dapat:

- Menyatakan ciri dan jenis kulit muka
- Menyatakan indikasi dan indikasi kontra rawatan muka
- Menyatakan jenis bahan dan alatan serta mesin dan kelengkapan untuk rawatan muka
- Menyatakan prosedur merawat muka secara manual atau menggunakan mesin
- Memilih dan menyediakan bahan dan alatan serta mesin dan kelengkapan untuk rawatan muka dengan betul
- Menganalisis kulit muka pelanggan menggunakan lampu kanta pembesar (*magnifying lamp*) dengan teknik yang betul
- Melakukan rawatan muka yang bersesuaian dengan keperluan kulit muka dan kehendak pelanggan mengikut prosedur dan teknik yang betul
- Merawat muka secara manual mengikut prosedur dan teknik yang betul
- Merawat muka menggunakan mesin frekuensi tinggi terus, mesin frekuensi tinggi tidak terus, mesin sedut vakum, mesin galvanik dan mesin *ultrasound* mengikut prosedur dan teknik yang betul

Pengenalan

Rawatan muka adalah penjagaan kulit muka yang dilakukan untuk meningkatkan kesihatan kulit muka. Rawatan muka terbahagikan kepada dua jenis rawatan iaitu rawatan muka secara manual dan rawatan muka menggunakan mesin.



3.1 Rawatan Muka Secara Manual atau Menggunakan Mesin

Penjagaan kulit muka perlu dilakukan bagi memastikan kulit muka kelihatan bersih dan menarik. Bagi mendapatkan kulit muka yang diidamkan, rawatan muka perlu dilakukan bertujuan untuk memperbaiki keadaan kulit muka yang bermasalah.

3.1.1 Ciri-ciri dan Jenis Kulit Muka

Sebelum melakukan rawatan, juruestetik perlu mengenal pasti jenis kulit muka pelanggan supaya rawatan muka yang dilakukan sesuai dengan kulit muka pelanggan.

Kulit Normal

- Permukaan kulit muka halus dan anjal.
- Kulit muka lembut dan licin.
- Kulit muka berseri dan lembap.
- Warna kulit muka sekata.
- Tiada bintik atau jerawat.

Kulit Berminyak

- Liang pori terbuka.
- Tekstur kulit muka kasar, berkilat dan berminyak terutamanya di bahagian dahi, hidung dan dagu.
- Kulit mudah berjerawat dan berbintik-bintik.

Kulit Kering

- Kulit muka tegang dan mudah berkedut terutama di keliling mata dan bibir.
- Kulit muka bersisik dan mengelupas.
- Kulit muka berasa tegang selepas dicuci.
- Liang pori halus dan tertutup.

Kulit Kombinasi

- Kulit muka jenis ini adalah gabungan kulit normal berminyak dan kering.
- Bahagian zon T kulit muka berminyak (dahi, hidung dan dagu).
- Bahagian pipi normal atau kering.

Rajah 3.1 Ciri-ciri dan jenis kulit muka



Sila
Imbas



Layari <http://arasmega.com/qr-link/ciri-dan-jenis-kulit-muka/> untuk mengenal pasti ciri dan jenis kulit muka.

Masalah pada Kulit Muka


Masalah pada kulit muka boleh menurunkan keyakinan pada seseorang. Terdapat pelbagai punca yang menyebabkan masalah kulit muka dan masalah tersebut bergantung kepada jenis kulit muka.



Sila
Imbas




Layari <http://arasmega.com/qr-link/punca-masalah-pada-kulit-muka/> untuk punca terjadi masalah pada kulit muka.




Tahi lalat




Skin tag




Acne rosacea




Pustul




Parut



Acne vulgaris




Milia



Kapilari darah




Bintik putih



Bintik hitam



Keloid



Papules

Rajah 3.2 Jenis-jenis kulit muka bermasalah

3.1.2 Indikasi dan Indikasi Kontra Rawatan Muka Secara Manual

Sebelum melakukan perkhidmatan rawatan muka, juruestetik perlu mengenal pasti indikasi dan indikasi kontra yang dihadapi oleh pelanggan. Indikasi merupakan keadaan yang membolehkan juruestetik melakukan perkhidmatan rawatan muka kepada pelanggan manakala indikasi kontra adalah keadaan atau kesihatan yang menghalang pelanggan daripada mendapatkan rawatan.

Jadual 3.1 indikasi dan indikasi kontra mengikut jenis kulit muka


Jenis Kulit Muka	Indikasi	Indikasi Kontra
Kulit muka normal	<ul style="list-style-type: none"> Otot muka kurang anjal 	<ul style="list-style-type: none"> Histeria Epilepsi Pembedahan pada muka Selaran matahari Kulit sensitif Radang kulit Migrain Kapilari darah pecah
Kulit muka berminyak	<ul style="list-style-type: none"> Kulit berjerawat Liang pori terbuka Kelihatan berminyak 	
Kulit muka kering	<ul style="list-style-type: none"> Kulit kering dan kasar Kulit mengelupas Mempunyai garis-garis halus Kulit kusam 	
Kulit muka kombinasi	<ul style="list-style-type: none"> Pori-pori besar Kulit berjerawat Kelihatan berminyak 	

3.1.3 Kelengkapan Alatan, Mesin, Bahan dan Produk Rawatan Muka





Bahan dan alatan perlu disediakan berdasarkan jenis rawatan yang hendak dilakukan. Bahan dan peralatan hendaklah disusun di atas troli dengan kemas dan teratur mengikut aliran kerja supaya memudahkan juruestetik menjalankan tugas.

Jadual 3.2 Kelengkapan rawatan muka

Kelengkapan Rawatan Muka	Kegunaan
 <p>Katil fasial</p>	<ul style="list-style-type: none"> Tempat untuk pelanggan berbaring semasa melakukan rawatan muka.
 <p>Alas katil fasial</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mengalaskan katil fasial.

Kelengkapan Rawatan Muka	Kegunaan
 <p>Kerusi fasial</p>	<ul style="list-style-type: none"> Tempat duduk juruestetik.
 <p>Troli fasial</p>	<ul style="list-style-type: none"> Tempat meletak alatan dan bahan rawatan muka.

Jadual 3.3 Alatan rawatan muka

Alatan Rawatan Muka	Kegunaan
 <p>Wood lamp</p>	<ul style="list-style-type: none"> Menganalisis kulit muka.
 <p>Lampu kanta pembesar (<i>Magnifying lamp</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> Menganalisis kulit muka. Digunakan semasa mengeluarkan bintik.
 <p>Pengewap muka</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mengewap muka untuk membuka liang pori.
 <p>Kabinet sinar ultralembayung</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mensteril alatan rawatan muka.

Alatan Rawatan Muka	Kegunaan
 Jubah salun	<ul style="list-style-type: none"> Pakaian yang dipakai oleh pelanggan untuk menutup badan setelah menukar pakaian sebelum dan selepas rawatan bagi keselesaan pelanggan.
 Gaun fasial	<ul style="list-style-type: none"> Pakaian yang digunakan pelanggan semasa melakukan rawatan muka.
 Selipar salun	<ul style="list-style-type: none"> Melindungi kaki pelanggan daripada bahan dan alatan berbahaya.
 Tuala besar	<ul style="list-style-type: none"> Menyelimut pelanggan.
 Tuala kecil	<ul style="list-style-type: none"> Mengalas bahagian atas katil fasial dan troli. Membalut rambut. Menutup dada pelanggan. Mengelap tangan juruestetik.
 Ben rambut	<ul style="list-style-type: none"> Mengemaskan balutan rambut.
 Mangkuk	<ul style="list-style-type: none"> Mengisi air.

Alatan Rawatan Muka	Kegunaan
 Span fasial	<ul style="list-style-type: none"> Membersih sisa bahan rawatan muka.
 Papan penanda	<ul style="list-style-type: none"> Meletak borang rawatan muka dan maklum balas pelanggan.
 Spatula	<ul style="list-style-type: none"> Mengambil bahan rawatan muka. Menyapu jenis pupur tertentu.
 Comedone extractor	<ul style="list-style-type: none"> Mengeluarkan bintik dan jerawat.
 Mangkuk pupur	<ul style="list-style-type: none"> Bekas untuk membancuh pupur.
 Berus pupur	<ul style="list-style-type: none"> Menyapu pupur pada muka.
 Jam pengawal masa	<ul style="list-style-type: none"> Mengeset masa semasa rawatan.
 Sudu penyukat	<ul style="list-style-type: none"> Menyukat pupur.

Jadual 3.4 Mesin Rawatan Muka

Mesin Rawatan Muka	Aksesori	Kegunaan
 Mesin frekuensi tinggi	 Elektrod kaca	<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan sebum. Mematikan jerawat.
 Mesin sedut vakum	 Ventos kaca	<ul style="list-style-type: none"> Melakukan rawatan kulit muka kering. Mengaktifkan sistem limfatik muka.
 Mesin galvanik	 Elektrod indifferent Elektrod aktif	<ul style="list-style-type: none"> Mengemulsikan sebum.
 Mesin ultrasound	 Probe	<ul style="list-style-type: none"> Menegangkan kulit muka. Merawat dan mengurut kulit muka.

Jadual 3.5 Bahan rawatan muka

Bahan Rawatan Muka	Kegunaan
 Hand sanitizer	<ul style="list-style-type: none"> Membasmi kuman pada tangan.
 Pelitup muka	<ul style="list-style-type: none"> Menutup mulut dan hidung.
 Kapas fasial	<ul style="list-style-type: none"> Membersih sisa solekan. Memetap penyegar. Menutup mata.
 Putik kapas	<ul style="list-style-type: none"> Membersih sisa pada bahagian mata.
 Tisu fasial	<ul style="list-style-type: none"> Memetap air pada muka dan lebihan produk. Membalut jari semasa mengeluarkan bintik.
 Kain gauze	<ul style="list-style-type: none"> Menutup muka semasa memakai pupur. Menutup muka semasa melakukan rawatan frekuensi tinggi terus.

Info Tambahan

Setiap jenis mesin yang digunakan adalah berbeza mengikut keperluan kulit muka.



Selaku juruestetik, amalkan nilai murni semasa melakukan rawatan muka kepada pelanggan.

Jadual 3.6 Produk rawatan muka

Produk Rawatan Muka	Jenis	Kegunaan
Pembersih solekan	 Oil base	<ul style="list-style-type: none"> • Membersih sisa solekan jenis kulit muka kering.
	 Water base	<ul style="list-style-type: none"> • Membersih sisa solekan jenis kulit muka normal, kering dan sensitif.
Pembersih muka	 Losen	<ul style="list-style-type: none"> • Membersih kulit muka untuk semua jenis kulit.
	 Foam wash	<ul style="list-style-type: none"> • Membersih muka jenis kulit muka normal, berminyak dan kombinasi.
	 Gel	<ul style="list-style-type: none"> • Membersih muka jenis kulit muka normal, berminyak dan kombinasi.
	 Sabun fasial	<ul style="list-style-type: none"> • Membersih muka jenis kulit normal, kering, berminyak dan kombinasi kecuali kulit sensitif.

Produk Rawatan Muka	Jenis	Kegunaan
Skrub	 Susu	<ul style="list-style-type: none"> • Sesuai untuk semua jenis kulit muka.
	 Gel	<ul style="list-style-type: none"> • Sesuai untuk kulit muka berminyak.
	 Krim	<ul style="list-style-type: none"> • Sesuai untuk kulit muka kering.
Krim atau minyak urut	 Minyak Urut	<ul style="list-style-type: none"> • Melicinkan pergerakan semasa mengurut muka.
Losen pengewap	 Losen pengewap	<ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan pengeluaran bintik.

Produk Rawatan Muka	Kegunaan
 <p>Pupur tanah liat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan jerawat. • Mengurangkan pengeluaran sebum pada kulit muka. • Mengecilkan liang pori. • Memutihkan bekas parut. • Menegangkan kulit matang. • Melembapkan dan menyuburkan kulit muka. • Meredakan iritasi pada kulit muka. • Memutih dan menegangkan kulit muka. • Melembapkan kulit muka.
 <p>Pupur biologi</p>	
 <p>Pupur komersial</p>	
 <p>Penyegar</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan kesan segar pada kulit muka. • Mengawal pengeluaran sebum.
 <p>Pelembap</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melembap, melicin dan melindungi kulit muka.

3.1.4 Prosedur Rawatan Muka

Kulit yang sihat dan cantik merupakan idaman kepada setiap wanita. Bagi mendapatkan kulit idaman ini, rawatan muka sangat diperlukan bagi memastikan kulit sentiasa terpelihara dan bebas daripada masalah.

Rawatan Muka Secara Manual

Rawatan muka secara manual merupakan penjagaan kulit serta memelihara kulit daripada sebarang masalah tanpa menggunakan mesin. Rawatan muka secara manual perlu dilakukan mengikut teknik dan prosedur yang betul bagi membantu mengatasi keadaan kulit yang bermasalah.

Persediaan Bahan dan Alatan

Bahan dan alatan yang disediakan hendaklah berdasarkan jenis rawatan yang hendak dilakukan. Bahan dan alatan juga perlu disusun di atas troli dengan kemas dan teratur secara ergonomik bagi memudahkan juruestetik melakukan tugas.

Persediaan Pelanggan

Pelanggan perlu memakai pakaian yang disediakan di salon bagi memudahkan juruestetik melakukan kerja.



Mengingatkan pelanggan supaya menanggalkan aksesori seperti aksesori rambut, anting-anting dan rantai leher.



Foto 3.2 Pelanggan memakai jubah salon dan gaun fasial

Pensterilan Tangan

Sebelum menyentuh muka pelanggan, juruestetik perlu mensteril kedua-dua belah tangan bagi mencegah pembiakan bakteria yang boleh membawa kepada penyakit berjangkit.



Foto 3.3 Bahan mensteril tangan jenis cecair dan gel

Info Tambahan

Cara penggunaan bahan mensteril adalah bergantung kepada jenis bahan yang digunakan.

Membersih Muka

Muka perlu dibersihkan bagi menghilangkan kesan solekan, sel kulit mati, minyak akibat kotoran dan bahan pencemaran yang melekat pada kulit muka. Selain itu, membersihkan muka dapat membantu untuk membuka liang pori bagi tujuan pembersihan secara intensif dan dapat mencegah daripada penyakit kulit.



Rajah 3.3 Tujuan membersihkan muka

Analisis Kulit Muka Menggunakan Lampu Kanta Pembesar (Magnifying Lamp)

Analisis kulit muka perlu dilakukan untuk mengetahui jenis dan masalah kulit bagi menyelesaikan masalah kulit yang dihadapi.

Info Tambahan

Wood lamp boleh digunakan untuk menganalisis kulit muka.



Foto 3.4 Lampu kanta pembesar (Magnifying lamp)

Langkah-langkah Keselamatan Menggunakan Lampu Kanta Pembesar (Magnifying Lamp)



Rajah 3.4 Langkah-langkah keselamatan menggunakan lampu kanta pembesar (magnifying lamp)

Menskrub Muka

Rawatan muka menggunakan skrub dapat membantu menanggalkan sel kulit mati yang menjadi punca kepada kulit kering dan kusam. Di samping itu, menskrub muka juga dapat membantu mempercepatkan proses pembentukan sel kulit baharu supaya kulit muka sentiasa kelihatan cantik dan sihat.

Tujuan Menskrub Muka

- Membersihkan kekotoran, sel kulit mati dan bahan solekan daripada kulit secara mendalam.
- Melembutkan dan mencairkan sebum supaya liang pori kulit tidak tersumbat.
- Mempercepat proses pengelupasan sel kulit mati dan pemulihan sel kulit baharu.

Jadual 3.7 Jenis skrub muka dan jenis kulit

Jenis Skrub Muka	Jenis Kulit
Susu	Semua jenis kulit
Gel	Kulit berminyak
Krim	Kulit kering
Minyak	Kulit kering

Info Tambahan

Teknik menskrub muka boleh dilakukan dengan dua cara iaitu geseran atau pergerakan membulat ke atas dengan mengikut jenis skrub yang digunakan.



Senaraikan bahan yang ada di rumah anda yang boleh dijadikan skrub muka.



Sila Imbas



Layari <http://arasmega.com/qr-link/teknik-menskrub-muka/> untuk menonton video teknik menskrub muka.

Mengewap Muka

Mengewap muka ialah salah satu proses dalam merawat muka. Tujuannya adalah untuk membuka liang pori bagi membersihkan kotoran pada muka. Pengewapan muka boleh dilakukan dengan wap ozon atau tanpa ozon.

Info Tambahan

Pengewap muka digunakan dalam bilik yang mempunyai pengudaraan yang baik dan hanya untuk jangka waktu yang pendek.



Rajah 3.5 Tujuan mengewap muka

Langkah-langkah Keselamatan Pengewapan Muka



Rajah 3.6 Langkah-langkah keselamatan pengewapan muka

Mengeluarkan Bintik

Bintik putih ialah liang pori muka yang tersumbat disebabkan oleh minyak yang berlebihan pada kulit muka dan sel kulit mati. Bintik putih ini jika dibiarkan akan menjadi bintik hitam. Kebiasaannya, bintik putih dan bintik hitam akan muncul di kawasan zon T dan bahagian dagu.




Foto 3.5 Kawasan bintik pada kulit muka

Alatan untuk Mengeluarkan Bintik

Comedone extractor perlu dibersihkan dengan desinfektan atau alkohol sebelum dan selepas digunakan.

Info Tambahan


Jarum pada *comedone extractor* hanya boleh diguna pakai oleh jurusetetik yang profesional bagi mengelak daripada berlaku kecederaan kulit.



Foto 3.6 Jenis-jenis comedone extractor

Mengurut Muka

Urutan muka dengan teknik yang betul dapat memberikan keselesaan, ketenangan dan mendapatkan wajah yang segar.



Rajah 3.7 Tujuan mengurut muka



Sila Imbas



Layari <http://arasmega.com/qr-link/senaman-tangan/> untuk menonton video senaman tangan.



Lakukan senaman tangan dan jari untuk meningkatkan kekuatan dan pergerakan tangan serta jari.

Jenis-jenis Pergerakan Asas Urutan Muka

Terdapat lima pergerakan asas dalam urutan muka. Antaranya ialah urut usap (*effleurage*), urut geseran (*frictions*), urut tekan (*petrissage*), urut tepuk (*tapotement*) dan urut gegar (*vibrations*).

Urut Usap (*Effleurage*)

Urut usap ialah gerakan yang menggunakan tapak tangan atau jari dengan tekanan lembut yang sama rata bagi memastikan pergerakan pengurutan berterusan antara satu sama lain.



Palmer Stroking



Fan Stroking



Finger Stroking

Info Tambahan

- *Palmer stroking* ialah sentuhan yang sangat lembut pada otot dengan menggunakan kedua-dua belah tangan.
- *Fan stroking* dilakukan dengan meletakkan telapak tangan ke bawah dan lancar lancar ke atas dengan lurus.
- *Finger stroking* dilakukan dengan mengusap secara lembut menggunakan hujung hari.

Kesan Urut Usap

- Merangsang peredaran darah.
- Membuang sel kulit mati pada lapisan epidermis.
- Mengendurkan gentian otot yang tegang.
- Merangsang peredaran limfa dan membantu pembuangan bahan kumuh.

Rajah 3.8 Kesan urut usap

Urut Geseran (*Frictions*)

Urut geseran ialah gerakan bulatan kecil atau menggantung yang menggunakan hujung jari dengan tekanan lembut atau kuat. Jari tengah digunakan untuk geseran kuat dan jari manis digunakan untuk geseran lembut.



Rajah 3.9 Kesan urut geseran

Urut Tekan (Petrissage)

Gerakan urut tekan adalah dengan menekan tisu lembut pada tulang. Gerakan ini lebih mendalam dan kadar tekanannya lebih kuat berbanding urut usap. Tekanan gerakan ditujukan ke arah satu atau sekumpulan otot atau nodus limfa. Bagi menghasilkan kadar tekanan yang kuat, gerakan urutan hendaklah dilakukan secara perlahan-lahan.



Kneading



Knuckling



Pinching

Info Tambahan

- *Kneading* menggunakan tekanan untuk tisu otot dalam.
- *Knuckling* dilakukan dengan menggunakan buku jari untuk mengangkat tisu ke atas dan melakukan gerakan membulat.
- *Pinching* ialah urutan secara memicit isi daging dengan lembut.

Kesan Urut Tekan



Rajah 3.10 Kesan urut tekan

Urut Tepuk (Tapotement)

Urut tepuk dilakukan dengan tapak tangan atau jari dengan tekanan lembut. Gerakan ini lebih pantas dan merangsang kulit muka.



Tepukan piano



Whipping



Rajah 3.11 Kesan urut tepuk

Info Tambahan

Whipping merupakan jenis urutan secara menepuk berirama.

Urut Gegar (Vibrations)

Urut gegar dilakukan dengan cara meletakkan tapak tangan atau perut jari di atas permukaan kulit dan menggegarkan tangan secara berterusan. Urut gegar boleh dilakukan pada satu tempat atau bergerak di beberapa bahagian. Gerakan ini biasanya bermula dari bahagian bawah muka menghala ke atas.




Urut gegar



Rajah 3.12 Kesan urut gegar

Menyapu Pupur

Pupur perlu disapu mengikut teknik yang betul supaya kelihatan kemas dan bersih. Pupur mempunyai pelbagai jenis dan kegunaannya adalah berbeza mengikut jenis kulit muka. Penggunaan pupur muka yang kerap dapat menjadikan kulit wajah kelihatan segar dan menjadikan kulit tegang. Pupur boleh dikategorikan kepada tiga jenis iaitu pupur tanah liat, pupur biologi dan pupur komersial.



Rajah 3.13 Tujuan menyapu pupur

Pupur Tanah Liat

Pupur tanah liat merupakan pupur jenis mengeras yang mengandungi bahan daripada tanah liat.

Jadual 3.8 Jenis pupur tanah liat dan fungsi

Pupur Tanah Liat	Fungsi
 Kalamine	<ul style="list-style-type: none"> Meredakan kulit muka. Menegangkan kulit muka Mengurangkan eritima.
 Fuller's earth	<ul style="list-style-type: none"> Membersihkan dengan mendalam. Mengeringkan sebum. Sangat merangsang kulit muka.
 Kaolin	<ul style="list-style-type: none"> Menyerap sebum dan kekotoran lapisan luar kulit. Merangsang peredaran darah dan limfa. Mengecutkan tisu kulit. Mengeringkan jerawat.
 Magnesium karbonat	<ul style="list-style-type: none"> Merangsang kulit muka. Kesan astringen. Menyegarkan kulit muka.
 Sulfur	<ul style="list-style-type: none"> Merangsang kulit muka. Sangat mengeringkan kulit muka. Membuang lapisan sel mati. Membunuh kuman.

Sukatan Bancuhan Pupur mengikut Jenis Kulit Muka

Jadual 3.9 Sukatan bancuhan pupur mengikut jenis kulit muka

Jenis Kulit	Cara Membancuh	Tempoh
Kering	1 bahagian magnesium, 1 bahagian kalamine, beberapa titik air mawar.	10-15 minit
	2 bahagian oat, 4 sudu minyak zaitun (sapu atas kain gauze).	
Sensitif	3 bahagian kalamine, beberapa titik air mawar.	10-15 minit
	1 bahagian kalamine, beberapa titik air mawar.	
Berminyak	3 bahagian magnesium, 2 bahagian kaolin, beberapa titik witch hazel.	10-15 minit
	2 bahagian magnesium, 1 bahagian sulfur, beberapa titik witch hazel.	
	3 bahagian fuller's earth, beberapa titik witch hazel.	
Berjerawat	½ sudu garam, 2 bahagian kaolin, 2 bahagian magnesium.	10-15 minit
	2 bahagian kalamine, 1 bahagian magnesium, beberapa titik air mawar.	
Normal	1 bahagian kaolin, 1 bahagian magnesium karbonat, beberapa titik air mawar.	10-15 minit

Pupur Biologi

Pupur ini dihasilkan daripada buah-buahan, tumbuh-tumbuhan dan sayur-sayuran atau daripada bahan semula jadi.

Jadual 3.10 Jenis pupur biologi

Jenis Pupur Biologi	Fungsi
 Betik	<ul style="list-style-type: none"> Mempercepatkan penghasilan sel kulit. Meningkatkan penghasilan kolagen.
 Pisang	<ul style="list-style-type: none"> Menggebukan kulit muka. Mengelakkan kulit kusam. Menghaluskan kulit muka.
 Timun	<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan lingkaran hitam pada sekitar mata. Mengurangkan bintik hitam. Meremajakan kulit. Menghilangkan jerawat. Melembapkan kulit. Mengecilkan liang pori.

Jenis Pupur Biologi	Fungsi
 <p>Jus limau</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mencerahkan muka. Mengurangkan jerawat. Mengurangkan sebum. Mengecilkan liang pori. Melembapkan kulit. Mengurangkan bintik.
 <p>Tomato</p>	<ul style="list-style-type: none"> Menghaluskan kulit muka. Membantu melindungi kulit muka daripada sinaran matahari. Mengecilkan liang pori-pori. Mengekalkan kelembapan kulit muka. Menambah kolagen dalam kulit muka.
 <p>Putih telur</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mengecilkan liang pori. Mempercepatkan proses pemulihan kulit. Mengurangkan pembentukan garis-garis halus. Menghilangkan minyak berlebihan. Mengurangkan jerawat.
 <p>Oat</p>	<ul style="list-style-type: none"> Menyerap lebih minyak pada lapisan kulit wajah. Membantu mengatasi jerawat. Membuang sel kulit mati. Membantu merawat kulit kering.
 <p>Madu</p>	<ul style="list-style-type: none"> Melembapkan kulit muka. Menanggalkan sel kulit mati. Mencerahkan kulit muka. Membantu mengurangkan tanda-tanda penuaan. Membantu mengatasi masalah jerawat.

Pupur Komersial

Pupur komersial mempunyai pelbagai jenis yang digunakan mengikut kesesuaian masalah muka. Pupur ini sangat senang dan cepat digunakan berbanding jenis pupur yang lain.

Jadual 3.11 Jenis Pupur Komersial

Jenis Pupur Komersial	Fungsi
 <p>Rubber mask</p>	<ul style="list-style-type: none"> Menghidrasi kulit muka. Mengurangkan kesan <i>puffiness</i>. Meredakan kulit kemerahan akibat terdedah di bawah sinaran cahaya matahari.
 <p>Mask topeng</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mengembalikan nutrien pada kulit muka. Melembapkan kulit muka.
 <p>Cream mask</p>	<ul style="list-style-type: none"> Memberi kelembapan pada kulit muka. Merawat kulit muka kusam.
 <p>Gel mask</p>	<ul style="list-style-type: none"> Menghidrasi kulit muka. Menyejukkan kulit muka. Melembapkan kulit muka.

Info Tambahan

Sleeping mask adalah antara jenis pupur komersial muka yang digunakan semasa waktu tidur. *Sleeping mask* sangat sesuai untuk kulit kering kerana memberi kelembapan dan antioksidan kepada kulit muka.

EMK

Layari Internet, senaraikan bahan-bahan utama dan kesan penggunaan pupur komersial daripada berlainan jenis. Mengapakah kos setiap produk berbeza?

Bahan Campuran Pupur

Bahan campuran ialah bahan yang dicampur bersama dengan pupur yang disediakan bagi sebatian bahan.

Jadual 3.12 Jenis dan fungsi bahan campuran

Jenis Bahan Campuran	Fungsi
 Witch hazel	<ul style="list-style-type: none"> • Membaiki sel kulit muka yang rosak. • Meredakan eritasi pada kulit muka. • Mengecilkan liang pori. • Mempercepatkan penyembuhan jerawat. • Mengatasi masalah kulit terbakar akibat terdedah di bawah sinaran cahaya matahari.
 Vitamin C	<ul style="list-style-type: none"> • Mengembalikan nutrien pada kulit muka. • Melembapkan kulit muka.
 Minyak argan	<ul style="list-style-type: none"> • Melembapkan kulit muka. • Antipenuaan.
 Minyak zaitun	<ul style="list-style-type: none"> • Mengecilkan liang pori. • Menghaluskan kulit muka. • Mencerahkan kulit muka.
 Air mawar	<ul style="list-style-type: none"> • Mengatasi masalah radang pada jerawat. • Menyegarkan kulit muka. • Mencerahkan kulit muka. • Antipenuaan. • Menyegarkan mata.



Apakah jenis bahan campuran untuk pupur biologi?



Air suling boleh digunakan sebagai bancuhan pupur.

Penyediaan Pupur Tanah Liat

Pupur tanah liat terdiri daripada jenis serbuk yang perlu dibancuh dengan bahan cecair.

Keperluan Asas untuk Menyediakan Pupur Tanah Liat

- Spatula
- Mangkuk pupur
- Sudu penyukat

Langkah-langkah Menyediakan Pupur Tanah Liat

1 Sukat bahan pupur ke dalam mangkuk pupur dengan sudu.

2 Tambahkan setitik minyak (jika perlu).

3 Tambah bahan cecair dan kacau sehingga menjadi pes.

Rajah 3.14 Langkah kerja menyediakan pupur tanah liat

Penyediaan Pupur Biologi

Penyediaan pupur biologi boleh disediakan dengan cara memotong, memenyekkan atau mengisar.

Keperluan Asas untuk Menyediakan Pupur Biologi

- Mangkuk pupur
- Spatula
- Pisau



Sila
Imbas



Layari <http://arasmega.com/qr-link/cara-membuat-pupur-biologi/> untuk menonton video cara membuat pupur biologi.

Langkah-langkah Menyediakan Pupur Biologi

1 Bahan pupur perlu dibuang kulit dan dilecek atau dikisar.

2 Sukat bahan ke dalam mangkuk pupur dengan sudu.

3 Tambah bahan cecair dan kacau dengan spatula sehingga menjadi pes.

4 Tambahkan setitik minyak (jika perlu).

Rajah 3.15 Langkah kerja menyediakan pupur biologi



Pengisar digunakan untuk mengisar bahan pupur biologi.


Penyediaan Pupur Komersial

Cara penyediaan pupur komersial adalah sangat mudah berbanding penyediaan pupur yang lain.

Keperluan Asas untuk Menyediakan Pupur Komersial

Langkah Kerja Menyediakan Pupur Komersial Jenis Rubber Mask

- Mangkuk pupur



Rajah 3.16 Langkah kerja menyediakan pupur komersial jenis rubber mask

Memetap Penyegar

Penyegar digunakan selepas kulit muka dibersihkan dengan sempurna. Kulit muka yang dipetap dengan penyegar akan berasa sejuk apabila penyegar tersebut menyerap ke dalam kulit muka.



Bagi kulit kombinasi, penggunaan penyegar berbeza mengikut jenis kulit.

Tujuan Memetap Penyegar

- Membersihkan kulit muka dan leher dengan lebih sempurna daripada kesan bahan pembersih.
- Meneutralkan semula pH kulit muka.
- Mengecilkan liang pori selepas terbuka semasa pembersihan.
- Menghalang terjadinya pembesaran liang pori pada kulit muka.
- Menyegarkan keadaan kulit muka.
- Merangsang peredaran darah.

Rajah 3.17 Tujuan memetap penyegar

Fungsi Penyegar

- Penyegar sesuai untuk kebanyakan jenis kulit.
- Memberikan kesan sejuk dan segar.
- Cepat tersejat daripada kulit.
- Astringen sesuai untuk kulit berminyak yang tidak sensitif.



Sila Imbas



Layari <http://arasmega.com/qr-link/jenis-jenis-penyegar/> untuk mendapatkan maklumat tentang jenis-jenis penyegar.



Astringen mempunyai kesan alkohol yang agak tinggi. Penyegar yang mengandungi 20 peratus alkohol tidak sesuai untuk kulit muka kering kerana boleh menyebabkan kerengsaan kulit muka. Astringen juga tidak boleh digunakan secara berlebihan untuk kulit muka berminyak kerana boleh menyebabkan pengeluaran sebum yang berlebihan.



Apakah kaedah yang boleh digunakan untuk meletak penyegar pada kulit muka?

Menyapu Pelembap

Pelembap adalah penting dalam penjagaan kulit yang digunakan secara harian bagi menjaga kelembapan dan kelembutan kulit muka.

Tujuan Menyapu Pelembap

- Melicin dan melembutkan kulit muka.
- Melindungi kulit daripada menjadi kering akibat suhu yang terlalu tinggi dan udara persekitaran yang kering.
- Membantu melembapkan kulit muka.
- Melindungi kulit muka daripada pancaran cahaya matahari atau sinaran UV.

Rajah 3.18 Tujuan menyapu pelembap

Jadual 3.13 Jenis pelembap

Jenis Pelembap	Fungsi
<p>Pelembap krim</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengawal pengeluaran sebum, melembapkan dan melindungi kulit muka. • Sesuai untuk kulit muka normal, kering dan matang. • Sangat sesuai untuk tempat bercuaca dingin. • Memberi perlindungan yang tahan lebih lama berbanding jenis pelembap yang lain.
<p>Pelembap losen</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sesuai untuk kebanyakan jenis kulit muka kecuali kulit muka matang dan kulit muka sangat kering. • Pelembap yang paling selesa dipakai kerana kulit tidak berasa kesan berminyak. • Memberikan kelembapan yang mencukupi dan sesuai untuk kulit berjerawat. • Mengawal pengeluaran sebum, melembapkan dan melindungi kulit muka.
<p>Pelembap gel</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sesuai untuk kulit berminyak terutama ketika cuaca panas.
<p>Pelembap minyak</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sesuai untuk kulit muka matang dan kulit muka yang sangat kering. • Dapat memberikan perlindungan dan tahan lebih lama.




Apakah bahan biologi yang boleh digunakan untuk melembapkan kulit muka?



Khidmat Nasihat Penjagaan Kulit Muka di Rumah

Juruestetik perlu berhemah semasa memberikan khidmat nasihat kepada pelanggan agar pelanggan tertarik dengan produk yang disyorkan. Setiap khidmat nasihat yang diberikan hendaklah jelas dan mudah difahami oleh pelanggan.



Rajah 3.19 Khidmat nasihat penjagaan kulit muka di rumah

Info Tambahan

Tip untuk menjaga kesihatan kulit:

- Makan sayur dan buah setiap hari
- Mengambil makanan antioksidan seperti strawberi, avocado, brokoli, blueberry dan bayam

Kesan-kesan jika tidak membersihkan muka dengan betul:

- Kulit muka boleh berjerawat
- Liang pori tersumbat
- Kulit bermasalah seperti milia dan bintik

Produk Asas Penjagaan Muka di Rumah

Produk penjagaan asas kulit penting bagi mengekalkan kesihatan kulit muka. Penjagaan kulit muka di rumah perlu dilakukan setiap hari.



Rajah 3.20 Produk asas penjagaan muka di rumah

Info Tambahan

Ultraviolet (UV) adalah sinaran yang merosakkan kulit. UVB menyebabkan kulit terbakar manakala UVA menyebabkan penuaan. Terdapat kira-kira 500 kali ganda sinaran UVA dalam cahaya matahari berbanding dengan UVB.




Sila Imbas



Layari <http://arasmega.com/qr-link/pelindung-uv/> untuk mendapatkan maklumat tentang pelindung UV.

Cara Penjagaan Kulit Muka di Rumah selepas Melakukan Perkhidmatan

Penggunaan produk dengan cara yang betul sangat penting bagi mendapatkan kulit muka yang sihat. Juruestetik perlu menerangkan cara penggunaan produk yang betul kepada pelanggan.



Apakah cara yang boleh digunakan untuk mengewap muka di rumah?



Sila Imbas



Layari <http://arasmega.com/qr-link/ccontoh-senaman-muka/> untuk menonton video senaman muka.

Maklum Balas Pelanggan

Maklum balas pelanggan merupakan cadangan atau aduan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan agar perkhidmatan yang diberikan dapat memenuhi kehendak dan kepuasan hati pelanggan.



Rekod maklum balas daripada pelanggan dengan jujur dan pastikan pelanggan berpuas hati.



Rajah 3.21 Kaedah mendapatkan maklum balas pelanggan

Borang Maklum Balas Pelanggan

Borang ini diberi kepada pelanggan untuk mengetahui tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan.

BORANG MAKLUM BALAS PELANGGAN

Perkhidmatan terapi muka yang telah dijalankan:

.....

MAKLUM BALAS PELANGGAN

Sila tandakan (✓) dalam ruang yang disediakan:

5- Sangat setuju 4- Setuju 3- Kurang setuju 2- Tidak setuju 1- Tidak berkenaan

a. Jenis perkhidmatan yang ditawarkan dapat memenuhi kehendak pelanggan.

5 4 3 2 1

b. Penyambut tetamu yang mesra pelanggan dan beretika.

5 4 3 2 1

c. Juruestetik memberikan penerangan yang jelas sebelum, semasa dan selepas rawatan.

5 4 3 2 1

d. Juruestetik berkomunikasi dengan bahasa yang sopan dan berhemah tinggi.

5 4 3 2 1

Cadangan:

.....

.....

Tarikh:

Rajah 3.22 Contoh borang maklum balas pelanggan

Kad Temu Janji Pelanggan

- Setelah perbincangan dilakukan antara pelanggan dan juruestetik, cadangkan masa dan tarikh yang sesuai untuk rawatan susulan.
- Apabila masa dan tarikh telah dipersetujui, juruestetik akan mencatat nama pelanggan dalam buku temu janji dan kad temu janji rawatan sebagai peringatan kepada pelanggan.
- Serahkan kad temu janji rawatan kepada pelanggan pada sesi akhir.

KAD TEMU JANJI PELANGGAN					
Butiran Peribadi					
Nama		Jantina			
Nombor telefon		Alamat			
Umur					
Tarikh daftar					
Perkhidmatan rawatan muka yang telah dijalankan:					
Tarikh Temu Janji Rawatan Susulan					
Tarikh	Masa	Jenis Rawatan	Tandatangan pelanggan	Tandatangan juruestetik	Catatan

Rajah 3.23 Contoh kad temu janji pelanggan

3.1.5 Penyediaan Alatan dan Bahan Rawatan Muka

Bahan dan alatan perlu disediakan lebih awal sebelum perkhidmatan rawatan muka dilakukan. Hal ini bertujuan untuk melancarkan proses kerja bagi menjalankan rawatan tersebut.

Jadual 3.15 Bahan dan alatan rawatan muka

Bahan	Alatan
<ul style="list-style-type: none"> • Hand sanitizer • Pembersih solekan (<i>makeup remover</i>) • Pembersih muka • Pupur • Penyegar • Pelembap • Skrub • Air mawar • Kapas fasial • Kain gauze • Pelitup muka • Tisu fasial 	<ul style="list-style-type: none"> • Krimurut • Losen pengewap • Troli fasial • Katil fasial • Kerusi fasial • Borang konsultasi pelanggan • Borang maklum balas • Alat tulis • Gaun fasial • Mangkuk pupur • Berus pupur • <i>Comedone extractor</i> • Tuala besar • Tuala kecil • Lampu kanta pembesar • Pengewap muka • Spatula • Ben rambut • Span fasial • Mangkuk air • <i>Sterilizer</i>

3.1.6 Menganalisis Kulit Muka

Lampu kanta pembesar (*magnifying lamp*) digunakan semasa menganalisis kulit muka dengan cara menyentuh permukaan. Tujuannya adalah untuk mengetahui warna kulit muka, tekstur kulit muka dan masalah kulit muka.

Langkah Kerja Menganalisis Kulit Muka Menggunakan Lampu Kanta Pembesar

- Membersih muka pelanggan.



Menutup kedua-dua belah mata pelanggan dengan kapas fasial.



Menghidupkan suis lampu kanta pembesar dan halakan ke arah muka pelanggan. Menyentuh dan mengenal pasti kulit muka pelanggan. Kemudian, rekod pemerhatian pada borang konsultasi pelanggan.

3.1.7 Menentukan Jenis Rawatan Muka

Rawatan muka terbahagi kepada dua iaitu rawatan muka secara manual dan rawatan muka menggunakan mesin dengan mengikut keperluan masalah kulit.

Jenis Rawatan Muka yang Bersesuaian dengan Kulit Muka

Sebelum memulakan rawatan muka, juruestetik hendaklah terlebih dahulu mengenal pasti jenis kulit muka pelanggan supaya rawatan yang diberikan bersesuaian dengan kehendak pelanggan.

Jadual 3.16 Jenis rawatan muka yang bersesuaian dengan kulit muka

Jenis Rawatan Muka	Jenis Kulit Muka	Masa Rawatan
Rawatan muka menggunakan mesin frekuensi tinggi	Frekuensi Tinggi Terus	
	<ul style="list-style-type: none"> Kulit normal Kulit kering Kulit berminyak Kulit kombinasi Kulit berjerawat 	5-8 minit 3-5 minit 8-12 minit 3-10 minit 10-15 minit
Rawatan muka menggunakan mesin frekuensi tidak terus	Frekuensi Tinggi Tidak Terus	
	<ul style="list-style-type: none"> Kulit kering dan matang Kulit kombinasi dan normal Kulit berminyak (guna bahan pengawal sebum) 	15-20 minit 8-20 minit 3-5 minit
Rawatan muka menggunakan mesin sedut vakum	<ul style="list-style-type: none"> Kulit normal, kering dan kombinasi Kulit berminyak dan seborea 	10-20 minit 10-12 minit
Rawatan muka menggunakan mesin galvanik	Desinkrustasi	
	<ul style="list-style-type: none"> Kulit saborea, berminyak dan berjerawat Kulit normal dan kering 	8-12 minit 3-5 minit
Rawatan muka menggunakan mesin galvanik	Iontoforesis	
	<ul style="list-style-type: none"> Kulit berminyak, kombinasi, normal, kering dan sensitif 	5-12 minit
Rawatan muka menggunakan mesin <i>ultrasound</i>	<ul style="list-style-type: none"> Kulit kering, bermasalah, saborea dan matang 	10-20 minit

Salun Kecantikan Lisa

Rawatan Muka Manual	RM35.00
Rawatan Frekuensi Tinggi	RM65.00
Rawatan Sedut Vakum	RM70.00
Rawatan Ultrasound	RM70.00
Rawatan Galvanik	RM75.00

Pakej Rawatan Muka

Kulit Normal RM90.00	Kulit Kering RM130.00
Rawatan Muka Manual Frekuensi	Sedut Vakum Ultrasound
Kulit Berminyak RM130.00	Kulit Kombinasi RM190.00
Galvanik Frekuensi Tinggi Terus	Sedut Vakum Ultrasound Frekuensi Tinggi


09-6812999
012-359 1222

Rajah 3.24 Contoh pakej rawatan muka

3.1.8 Merawat Muka Secara Manual

Menyediakan Bahan dan Alatan

Berikut merupakan contoh susunan bahan dan alatan di atas troli dengan mengikut prinsip ergonomik bagi memudahkan tugas juruestetik.



Langkah Kerja Menyediakan Pelanggan

Menyediakan keperluan persediaan pelanggan di atas katil fasial seperti tuala kecil, ben rambut dan selimut.



1 Melipat tuala dan letakkan pada bahagian kepala katil fasial.



2 Mempersilakan pelanggan ke katil fasial. Baring dan selimutkan pelanggan dengan kemas.



3 Membalut rambut pelanggan dengan mengangkat satu penjuru tuala ke tengah dahi.



4 Mengangkat satu lagi penjuru tuala dan silangkan. Kemaskan dengan ben rambut.



5 Memastikan pelanggan berada dalam keadaan kemas dan selesa.

Aktiviti

Secara berpasangan, lakukan simulasi persediaan pelanggan dengan teknik yang betul.

Langkah Kerja Mensteril Tangan



1 Meletakkan *hand sanitizer* pada kapas fasial.



2 Memegang kapas dengan tangan kanan. Mensteril keseluruhan belakang tapak tangan, celahan jari dan tapak tangan kiri (sterilkan pada kedua-dua belah tangan).

Aktiviti

Secara individu, steril tangan anda dengan teknik yang betul.

EMK

Layari Internet untuk menonton video cara mensteril tangan dengan betul.

Langkah Kerja Membersih Solekan



Meletak pembersih solekan pada kapas fasial.



Membersih di sekeliling mata dan bulu mata.



Membersih di sekeliling kening.



Membersih bahagian bibir.



Membersih dagu, pipi, hidung dan dahi (jika pelanggan mengenakan solekan tebal).

Langkah Kerja Membersih Leher dan Muka dengan Menggunakan Pembersih Muka



Meletak lima dot pembersih muka pada dagu, pipi, hidung dan dahi pelanggan. Letakkan sedikit air pada tapak tangan dan ratakan pembersih muka. Usap dengan lembut di atas permukaan kulit muka bermula dari leher hingga ke dahi.



Membersih bahagian leher hingga ke bawah telinga.



Membersih pada bahagian dagu hingga ke filtrum.



Membersih bahagian pipi kanan dan kiri.



Membersih bahagian hidung dan menggelongsor di batang hidung.



Membersih bahagian dahi.



7 Membersih di sekeliling mata.

Info Tambahan

Filtrum merupakan lekukan bahagian tengah di antara hidung dan bibir.

➤➤ **Langkah Kerja Membersih Muka dengan Menggunakan Span**

Bersihkan muka menggunakan air suam.



1 Membersih dari bahagian leher ke dagu, pipi, hidung hingga ke dahi.



2 Memetap muka dengan tisu fasial.

Info Tambahan

Tisu fasial pakai buang juga boleh digunakan untuk membersih muka bagi menggantikan span fasial.

➤➤ **Langkah Kerja Menskrub Muka**



1 Menyapu dan meratakan bahan skrub pada leher, dagu, pipi, hidung dan dahi menggunakan jari.



2 Melakukan gerakan membulat dengan lembut dari bawah ke atas di bahagian leher dan di sepanjang garisan rahang sehingga ke telinga (berulang kali).



3 Menggosok di bahagian dagu secara geseran (berulang-ulang kali).



4 Menggosok di bahagian pipi kiri dan kanan dengan gerakan membulat (berulang-ulang kali).



5 Menggosok secara membulat di bahagian atas hidung dan menggelongsor di batang hidung.



6 Menggosok di bahagian dahi dengan gerakan membulat hingga ke hujung mata (urut tekan).

Langkah Kerja Mengewap Muka



7 Dari bahagian dalam sudut mata, urut tekan dengan perlahan-lahan menggunakan jari tengah sehingga ke bahagian dalam sudut mata.



8 Membersih skrub dengan span fasial menggunakan air suam.



9 Memetap muka dengan tisu fasial.

Info Tambahan

- Cara membersihkan muka dengan skrub adalah berbeza mengikut jenis skrub.
- Elakkan menggunakan tekanan terlalu kuat semasa menskrub muka apabila menggunakan skrub jenis berbiji.
- Lakukan pergerakan bulatan kecil semasa menskrub muka.



1 Mengisi air suling di dalam balang tidak melebihi paras maksimum.



2 Membuka suis untuk memanaskan pengewap muka.



3 Menutup kedua-dua belah mata pelanggan dengan kapas lembap (sapu losen pengewap jika perlu).



4 Menghalakan pengewap muka ke arah muka pelanggan setelah wap keluar dan buka ozon jika perlu.



5 Meminta pelanggan respon sama ada wap tersebut mengganggu pernafasan atau tidak supaya pelanggan berasa selesa dan tidak lemas. Masa mengewap ialah mengikut jenis kulit muka pelanggan (anggaran masa 5 hingga 10 minit).



6 Setelah selesai, mengalihkan pengewap muka dari muka pelanggan dan menutup suis. Memetap muka pelanggan dengan tisu fasial.

Langkah Kerja Mengeluarkan Bintik Secara Manual



1. Membalut jari dengan menggunakan tisu fasial atau kapas lembap.
2. Mengeluarkan bintik putih dan bintik hitam secara perlahan.
3. Memetap antiseptik pada bahagian yang telah dikeluarkan bintik.
4. Membersih muka dengan air suam selepas selesai.

Langkah Kerja Mengeluarkan Bintik Menggunakan Comedone Extractor



1. Membalut jari dengan menggunakan tisu fasial atau kapas lembap.
2. Mengeluarkan bintik putih dan bintik hitam dengan menggunakan comedone extractor secara tekanan perlahan.
3. Memetap antiseptik pada bahagian yang telah dikeluarkan bintik.
4. Membersih muka dengan air suam selepas selesai.

Info Tambahan

- Menggunakan tekanan yang lembut semasa mengeluarkan bintik untuk mengelakkan kulit muka daripada lebam dan tercedera.
- Penyegar boleh digunakan semasa mengeluarkan bintik atau jerawat.

EMK

Layari Internet untuk menonton video cara mengeluarkan bintik secara manual dan menggunakan comedone extractor dengan betul.

Langkah Kerja Mengurut Muka



Menyapu dan meratakan minyak urut pada muka, bahu, dada, leher dan belakang badan.



Melakukan urut usap di leher hingga ke belakang cuping telinga sebanyak 3 kali.



Melakukan urut usap di dada sebanyak 3 kali.



Melakukan urut usap di bahu hingga ke belakang badan sebanyak 3 kali.



Menggunakan perut ibu jari, urut tekan di belakang badan dengan gerakan secara membulat sebanyak 6 kali (pandangan belakang).



Meletak tapak tangan di belakang badan, urut tekan dengan perlahan secara putaran sebanyak 6 kali (pandangan belakang).



7 Meletak tangan di belakang leher (*cupped*), lakukan urutan gear sebanyak 3 kali.



8 Pergerakan secara berputar dari bawah leher ke bawah dagu dan akhiri urut tekan di telinga sebanyak 3 kali.



9 Meletak tapak tangan kiri dan kanan bersama-sama secara *cup*. Urut usap berselang-seli dari bawah leher dan rahang hingga ke telinga (urut tekan) sebanyak 6 kali.




10 Pergerakan *knuckling* dari bawah leher hingga ke bawah dagu (urut tekan) sebanyak 3 kali.



11 Meletak perut ibu jari di tengah dagu. Tolak ibu jari ke bawah, kemudian tolak ibu jari ke arah kiri dan kanan secara berulang-ulang dengan urut geseran sebanyak 6 kali.



12 Pergerakan berpusing dengan menggunakan ibu jari di dagu dan mengguli secara bulatan di rahang hingga ke telinga secara berulang-ulang (urut tekan) sebanyak 6 kali.



13 Pergerakan berputar di sekeliling mulut menggunakan ibu jari secara berulang-ulang (urut tekan) sebanyak 6 kali.



14 Menekan jari di bawah dagu dan tarik jari dari dagu ke dahi (urut usap dan urut tekan) sebanyak 3 kali.



15 Pergerakan mengelongsor di bawah mata dan atas kelopak mata (urut usap) sebanyak 6 kali.



16 Pergerakan *fan stroking* di dahi secara berselang-seli (urut usap dan tekan) sebanyak 6 kali.



17 Pergerakan berpusing di dagu, hidung hingga ke pelipis mata. Ulang langkah dari awal (urut tekan) sebanyak 3 kali.



18 Cubitan lembut di bahagian bawah dagu kiri ke kanan sebanyak 2 kali.



Melakukan urut tepuk di bawah dagu sebanyak 6 kali.



Melakukan urut usap di bawah dagu hingga ke telinga (urut usap dan urut tekan) sebanyak 3 kali.



Menarik kening dari pangkal ke hujung kening dengan jari berbentuk V (urut usap dan tekan) sebanyak 3 kali.



Pergerakan berpusing di bawah mata dan menggelongsor pada kening (urut usap dan urut tekan) sebanyak 6 kali.



Melakukan urut usap dengan menggunakan ibu jari di bahagian pipi dan picit secara lembut.



Melakukan tepuk piano di bahagian pipi dengan menggunakan jari telunjuk, jari tengah dan jari manis (urut tepuk).



Melakukan urut usap di sekeliling mata dengan gerakan menggelongsor sebanyak 6 kali.



Akhiri dengan melakukan urut usap pada dada, leher, muka dan dahi. Gosok kedua-dua tapak tangan dan tekan dahi dengan menggunakan tapak tangan.



Melakukan urut tekan dengan pergerakan *knuckling* di bahagian rahang sebanyak 3 kali.



Menarik pipi secara berselang seli (urut usap) sebanyak 3 kali.



Membersih muka dengan air suam.



Memetap muka pelanggan dengan tisu fasial.

Langkah Kerja Menyapu Pupur



1 Menutup kedua-dua belah mata pelanggan dengan menggunakan kapas lembap.



2 Meletakkan kain gauze.



3 Membancuh pupur menggunakan spatula sehingga sebati.



4 Menyapu pupur dengan rata, sehalal dan kemas. Biarkan pupur kering.



5 Menanggalkan kain gauze dan kapas lembap.



6 Membersih pupur dengan menggunakan span fasial dan air suam.



7 Memetap muka dengan tisu fasial.

Info Tambahan

Pupur boleh disapu menggunakan berus pupur atau spatula dengan mengikut jenis pupur yang digunakan.

Langkah Kerja Menyapu Penyegar



1 Meletakkan penyegar pada kapas fasial.



2 Memetap penyegar pada muka.

Langkah Kerja Menyapu Pelembap



1. Dengan menggunakan jari telunjuk, sapu lima dot pelembap pada kulit muka.
2. Meratakan pelembap ke seluruh kulit muka disertai tepuk ringan menggunakan perut jari agar pelembap lebih cepat meresap.
3. Memastikan pelembap disapu rata.

➤➤ **Prosedur Rawatan Secara Manual**



1 Menyediakan bahan dan alatan mengikut aliran kerja.



2 Menyediakan pelanggan dengan kemas.



7 Membersih muka dengan scrub dan bilas muka dengan air suam (jika perlu).



8 Mengewap muka pelanggan.



3 Mensteril tangan juruestetik dengan *hand sanitizer*.



4 Membersih muka pelanggan dengan pembersih solekan.




9 Memetap muka pelanggan dengan tisu fasial.



10 Mengeluarkan bintik dengan menggunakan *comedone extractor* dan bilaskan dengan air suam.



5 Membersih muka pelanggan dengan pembersih muka dan bilas dengan air suam.



6 Menganalisis kulit muka dengan menggunakan lampu kanta pembesar dan catatkan dalam borang konsultasi pelanggan.



11 Menyapu krim urut dengan rata. Mengurut dada, bahu, belakang, leher dan muka. Bilaskan dengan air suam.



12 Membancuh dan menyapu pupur pada muka dengan rata, sehalu dan kemas.

13



Membersih pupur dengan air suam dan memetap dengan tisu fasial.

14



Memetap penyegar dengan kapas fasial.

15



Menyapu dan meratakan pelembap ke seluruh muka pelanggan.

16. Minta pelanggan menukar pakaian.
17. Memberi khidmat nasihat.
18. Menerima maklum balas dari pelanggan.
19. Mengemas tempat kerja.

PAK 21

1. Bahagikan kelas kepada lima kumpulan.
 - Membersih muka
 - Menganalisis kulit muka
 - Mengewap muka
 - Mengurut muka
 - Menyapu pupur
2. Persembahkan tajuk yang dipilih dalam bentuk peta *i-think* dan bentangkan di dalam kelas.

Info Tambahan

Masa mengewap muka:

- 15 hingga 20 minit bagi kulit berminyak
- 8 hingga 15 minit bagi kulit kombinasi



Apakah kaedah mengewap muka yang boleh digunakan sekiranya anda tidak mempunyai alat pengewap muka di rumah?

BORANG TUGASAN

- a. Anda dikehendaki membuat analisis kulit muka pelanggan dan melakukan perkhidmatan muka secara manual.
- b. Anda dikehendaki merekod hasil maklumat rawatan dalam borang konsultasi pelanggan.

SENARAI BAHAN

BIL	BAHAN	KUANTITI
1.	Hand sanitizer	1
2.	Pembersih solekan (<i>makeup remover</i>)	1
3.	Pembersih muka	1
4.	Pupur	1
5.	Penyegar	1
6.	Pelembap	1
7.	Minyak/loosen/krimurut	1
8.	Air mawar	1
9.	Kapas fasial	6
10.	Tisu fasial	5

PERALATAN / KELENGKAPAN

BIL	PERALATAN / KELENGKAPAN	KUANTITI
1.	Troli fasial	1
2.	Katil fasial	1
3.	Kerusi fasial	1
4.	Borang konsultasi pelanggan	1
5.	Borang maklum balas	1
6.	Alat tulis	1
7.	Gaun fasial	1
8.	Mangkuk pupur	1
9.	Berus pupur	1
10.	<i>Comedone extractor</i>	1
11.	Tuala besar	1
12.	Tuala kecil	4
13.	Lampu kanta pembesar	1
14.	Pengewap muka	1
15.	Spatula	1
16.	Ben rambut	1
17.	Span fasial	2
18.	Mangkuk air	1

KRITERIA PENILAIAN

Prestasi anda akan dinilai berasaskan kriteria berikut:

a. Proses Kerja

Proses kerja bermula dari menyediakan alatan dan bahan sehingga mengemas tempat kerja dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kebersihan.

b. Hasil Kerja

- i. Borang konsultasi pelanggan dikemas kini dan lengkap.
- ii. Muka pelanggan bersih daripada sisa bahan terapi muka.

c. Sikap / Keselamatan dan Persekitaran

- i. Peralatan
- ii. Diri sendiri, pelanggan dan persekitaran.

PENCAPAIAN KOMPETENSI

Tahap Kompetensi	Kompeten (✓)	Belum Kompeten (x)	Catatan
PROSEDUR KERJA			
• Menyedia bahan dan peralatan mengikut senarai semak yang disediakan.			
• Menyedia pelanggan dengan pakaian yang sesuai.			
• Membersih muka pelanggan dengan menggunakan pembersih solekan dengan teknik yang betul.			
• Membersih muka pelanggan menggunakan pembersih dengan teknik yang betul.			
• Menganalisis kulit muka dan mengenal pasti kontra indikasi dengan tepat.			
• Membersih muka dengan scrub dengan teknik yang betul.			
• Mengewap muka dengan teknik yang betul.			
• Membersih bintik dengan teknik yang betul.			
• Mengurut muka menggunakan lima gerakan asas dengan teknik yang betul.			
• Membubuh dan membersih pupur dengan teknik yang betul.			
• Memetap penyegar dengan teknik yang betul.			
• Membubuh dan meratakan pelembap dengan teknik yang betul.			
• Menjaga <i>modesty, privacy</i> dan keselesaan pelanggan sepanjang rawatan.			
HASIL KERJA			
• Borang konsultasi pelanggan dikemas kini dan lengkap.			
• Muka pelanggan bersih daripada sisa bahan rawatan muka.			
NILAI DAN KESELAMATAN			
• Pelupusan bahan sisa salun mengikut prosedur keselamatan.			
• Peralatan dikendalikan mengikut teknik yang betul dan selamat serta disusun kemas selepas digunakan.			
• Berpakaian mengikut prosedur keselamatan.			
• Persekitaran kerja dibersihkan dan dikemas selepas perkhidmatan dilaksanakan.			

3.1.9 Rawatan Muka Menggunakan Mesin

Rawatan muka menggunakan mesin terdiri daripada empat iaitu:

- Rawatan muka menggunakan mesin frekuensi tinggi
- Rawatan muka menggunakan mesin sedut vakum
- Rawatan muka menggunakan mesin galvanik
- Rawatan muka menggunakan mesin *ultrasound*

Rawatan Frekuensi Tinggi Terus

Rawatan frekuensi tinggi terus merupakan rawatan secara langsung ke muka pelanggan. Rawatan ini menggunakan arus ulang alik berfrekuensi tinggi yang menghasilkan ozon pada permukaan kulit melalui elektrod kaca. Rawatan ini dapat memberi kesan antibakteria, mengeringkan dan menghaluskan kulit.

Semasa rawatan ini dilakukan, juruestetik akan memegang dan meletakkan elektrod kaca pada muka pelanggan yang telah dilapik dengan kain gauze atau disapu dengan *oxygenating cream*.


Info Tambahan

Penggunaan *oxygenating cream* dapat membantu meningkatkan tahap oksigen dalam kulit dan menjadikan kulit lebih muda dan sihat.



Rajah 3.25 Mesin rawatan frekuensi tinggi terus

Prinsip bagi rawatan frekuensi tinggi terus ini ialah menggunakan arus berfrekuensi tinggi yang bertindak balas dengan oksigen antara elektrod dan kulit untuk menghasilkan gas ozon (O_3).

Tujuan rawatan muka menggunakan mesin ini adalah untuk memperbaiki peredaran darah yang menghasilkan haba pada tisu kulit, memberi kesan antibakteria, mengeringkan kulit, membekal nutrien pada kulit, menghasilkan eritema dan memperbaiki warna kulit.


Info Tambahan

Semasa rawatan arus frekuensi tinggi terus, elektrod kaca akan mengeluarkan ozon yang berwarna oren dan ungu.

Jenis Elektrod Kaca Rawatan Frekuensi Tinggi Terus



Rajah 3.26 Elektrod bentuk cendawan



Rajah 3.27 Elektrod bentuk ladam




Rajah 3.28 Elektrod bentuk fulgarator

Info Tambahan

- Kekerapan rawatan
- Rawatan intensif sebanyak 2 kali seminggu.
 - Rawatan penjagaan kulit sebanyak 3 kali seminggu.

Langkah-langkah Keselamatan Rawatan Frekuensi Tinggi Terus




Rajah 3.30 Langkah-langkah keselamatan rawatan frekuensi tinggi terus

Indikasi dan Indikasi Kontra Rawatan Frekuensi Tinggi Terus



Rajah 3.29 Indikasi dan indikasi kontra rawatan frekuensi tinggi terus

Kesan Rawatan Frekuensi Tinggi Terus



Rajah 3.31 Kesan rawatan frekuensi tinggi terus

➤➤ **Prosedur Rawatan Frekuensi Tinggi Terus**



1 Menyediakan bahan dan alatan rawatan frekuensi tinggi mengikut aliran kerja.



2 Menyediakan pelanggan dengan kemas.



7 Membersih muka dengan scrub dan bilas dengan air suam (jika perlu).



8 Mengewap muka pelanggan.



3 Mensteril tangan juruestetik dengan *hand sanitizer*.



4 Membersih muka pelanggan dengan pembersih solekan.



9 Memetap muka pelanggan dengan tisu fasial.



10 Mengeluarkan bintik dengan menggunakan *comedone extractor*.



5 Membersih muka pelanggan dengan pembersih muka dan bilas dengan air suam.



6 Menganalisis kulit muka dengan menggunakan lampu kanta pembesar dan catatkan dalam borang konsultasi pelanggan.



11 Membersih muka pelanggan dengan air suam dan petapkan tisu fasial sehingga kering.

➤➤➤ **Mulakan rawatan menggunakan mesin frekuensi tinggi terus.**



12 Menutup kedua-dua belah mata pelanggan dengan tisu fasial kering dan lapikkan kain gauze pada muka pelanggan.



13 Memasang elektrod kaca. Pastikan pelaras frekuensi adalah pada tanda kosong.



18 Menyapu krim urut dengan rata. Mengurut dada, bahu, belakang, leher dan muka. Bilaskan dengan air suam.



19 Membancuh dan menyapu pupur pada muka dengan rata, sehalu dan kemas.



14 Meletakkan jari telunjuk pada elektrod kaca dan sebelah tangan lagi buka suis.



15 Meletakkan elektrod kaca pada muka dan lepaskan jari telunjuk. Lakukan gerakan bulatan pada muka mengikut tempoh yang sesuai.



20 Membersih pupur dengan air suam dan petapkan muka dengan tisu fasial.



21 Memetap penyegar pada muka pelanggan.



16 Meletakkan jari telunjuk semula pada elektrod kaca, angkat elektrod dari muka dan tutup suis. Tukar elektrod kaca bentuk ladam dan fulgarator.



17 Menanggalkan kain gauze dan tisu fasial.



22 Menyapu dan meratakan pelembap ke seluruh muka pelanggan.

- 23. Minta pelanggan menukar pakaian.
- 24. Memberi khidmat nasihat.
- 25. Menerima maklum balas dari pelanggan.
- 26. Mengemas tempat kerja.

Info Tambahan
 Oxygenating cream boleh disapu pada muka untuk menggantikan kain gauze.

BORANG TUGASAN

- a. Secara berpasangan, anda dikehendaki membuat analisis kulit muka pelanggan dan melakukan rawatan muka menggunakan mesin frekuensi tinggi terus.
- b. Anda dikehendaki merekod hasil maklumat rawatan dalam borang konsultasi pelanggan.

SENARAI BAHAN

BIL	BAHAN	KUANTITI
1.	Hand sanitizer	1
2.	Pembersih solekan (<i>makeup remover</i>)	1
3.	Pembersih muka	1
4.	Medium <i>electrotherapy</i>	1
5.	Pupur	1
6.	Penyegar	1
7.	Pelembap	1
8.	Skrub	1
9.	Air mawar	1
10.	Kapas fasial	1
11.	Kain gauze	1
12.	Medium urut (krim dan minyak)	1
13.	Pelutup muka	1

PERALATAN / KELENGKAPAN

BIL	PERALATAN / KELENGKAPAN	KUANTITI
1.	Troli fasial	1
2.	Katil fasial	1
3.	Kerusi fasial	1
4.	Borang konsultasi pelanggan	1
5.	Borang maklum balas	1
6.	Alat tulis	1
7.	Gaun fasial	1
8.	Mangkuk pupur	1
9.	Berus pupur	1
10.	Comedone extractor	1
11.	Tuala besar	1
12.	Tuala kecil	1
13.	Lampu kanta pembesar	1
14.	Pengewap muka	1
15.	Spatula plastik	1
16.	Ben rambut	1
17.	Span fasial	1
18.	Mesin frekuensi tinggi	1
19.	Mangkuk air	1
20.	Sterilizer	1

KRITERIA PENILAIAN

Prestasi anda akan dinilai berasaskan kriteria berikut:

a. Proses Kerja

Proses kerja bermula dari persediaan peralatan dan bahan sehingga borang maklum balas diisi oleh pelanggan dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kebersihan

b. Hasil Kerja

- Borang konsultasi pelanggan dikemas kini dan lengkap
- Muka pelanggan bersih daripada sisa bahan rawatan muka

c. Sikap / Keselamatan dan Persekitaran

- Peralatan
- Diri sendiri, pelanggan dan persekitaran

PENCAPAIAN KOMPETENSI

Tahap Kompetensi	Kompeten (✓)	Belum Kompeten (X)	Catatan
PROSEDUR KERJA			
• Bahan dan peralatan disediakan mengikut senarai semak yang disediakan.			
• Pelanggan disediakan dengan pakaian yang sesuai.			
• Solekan pada muka pelanggan dibersihkan dengan menggunakan pembersih solekan dengan teknik yang betul.			
• Muka pelanggan dibersihkan menggunakan pembersih dengan teknik yang betul.			
• Kulit muka dianalisis dan indikasi kontra dikenal pasti dengan tepat.			
• Skrub dilakukan dengan teknik yang betul.			
• Pegewap muka dikendalikan dengan teknik yang betul.			
• Bintik dibersihkan dengan teknik yang betul.			
• Medium <i>electrotherapy</i> dipilih menepati keperluan rawatan.			
• Intensiti mesin di paras '0' dipastikan dengan betul.			
• Intensiti mesin dilaras mengikut toleransi pelanggan.			
• Tempoh rawatan dipastikan dengan tepat.			
• Urutan muka dilakukan merangkumi lima gerakan asas dengan teknik yang betul.			
• Urutan muka dilakukan dengan ritma yang sekata mengikut aliran yang betul.			
• Pupur diaplikasi dan dibersihkan dengan teknik yang betul.			
• Penyegar dipetap dengan teknik yang betul.			
• Pelembap diaplikasi dengan teknik yang betul.			
• Privasi dan keselesaan pelanggan dijaga sepanjang rawatan.			
HASIL KERJA			
• Borang konsultasi pelanggan dikemas kini dan lengkap.			
• Muka pelanggan bersih daripada sisa bahan terapi muka.			
NILAI DAN KESELAMATAN			
• Pelupusan bahan sisa salun mengikut prosedur keselamatan.			
• Peralatan dikendalikan mengikut teknik yang betul dan selamat serta disusun kemas selepas digunakan.			
• Berpakaian mengikut prosedur keselamatan.			
• Persekitaran kerja dibersihkan dan dikemas selepas perkhidmatan dilaksanakan.			

Rawatan Frekuensi Tinggi Tidak Terus

Rawatan frekuensi tinggi tidak terus merupakan rawatan secara tidak langsung ke atas muka pelanggan. Semasa rawatan ini dijalankan, pelanggan memegang elektrod, manakala juruestetik membuat urutan pada kulit muka pelanggan.

Elektrod yang dipegang oleh pelanggan dikenali sebagai *saturator* yang berfungsi untuk mengalirkan arus elektrik berfrekuensi tinggi melalui permukaan kulit pelanggan. Arus elektrik dialirkan dan dipindahkan daripada badan pelanggan ke tangan juruestetik.

Rawatan ini sangat sesuai untuk pelanggan yang mempunyai kulit kering, matang dan berkedut. Rawatan ini mengalirkan arus frekuensi tinggi dalam kulit dan tisu.

Jenis Elektrod Kaca Frekuensi Tinggi Tidak Terus




Rajah 3.32 Elektrod saturator

- Elektrod kaca lurus mempunyai gegelung wayar di dalamnya.
- Dipegang oleh pelanggan semasa rawatan dilakukan dengan tangan yang kering.


Info Tambahan

Bedak talkum yang diletak pada tangan pelanggan semasa rawatan frekuensi tinggi tidak terus berfungsi sebagai medium konduktor yang baik kerana ia bersifat mengeringkan.

Indikasi dan Indikasi Kontra Rawatan Frekuensi Tinggi Tidak Terus




Rajah 3.33 Indikasi rawatan frekuensi tinggi tidak terus



Rajah 3.34 Indikasi kontra rawatan frekuensi tinggi tidak terus

Langkah-langkah Keselamatan Rawatan Frekuensi Tinggi Tidak Terus



Rajah 3.35 Langkah-langkah keselamatan rawatan frekuensi tinggi tidak terus

Kesan Rawatan Frekuensi Tinggi Tidak Terus



Rajah 3.36 Kesan rawatan frekuensi tinggi tidak terus

Prosedur Rawatan Frekuensi Tinggi Tidak Terus



1 Menyediakan bahan dan alatan rawatan frekuensi tinggi mengikut aliran kerja.



2 Menyediakan pelanggan dengan kemas.



3 Mensteril tangan juruestetik dengan *hand sanitizer*.



4 Membersih muka pelanggan dengan pembersih solekan.



5 Membersih muka pelanggan dengan pembersih muka dan bilas dengan air suam.



6 Menganalisis kulit muka dengan menggunakan lampu kanta pembesar dan catat dalam borang konsultasi pelanggan.



7 Membersih muka dengan skrub dan bilas muka dengan air suam (jika perlu).




8 Mengewap muka pelanggan.



9 Memetap muka pelanggan dengan tisu fasial.



10 Mengeluarkan bintik dengan menggunakan comedone extractor.



11 Membersih muka pelanggan dengan air suam dan petapkan tisu fasial sehingga kering.



Mulakan rawatan menggunakan mesin frekuensi tinggi tidak terus.



12 Juruestetik meletak bedak talkum pada kapas dan sapu pada tapak tangan pelanggan.



13 Memasang elektrod saturator. Pelanggan memegang elektrod saturator.



14 Mensteril tangan juruestetik dengan hand sanitizer.



15 Menyapu krim urut dengan rata.



16 Memastikan pelaras adalah pada tanda kosong. Juruestetik meletak sebelah tangan pada dada pelanggan dan sebelah lagi memasang suis.



17 Mengurut usap pada bahagian dada, leher, pipi, mata dan dahi secara berterusan dan sesuaikan dengan kekuatan arus.



18 Juruestetik meletakkan sebelah tangan pada dada pelanggan. Pusingkan pelaras pada tanda kosong dan tutup suis.



19 Juruestetik membersihkan tangan dengan tisu fasial.



24 Menyapu dan meratakan pelembap ke seluruh muka pelanggan.

25. Minta pelanggan menukar pakaian.
26. Memberi khidmat nasihat.
27. Menerima maklum balas dari pelanggan.
28. Mengemas tempat kerja.



20 Membersih muka dengan air suam dan petapkan dengan tisu fasial.



21 Membancuh dan menyapu pupur pada muka dengan rata, sehalu dan kemas.



22 Membersih pupur dengan air suam dan petapkan muka dengan tisu fasial.



23 Memetap penyegar pada muka pelanggan.

Info Tambahan

Minyak pati atau bahan aromaterapi tidak boleh digunakan untuk melakukan urutan pada muka semasa rawatan muka menggunakan mesin frekuensi tinggi tidak terus ini dilakukan.

PAK 21

1. Pilih seorang murid dan duduk di *hot seat* yang disediakan di bahagian hadapan kelas.
2. Murid yang duduk di *hot seat* akan menjawab lima soalan berkaitan dengan rawatan muka menggunakan mesin frekuensi tinggi tidak terus yang diajukan kepadanya.
3. Jika beliau dapat menjawab kelima-lima soalan berkenaan, beliau boleh memilih rakan yang lain untuk duduk di *hot seat* dan ulang aktiviti yang sama.

BORANG TUGASAN

- a. Secara berpasangan, anda dikehendaki membuat analisis kulit muka pelanggan dan melakukan rawatan muka menggunakan mesin frekuensi tinggi terus tidak terus.
- b. Anda dikehendaki merekod hasil maklumat rawatan ke dalam kad rawatan pelanggan.

SENARAI BAHAN

BIL	BAHAN	KUANTITI
1.	Hand sanitizer	1
2.	Pembersih solekan (<i>makeup remover</i>)	1
3.	Pembersih muka	1
4.	Medium <i>electrotherapy</i>	1
5.	Pupur	1
6.	Penyegar	1
7.	Pelembap	1
8.	Skrub	1
9.	Air mawar	1
10.	Kapas fasial	1
11.	Kain gauze	1
12.	Medium urut (krim dan minyak)	1
13.	Pelitup muka	1

PERALATAN / KELENGKAPAN

BIL	PERALATAN / KELENGKAPAN	KUANTITI
1.	Troli fasial	1
2.	Katil fasial	1
3.	Kerusi fasial	1
4.	Borang konsultasi pelanggan	1
5.	Borang maklum balas	1
6.	Alat tulis	1
7.	Gaun fasial	1
8.	Mangkuk pupur	1
9.	Berus pupur	1
10.	<i>Comedone extractor</i>	1
11.	Tuala besar	1
12.	Tuala kecil	1
13.	Lampu kanta pembesar	1
14.	Pengewap muka	1
15.	Spatula plastik	1
16.	Ben rambut	1
17.	Span muka	1
18.	Mesin frekuensi tinggi	1
19.	Mangkuk air	1
20.	<i>Sterilizer</i>	1

KRITERIA PENILAIAN

Prestasi anda akan dinilai berasaskan kriteria berikut:

a. Proses Kerja

Proses kerja bermula dari persediaan peralatan dan bahan sehingga borang maklum balas diisi oleh pelanggan dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kebersihan.

b. Hasil Kerja

- Kad rawatan pelanggan dikemas kini dan lengkap.
- Muka pelanggan bersih daripada sisa bahan terapi muka.
- Sikap / Keselamatan dan Persekitaran

c. Peralatan

Diri sendiri, pelanggan dan persekitaran.

PENCAPAIAN KOMPETENSI

Tahap Kompetensi	Kompeten (✓)	Belum Kompeten (X)	Catatan
PROSEDUR KERJA			
• Bahan dan peralatan disediakan mengikut senarai semak yang disediakan.			
• Pelanggan disediakan dengan pakaian yang sesuai.			
• Solekan pada muka pelanggan dibersihkan dengan menggunakan pembersih solekan dengan teknik yang betul.			
• Muka pelanggan dibersihkan menggunakan pembersih dengan teknik yang betul.			
• Kulit muka dianalisis dan indikasi kontra dikenal pasti dengan tepat.			
• Skrub dilakukan dengan teknik yang betul.			
• Pegewap muka dikendalikan dengan teknik yang betul.			
• Bintik dibersihkan dengan teknik yang betul.			
• Medium <i>electrotherapy</i> dipilih menepati keperluan rawatan.			
• Intensiti mesin di paras '0' dipastikan dengan betul.			
• Intensiti mesin dilaras mengikut toleransi pelanggan.			
• Tempoh rawatan dipastikan dengan tepat.			
• Mengurut muka secara urut usap dengan teknik yang betul.			
• Pupur diaplikasi dan dibersihkan dengan teknik yang betul.			
• Penyegar dipetap dengan teknik yang betul.			
• Pelembap diaplikasi dengan teknik yang betul.			
• Privasi dan keselesaan pelanggan dijaga sepanjang rawatan.			
HASIL KERJA			
• Borang konsultasi pelanggan dikemas kini dan lengkap.			
• Muka pelanggan bersih daripada sisa bahan rawatan muka.			
NILAI DAN KESELAMATAN			
• Pelupusan bahan sisa salun mengikut prosedur keselamatan.			
• Peralatan dikendalikan mengikut teknik yang betul dan selamat serta disusun kemas selepas digunakan.			
• Berpakaian mengikut prosedur keselamatan.			
• Persekitaran kerja dibersihkan dan dikemas selepas perkhidmatan dilaksanakan.			

Rawatan Muka Menggunakan Mesin Sedut Vakum

Rawatan mesin sedut vakum merupakan rawatan yang menggunakan vakum yang menyedut kulit muka sebanyak 20 peratus ke dalam ventos.

Mesin ini berfungsi untuk menyedut keluar kekotoran dan minyak atau sebum dari kulit dan dapat meningkatkan peredaran darah ke permukaan kulit. Hasilnya, kulit akan menjadi kemerah-merahan dan lebih bersih.

Rawatan ini sesuai untuk semua jenis kulit, tetapi tidak boleh dilakukan pada kawasan yang mempunyai jerawat dan kapilari darah yang bengkak atau pecah.


Info Tambahan

Sistem limfa terdiri dari cairan limfa, pembuluh limfa dan nodus limfa. Sistem ini mengangkut cairan limfa yang berfungsi untuk mengumpulkan sisa-sisa metabolisme, jaringan mati dan mengandung sel darah putih untuk melawan infeksi.



Rajah 3.37 Mesin sedut vakum

Jenis Ventos Kaca Mesin Sedut Vakum



Rajah 3.38 Jenis ventos kaca mesin sedut vakum

Bahan untuk Mesin Sedut Vakum



Rajah 3.39 Bahan untuk mesin sedut vakum

Info Tambahan

Bahan sedut vakum digunakan bagi tujuan melicinkan pergerakan ventos kaca. Pemilihan bahan bergantung kepada tujuan rawatan sedut vakum.

Tujuan Rawatan Sedut Vakum



Rajah 3.40 Tujuan rawatan mesin sedut vakum

Indikasi Kontra Rawatan Sedut Vakum

- 1 Histeria
- 2 Diabetes
- 3 Hipersensitif
- 4 Selaran matahari
- 5 Jerawat yang telah dijangkiti (*Acne vulgaris* atau *rosacea*)
- 6 Kapilari kembang atau pecah (sekeliling mata, pipi)
- 7 Tahi lalat hidup, *skin tag*, ketuat
- 8 Bengkak dan radang kulit
- 9 Parut dan luka yang baru
- 10 Kulit terlalu nipis atau lembut
- 11 Kulit menggeleber

Rajah 3.41 Indikasi kontra rawatan mesin sedut vakum

Masa Rawatan Mengikut Jenis Kulit dan Tujuan Rawatan Sedut Vakum

Jadual 3.17 Masa rawatan mengikut jenis kulit muka dan tujuan rawatan sedut vakum

Tujuan	Jenis Kulit	Masa
Pengaliran limfa	• Normal • Kering	10 – 20 minit
	• Kombinasi • Berminyak • Seborea	10 – 12 minit
Mengeluar bintik	• Semua jenis kulit	5 minit
Menegang kulit	• Kulit berkedut	Kurang dari 5 minit

Info Tambahan

Nodus limfa merupakan penapis (*filter*) untuk partikel asing dan berisi sel darah putih untuk mengumpul dan menghancurkan bakteria dan virus. Apabila tubuh melawan jangkitan kuman, *limfosit* (sel darah putih) akan bertambah secara drastik.

Kesan Rawatan Sedut Vakum



Rajah 3.42 Kesan rawatan mesin sedut vakum

Langkah-langkah Keselamatan Rawatan Mesin Sedut Vakum


1 Kenal pasti kontra indikasi bagi rawatan sedut vakum.	2 Pastikan mesin rawatan berfungsi dengan baik.	3 Elakkan memakai barang kemas dan aksesori.
4 Pilih jenis ventos yang sesuai.	5 Gunakan bahan pelincir dengan mencukupi dan tidak masuk ke dalam kawasan yang sensitif iaitu lubang hidung, bibir, mata dan telinga.	6 Pastikan tisu kulit tidak disedut melebihi 1 per 4 daripada saiz ventos kaca.
7 Lepaskan jari dari ventos kaca sebelum mengalihkan ventos dari kulit.	8 Kekuatan sedutan dan tempoh rawatan mestilah sesuai.	

Rajah 3.43 Langkah-langkah keselamatan rawatan mesin sedut vakum


Pergerakan Ventos Mesin Sedut Vakum



Layari Internet tentang cara melakukan pergerakan bertindan sedut vakum.



Rajah 3.44 Pergerakan ventos mesin sedut vakum




Sedutan kulit ke dalam ventos tidak melebihi 1 per 4 daripada saiz ventos kaca.

Pergerakan bertindan
1. Pergerakan ventos pertama.
2. Pergerakan ventos kedua.

Rajah 3.45 Sedutan dan pergerakan bertindan

Pola Sedut Vakum pada Bahagian Muka dan Leher



Rajah 3.46 Pola sedut vakum pada bahagian muka dan leher

Aktiviti

1. Murid dikehendaki membentuk kumpulan kecil yang terdiri daripada empat orang.
2. Setiap kumpulan dikehendaki memilih satu jenis ventos kaca.
3. Berdasarkan jenis ventos kaca yang dipilih, lukis pola pada bahagian muka dan leher.
4. Wakil setiap kumpulan diminta membentangkan hasil kerja di hadapan kelas.

PAK 21

Lakarkan arah pergerakan ventos pada gambar rajah kosong atau kepala patung *mannequin*.

Prosedur Rawatan Sedut Vakum



Menyediakan bahan dan alatan rawatan sedut vakum mengikut aliran kerja.



Menyediakan pelanggan dengan kemas.



Mensteril tangan juruestetik dengan *hand sanitizer*.



Membersih muka pelanggan dengan pembersih solekan.



Membersih muka pelanggan dengan pembersih muka dan bilaskan dengan air suam.



Menganalisis kulit muka dengan menggunakan lampu kanta pembesar dan catatkan dalam borang konsultasi pelanggan.



7 Membersih muka dengan scrub dan bilaskan dengan air suam (jika perlu).



8 Mengewap muka pelanggan.



9 Memetap muka pelanggan dengan tisu fasial.



10 Mengeluarkan bintik dengan menggunakan comedone extractor.



11 Membersih muka pelanggan dengan air suam dan petapkan tisu fasial sehingga kering.

▶ **Mulakan rawatan menggunakan mesin sedut vakum.**



12 Menyapu dan meratakan minyak sedut vakum pada leher dan muka.



13 Juruestetik memilih ventos kaca. Masukkan sedikit kapas kering pada hujung ventos kaca.



14 Menyambung ventos kaca pada salur wayar dan pasang pada mesin sedut vakum.



15 Membuka suis mesin sedut vakum dan menguji sedutan pada kulit tangan juruestetik.



16 Meletak ventos kaca di sebelah kiri bahagian dada dan menutup lubang kecil ventos kaca dengan jari. Menggerakkan ventos kaca sehingga ke titik nodus dan lepaskan jari daripada lubang ventos kaca.



17 Melakukan sedutan vakum mengikut pola sedut vakum. Setiap gerakan diulang sebanyak 3 kali.

- Mulakan sedut vakum di sebelah kiri bahagian dada dan gerakkan ventos ke arah nodus aksil.
- Menggerakkan ventos ke arah nodus servikal di bahagian tengah dada.
- Menggerakkan ventos kaca ke arah posterial aurikular (sebelah kiri leher).
- Menggerakkan ventos ke arah nodus submental (bahagian dagu).
- Menggerakkan ventos kaca ke arah nodus aurikular anterior (bahagian pipi).
- Menggerakkan ventos kaca di bahagian piramidalis di dahi.
- Mengulang sedutan di bahagian kanan dan di akhir di nodus aurikular interior.



18 Membersih muka dengan span fasial.



19 Memetap muka pelanggan dengan tisu fasial.



20 Membancuh dan menyapu pupur pada muka dengan rata, sehala dan kemas.



21 Membersih pupur dengan air suam dan petapkan muka dengan tisu fasial.



22 Memetap penyegar pada muka pelanggan.



23 Menyapu dan meratakan pelembap ke seluruh muka pelanggan.

24. Minta pelanggan menukar pakaian.
25. Memberi khidmat nasihat.
26. Menerima maklum balas dari pelanggan.
27. Mengemas tempat kerja.

PAK 21

1. Secara berpasangan, pilih tajuk berikut dan lakukan aktiviti *think-pair-share*.
 - Tujuan dan kesan rawatan menggunakan mesin sedut vakum untuk kulit kering
 - Tujuan dan kesan rawatan menggunakan mesin sedut vakum untuk kulit berminyak
 - Tujuan dan kesan rawatan menggunakan mesin sedut vakum untuk kulit seborea
2. Kemudian, kongsi dengan rakan-rakan di dalam kelas.

Info Tambahan

Dalam rawatan sedut vakum, urutan muka tidak perlu dilakukan.

BORANG TUGASAN

- Secara berpasangan, anda dikehendaki menganalisis kulit muka pelanggan dan melakukan rawatan muka menggunakan mesin sedut vakum.
- Anda dikehendaki merekod hasil maklumat rawatan dalam borang konsultasi pelanggan.

SENARAI BAHAN

BIL	BAHAN	KUANTITI
1.	Hand sanitizer	1
2.	Pembersih solekan (<i>makeup remover</i>)	1
3.	Pembersih muka	1
4.	Medium electrotherapy	1
5.	Pupur	1
6.	Penyegar	1
7.	Pelembap	1
8.	Skrub	1
9.	Air mawar	1
10.	Kapas fasial	1
11.	Kain gauze	1
12.	Pelutup muka	1

PERALATAN / KELENGKAPAN

BIL	PERALATAN / KELENGKAPAN	KUANTITI
1.	Troli fasial	1
2.	Katil fasial	1
3.	Kerusi fasial	1
4.	Kad rawatan pelanggan	1
5.	Borang maklum balas	1
6.	Alat tulis	1
7.	Gaun fasial	1
8.	Mangkuk pupur	1
9.	Berus pupur	1
10.	Comedone extractor	1
11.	Tuala besar	1
12.	Tuala kecil	1
13.	Magnifying lamp	1
14.	Pengewap muka	1
15.	Spatula plastik	1
16.	Ben rambut	1
17.	Span fasial	1
18.	Mesin sedut vakum	1
19.	Mangkuk air	1
20.	Sterilizer	1

KRITERIA PENILAIAN

Prestasi anda akan dinilai berasaskan kriteria berikut:

a. Proses Kerja

Proses kerja bermula dari persediaan peralatan dan bahan sehingga borang maklum balas diisi oleh pelanggan dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kebersihan.

b. Hasil Kerja

- Kad rawatan pelanggan dikemas kini dan lengkap.
- Muka pelanggan bersih daripada sisa bahan terapi muka.
- Sikap / Keselamatan dan Persekitaran

c. Peralatan

Diri sendiri, pelanggan dan persekitaran.

PENCAPAIAN KOMPETENSI

Tahap Kompetensi	Kompeten (✓)	Belum Kompetensi (x)	Catatan
PROSEDUR KERJA			
• Bahan dan peralatan disediakan mengikut senarai semak yang disediakan.			
• Pelanggan disediakan dengan pakaian yang sesuai.			
• Solekan pada muka pelanggan dibersihkan dengan menggunakan <i>makeup remover</i> dengan teknik yang betul.			
• Muka pelanggan dibersihkan menggunakan pembersih dengan teknik yang betul.			
• Kulit muka dianalisis dan kontra indikasi dikenal pasti dengan tepat.			
• <i>Deep cleansing</i> dilakukan dengan teknik yang betul.			
• Pegewap muka dikendalikan dengan teknik yang betul.			
• Bintik dibersihkan dengan teknik yang betul.			
• Medium electrotherapy dipilih menepati keperluan rawatan.			
• Intensiti mesin di paras '0' dipastikan dengan betul.			
• Intensiti mesin dilaras mengikut toleransi pelanggan.			
• Tempoh rawatan dipastikan dengan tepat.			
• Pupur diaplikasi dan dibersihkan dengan teknik yang betul			
• Penyegar dipetap dengan teknik yang betul.			
• Pelembap diaplikasi dengan teknik yang betul.			
• Privasi dan keselesaan pelanggan dijaga sepanjang rawatan.			
HASIL KERJA			
• Borang konsultasi pelanggan dikemas kini dan lengkap.			
• Muka pelanggan bersih daripada sisa bahan terapi muka.			
NILAI DAN KESELAMATAN			
• Pelupusan bahan sisa salun mengikut prosedur keselamatan.			
• Peralatan dikendalikan mengikut teknik yang betul dan selamat serta disusun kemas selepas digunakan.			
• Berpakaian mengikut prosedur keselamatan.			
• Persekitaran kerja dibersihkan dan dikemas selepas perkhidmatan dilaksanakan.			
• Pelanggan dilayan dengan sopan.			


Rawatan Muka Menggunakan Mesin Galvanik

Rawatan muka menggunakan mesin galvanik terbahagi kepada dua jenis iaitu rawatan desinkrustasi dan rawatan iontoforesis. Rawatan muka menggunakan mesin galvanik sesuai dilakukan pada semua jenis kulit muka iaitu kulit normal, kering, kombinasi, berminyak, berjerawat, berkedut, matang, seborea dan sensitif. Rawatan ini menggunakan arus galvanik berkutub iaitu arus terus yang tetap.



Rajah 3.47 Mesin galvanik

Tujuan Rawatan Menggunakan Mesin Galvanik




Rajah 3.48 Tujuan rawatan menggunakan mesin galvanik

Rawatan Desinkrustasi


Rawatan desinkrustasi dilakukan bertujuan untuk menghilangkan minyak daripada kulit. Semasa rawatan ini dilakukan, juruestetik akan memegang elektrod logam dan pelanggan akan memegang elektrod indifferen yang dibalut dengan span lembap.

Jenis Elektrod Rawatan Desinkrustasi



Elektrod logam

- Dikenali sebagai elektrod aktif.
- Dipegang oleh juruestetik.
- Berkutub negatif (-ve).




Elektrod indifferen

- Dikenali sebagai elektrod tidak aktif.
- Dipegang oleh pelanggan.
- Berkutub positif (+ve).

Rajah 3.49 Jenis elektrod rawatan desinkrustasi

Bahan Rawatan Desinkrustasi

- Losen.
- Ampul desinkrustasi, *water base* atau air garam.




Losen desinkrustasi juga berfungsi sebagai membantu mencairkan bahan sebum yang pejal di sekitar tepi liang roma memudahkan pengeluaran bintik.

Prinsip Rawatan Desinkrustasi

Losen desinkrustasi mengandungi ion positif (+ve). Ion ini ditarik ke elektrod logam aktif berkutub negatif (-ve) yang boleh bertindak balas ke atas sebum.

Semasa rawatan desinkrustasi, sebum dan kekotoran dari lapisan epidermis diemulsikan dan ditarik bersama-sama ke elektrod logam aktif. Hal ini akan membolehkan sebum dan kekotoran yang berada di lapisan epidermis dibersihkan. Keadaan ini adalah hasil daripada tindak balas losen desinkrustasi.



Rajah 3.50 Prinsip rawatan desinkrustasi

Indikasi Rawatan Desinkrustasi



Rajah 3.51 Indikasi rawatan desinkrustasi

Indikasi Kontra Rawatan Desinkrustasi




Rajah 3.52 Indikasi kontra rawatan desinkrustasi

Langkah-langkah Keselamatan Rawatan Desinkrustasi



Rajah 3.53 Langkah-langkah keselamatan rawatan desinkrustasi


Kesan Rawatan Desinkrustasi



Rajah 3.54 Kesan rawatan desinkrustasi


Rawatan Iontoforesis

Rawatan iontoforesis dilakukan bertujuan untuk memasukkan sesuatu bahan ke dalam kulit. Semasa rawatan ini dilakukan, juruestetik akan memegang elektrod logam pengelek (elektrod aktif) dan pelanggan akan memegang elektrod indifereen yang dibalut dengan span lembap.



Elektrod logam pengelek

- Dikenali sebagai elektrod aktif.
- Dipegang oleh juruestetik.
- Berkutub positif (+ve).



Elektrod indifereen

- Dikenali sebagai elektrod tidak aktif.
- Dipegang oleh pelanggan.
- Berkutub negatif (-ve).


Rajah 3.55 Jenis elektrod rawatan iontoforesis

Bahan Rawatan Iontoforesis

- Losen
- Ampul *water base*


Prinsip Rawatan Iontoforesis

- Gel galvanik mengandungi ion positif (+ve). Ion ini akan ditolak oleh elektrod logam penggelek yang berketub positif (+ve) dan masuk ke dalam epidermis yang bercas negatif (-ve).
- Gel galvanik juga disebut sebagai medium kerana mengandungi ion positif (+ve).



Rajah 3.56 Prinsip rawatan iontoforesis

Indikasi Rawatan Iontoforesis



Rajah 3.57 Indikasi rawatan iontoforesis

Indikasi Kontra Rawatan Iontoforesis



Rajah 3.58 Indikasi kontra rawatan iontoforesis

Langkah-langkah Keselamatan Rawatan Iontoforesis



Rajah 3.59 Langkah-langkah keselamatan rawatan iontoforesis

Kesan Rawatan Iontoforesis



Rajah 3.60 Kesan rawatan iontoforesis

Prosedur Rawatan Galvanik



1 Menyediakan bahan dan alatan rawatan galvanik mengikut aliran kerja.



2 Menyediakan pelanggan dengan kemas.



3 Mensteril tangan juruestetik dengan *hand sanitizer*.



4 Membersih muka pelanggan dengan pembersih solekan.



5 Membersih muka pelanggan dengan pembersih muka dan bilas dengan air suam.



6 Menganalisis kulit muka dengan menggunakan lampu kanta pembesar dan catat dalam borang konsultasi pelanggan.



7
Membersihkan muka dengan skrub dan bilas dengan air suam (jika perlu).



8
Mengewap muka pelanggan.



9
Memetap muka pelanggan dengan tisu fasial.



10
Mengeluarkan bintik dengan menggunakan comedone extractor.



11
Membersihkan muka pelanggan dengan air suam dan petapkan tisu fasial sehingga kering.



Mulakan rawatan desinkrustasi.



12
Membalut elektrod indiferen.



13
Menyambung hujung wayar elektrod indiferen ke mesin galvanik pada tanda positif.



14
Menyambung hujung wayar elektrod aktif ke mesin galvanik. Laraskan mesin galvanik pada tanda negatif.



15
Membalut elektrod aktif dengan kapas fasial.



16
Meminta pelanggan memegang elektrod indiferen.



17
Meletak losen desinkrustasi pada elektrod aktif.



18 Meletak elektrod aktif pada dagu atau pipi pelanggan. Memasang suis dan uji kekuatan arus pada tahap yang sesuai.



19 Melakukan rawatan desinkrustasi dengan gerakan secara membulat bermula di bahagian dagu, pipi, dahi dan hidung sehingga meliputi semua bahagian muka selama 3 hingga 12 minit. Menambah losen desinkrustasi jika perlu.



23 Meletak elektrod aktif pada dagu atau pipi pelanggan. Memasang suis dan menguji kekuatan arus pada tahap yang sesuai.



24 Melakukan rawatan iontoforesis bermula di bahagian dagu, pipi, dahi dan hidung sehingga keseluruhan bahagian muka.



Meletak elektrod aktif di tepi dagu setelah selesai rawatan dan tutup suis. Sambung rawatan iontoforesis.



20 Menyambung hujung wayar elektrod indiferen ke mesin galvanik pada tanda negatif.



25 Meletak elektrod aktif di tepi dagu setelah selesai rawatan dan tutup suis. Mengambil elektrod indiferen dari pelanggan.



26 Membersih muka dengan span fasial dan petapkan dengan tisu fasial.



21 Menyambung hujung wayar elektrod aktif ke mesin galvanik pada tanda positif.



22 Menyapu dan meratakan gel galvanik pada leher dan muka pelanggan dengan menggunakan berus pupur.



27 Menyapu krim urut dengan rata. Mengurut dada, bahu, belakang, leher dan muka.



28 Membilas muka dengan air suam.

29



Membancuh dan menyapu pupur pada muka dengan rata, sehala dan kemas.

30



Membersih pupur dengan air suam dan petapkan muka dengan tisu fasial.

31



Memetap penyegar pada muka pelanggan.

32



Menyapu dan meratakan pelembap ke seluruh muka pelanggan.

33. Minta pelanggan menukar pakaian.
34. Memberi khidmat nasihat.
35. Menerima maklum balas dari pelanggan.
36. Mengemas tempat kerja.

Info Tambahan

Pastikan elektrod aktif berada pada kulit muka dan tidak berada pada tempat yang sama melebihi 3 minit semasa rawatan dijalankan.

Aktiviti

Pilih satu jenis rawatan galvanik dan sediakan carta aliran prosedur rawatan tersebut.

BORANG TUGASAN

- a. Secara berpasangan, anda dikehendaki menganalisis kulit muka pelanggan dan melakukan rawatan muka menggunakan mesin galvanik.
- b. Anda dikehendaki merekod hasil maklumat rawatan dalam borang konsultasi pelanggan.

SENARAI BAHAN

BIL	BAHAN	KUANTITI
1.	Hand sanitizer	1
2.	Pembersih solekan (<i>makeup remover</i>)	1
3.	Pembersih muka	1
4.	Medium electrotherapy	1
5.	Pupur	1
6.	Penyegar	1
7.	Pelembap	1
8.	Skrub	1
9.	Air mawar	1
10.	Kapas fasial	8
11.	Kain gauze	1
12.	Medium urut (krim dan minyak)	1
13.	Pelutup muka	1

PERALATAN / KELENGKAPAN

BIL	PERALATAN / KELENGKAPAN	KUANTITI
1.	Troli fasial	1
2.	Katil fasial	1
3.	Kerusi fasial	1
4.	Borang konsultasi pelanggan	1
5.	Borang maklum balas	1
6.	Alat tulis	1
7.	Gaun fasial	1
8.	Mangkuk pupur	1
9.	Berus pupur	1
10.	Comedone extractor	1
11.	Tuala besar	1
12.	Tuala kecil	4
13.	Lampu kanta pembesar	1
14.	Pengwap muka	1
15.	Spatula plastik	1
16.	Ben rambut	1
17.	Span fasial	2
18.	Mesin galvanik	1
19.	Mangkuk air	1
20.	Sterilizer	1

KRITERIA PENILAIAN

Prestasi anda akan dinilai berasaskan kriteria berikut:

a. Proses Kerja

Proses kerja bermula dari persediaan peralatan dan bahan sehingga borang maklum balas diisi oleh pelanggan dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kebersihan.

b. Hasil Kerja

- i. Borang konsultasi pelanggan dikemas kini dan lengkap.
- ii. Muka pelanggan bersih daripada sisa bahan terapi muka.

c. Sikap / Keselamatan dan Persekitaran


- i. Peralatan
- ii. Diri sendiri, pelanggan dan persekitaran.

PENCAPAIAN KOMPETENSI

Tahap Kompetensi	Kompeten (✓)	Belum Kompeten (X)	Catatan
PROSEDUR KERJA			
• Bahan dan peralatan disediakan mengikut senarai semak yang disediakan.			
• Pelanggan disediakan dengan pakaian yang sesuai.			
• Solekan pada muka pelanggan dibersihkan dengan menggunakan pembersih solekan dengan teknik yang betul.			
• Muka pelanggan dibersihkan menggunakan pembersih dengan teknik yang betul.			
• Kulit muka dianalisis dan indikasi kontra dikenal pasti dengan tepat.			
• Skrub dilakukan dengan teknik yang betul.			
• Pegewap muka dikendalikan dengan teknik yang betul.			
• Bintik dibersihkan dengan teknik yang betul.			
• Medium <i>electrotherapy</i> dipilih menepati keperluan rawatan.			
• Intensiti mesin di paras '0' dipastikan dengan betul.			
• Intensiti mesin dilaras mengikut toleransi pelanggan.			
• Tempoh rawatan dipastikan dengan tepat.			
• Urutan muka dilakukan merangkumi lima gerakan asas dengan teknik yang betul.			
• Urutan muka dilakukan dengan ritma yang sekata mengikut aliran yang betul.			
• Pupur diaplikasi dan dibersihkan dengan teknik yang betul.			
• Penyegar dipetap dengan teknik yang betul.			
• Pelembap diaplikasi dengan teknik yang betul.			
• Privasi dan keselesaan pelanggan dijaga sepanjang rawatan.			
HASIL KERJA			
• Borang konsultasi pelanggan dikemas kini dan lengkap.			
• Muka pelanggan bersih daripada sisa bahan rawatan muka.			
NILAI DAN KESELAMATAN			
• Pelupusan bahan sisa salun mengikut prosedur keselamatan.			
• Peralatan dikendalikan mengikut teknik yang betul dan selamat serta disusun kemas selepas digunakan.			
• Berpakaian mengikut prosedur keselamatan.			
• Persekitaran kerja dibersihkan dan dikemas selepas perkhidmatan dilaksanakan.			

Rawatan Muka Menggunakan Mesin *Ultrasound*

Rawatan muka menggunakan mesin *ultrasound* sesuai untuk jenis kulit kering. Rawatan ini dapat melambatkan proses penuaan dan boleh memperbaiki struktur kulit. Rawatan ini menggunakan arus elektrik secara mendalam hingga menembusi ke sel kulit melalui proses penukaran haba dan mempunyai gegaran untuk pemulihan sel dalam kulit.

Rajah 3.61 Mesin *ultrasound***Jenis Elektrod Mesin *Ultrasound***

Probe




Spatula blade

Rajah 3.62 Jenis elektrod mesin *ultrasound***Kekuatan Arus Mesin *Ultrasound***

- 1 MHZ untuk bahagian badan.
- 3 MHZ untuk bahagian muka (pipi, dahi dan dagu).
- 5 MHZ untuk bahagian keliling mata.

Arah Pergerakan Probe Mesin Ultrasound



Rajah 3.63 Arah pergerakan probe mesin ultrasound

Tujuan Rawatan Muka Menggunakan Mesin Ultrasound




Rajah 3.64 Tujuan rawatan muka menggunakan mesin ultrasound

Prinsip Rawatan Menggunakan Mesin Ultrasound


- a. Mesin ini mempunyai dua jenis arus menerusi alat *ultrasonic probe*.
 - i. Arus *sequent* (berturutan atau bersambung).
 - ii. Arus *pulse* (denyutan).
- b. *Ultrasonic probe* mempunyai dua saiz iaitu saiz kecil dan saiz besar.
 - i. Saiz kecil digunakan pada bahagian kecil seperti di hidung dan sekeliling mulut.
 - ii. Saiz besar digunakan pada bahagian besar seperti di pipi, dahi dan dagu.
- c. Mesin *ultrasound* ini mempunyai frekuensi antara 1 MHZ - 5 MHZ.
- d. Arus ini dapat menembusi kulit dan digunakan untuk membantu penyerapan bahan rawatan ke lapisan kulit yang lebih mendalam.

Indikasi dan Indikasi Kontra Rawatan Menggunakan Mesin Ultrasound




Rajah 3.65 Indikasi dan indikasi kontra menggunakan mesin ultrasound

Kesan Rawatan Menggunakan Mesin Ultrasound



Rajah 3.66 Kesan rawatan menggunakan mesin ultrasound

Tempoh Rawatan Menggunakan Mesin *Ultrasound*



Rajah 3.67 Tempoh rawatan menggunakan mesin *ultrasound*

Langkah-langkah Keselamatan Rawatan Menggunakan Mesin *Ultrasound*



Rajah 3.68 Langkah-langkah keselamatan rawatan menggunakan mesin *ultrasound*

Prosedur Rawatan Menggunakan Mesin *Ultrasound*



1 Menyediakan bahan dan alatan rawatan *ultrasound* mengikut aliran kerja.



2 Menyediakan pelanggan dengan kemas.



3 Mensteril tangan juruestetik dengan *hand sanitizer*.



4 Membersih muka pelanggan dengan pembersih solekan.



5 Membersih muka pelanggan dengan pembersih muka dan bilas dengan air suam.



6 Menganalisis kulit muka dengan menggunakan lampu kanta pembesar dan catat dalam borang konsultasi pelanggan.



7 Membersih muka dengan scrub dan bilaskan dengan air suam (jika perlu).



8 Mengewap muka pelanggan.



12 Menyapukan gel ultrasonik pada keseluruhan muka pelanggan.



13 Membersih probe ultrasonik dengan kapas lembap.



9 Memetap muka pelanggan dengan tisu fasial.



10 Mengeluarkan bintik dengan menggunakan comedone extractor.



14 Melaraskan kekuatan arus sehingga 3 MHz dan pilih jenis arus *sequence* atau *pulse*.



15 Menguji mesin dengan titiskan air di atas probe untuk memastikan mesin berfungsi. Setkan masa selama 10 minit.



11 Membersih muka pelanggan dengan air suam dan petapkan tisu fasial sehingga kering.

➡ **Mulakan rawatan menggunakan mesin mesin ultrasound.**



16 Meletakkan probe ultrasonik di muka pelanggan dan tekan 'ON'. Lakukan pergerakan *rotary* dari dagu dan rahang hingga ke telinga. Teruskan pergerakan *rotary* pada *laughter line* dan pipi.



17 Melakukan pergerakan menggelongsor dari bawah mata hingga ke tulang pelipis dan dari kening ke tulang pelipis.

18



Melakukan pergerakan *rotary* pada dahi hingga ke tulang pelipis. Setelah selesai rawatan, tutup suis dan angkat *probe* ultrasonik daripada muka

19



Membersih muka dengan span fasial.

24



Menyapu dan meratakan pelembap ke seluruh muka pelanggan.

20



Memetapkan muka dengan tisu fasial.

21



Membancuh dan menyapu pupur pada muka dengan rata, sehala dan kemas.

22



Membersih pupur dengan air suam dan petapkan muka dengan tisu fasial.

23



Memetap penyegar pada muka pelanggan.

25. Minta pelanggan menukar pakaian.
26. Memberi khidmat nasihat.
27. Menerima maklum balas dari pelanggan.
28. Mengemas tempat kerja.

Aktiviti

1. Bahagikan kelas kepada kumpulan kecil.
2. Setiap kumpulan boleh memilih satu tajuk berikut:
 - Rawatan muka menggunakan mesin frekuensi tinggi
 - Rawatan muka menggunakan mesin sedut vakum
 - Rawatan muka menggunakan mesin galvanik
 - Rawatan muka menggunakan mesin ultrasound
3. Laksanakan aktiviti *Gallery Walk*.



EMK

Hasilkan carta alir bagi prosedur rawatan muka menggunakan mesin *ultrasound*.

BORANG TUGASAN

- Secara berpasangan, anda dikehendaki menganalisis kulit muka pelanggan dan melakukan rawatan muka menggunakan mesin *ultrasound*.
- Anda dikehendaki merekod hasil maklumat rawatan dalam borang konsultasi pelanggan.

SENARAI BAHAN

BIL	BAHAN	KUANTITI
1.	Hand sanitizer	1
2.	Pembersih solekan (<i>makeup remover</i>)	1
3.	Pembersih muka	1
4.	Medium <i>electrotherapy</i>	1
5.	Pupur	1
6.	Penyegar	1
7.	Pelembap	1
8.	Skrub	1
9.	Air mawar	1
10.	Kapas fasial	8
11.	Kain gauze	1
12.	Pelutup muka	1

PERALATAN / KELENGKAPAN

BIL	PERALATAN / KELENGKAPAN	KUANTITI
1.	Troli fasial	1
2.	Katil fasial	1
3.	Kerusi fasial	1
4.	Borang konsultasi pelanggan	1
5.	Borang maklum balas pelanggan	1
6.	Alat tulis	1
7.	Gaun fasial	1
8.	Mangkuk pupur	1
9.	Berus pupur	1
10.	Comedone extractor	1
11.	Tuala besar	1
12.	Tuala kecil	4
13.	Lampu kanta pembesar	1
14.	Pengewap muka	1
15.	Spatula	1
16.	Ben rambut	1
17.	Span fasial	2
18.	Mesin <i>ultrasound</i>	1
19.	Mangkuk air	1
20.	Sterilizer	1

KRITERIA PENILAIAN

Prestasi anda akan dinilai berasaskan kriteria berikut:

a. Proses Kerja

Proses kerja bermula dari persediaan peralatan dan bahan sehingga borang maklum balas diisi oleh pelanggan dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kebersihan

b. Hasil Kerja

- Borang konsultasi pelanggan dikemas kini dan lengkap
- Muka pelanggan bersih daripada sisa bahan terapi muka

c. Sikap/Keselamatan dan Persekitaran

- Peralatan
- Diri sendiri, pelanggan dan persekitaran

PENCAPAIAN KOMPETENSI

Tahap Kompetensi	Kompeten (✓)	Belum Kompeten (X)	Catatan
PROSEDUR KERJA			
• Bahan dan peralatan disediakan mengikut senarai semak yang disediakan.			
• Pelanggan disediakan dengan pakaian yang sesuai.			
• Solekan pada muka pelanggan dibersihkan dengan menggunakan pembersih solekan dengan teknik yang betul.			
• Muka pelanggan dibersihkan menggunakan pembersih dengan teknik yang betul.			
• Kulit muka dianalisis dan indikasi kontra dikenal pasti dengan tepat.			
• Skrub dilakukan dengan teknik yang betul.			
• Pegewap muka dikendalikan dengan teknik yang betul.			
• Comedone dibersihkan dengan teknik yang betul.			
• Medium <i>electrotherapy</i> dipilih menepati keperluan rawatan.			
• Intensiti mesin di paras '0' dipastikan dengan betul.			
• Intensiti mesin dilaras mengikut toleransi pelanggan.			
• Tempoh rawatan dipastikan dengan tepat.			
• Pupur diaplikasi dan dibersihkan dengan teknik yang betul			
• Penyegar dipetap dengan teknik yang betul.			
• Pelembap diaplikasi dengan teknik yang betul.			
• Privasi dan keselesaan pelanggan dijaga sepanjang rawatan.			
HASIL KERJA			
• Borang konsultasi pelanggan dikemas kini dan lengkap.			
• Muka pelanggan bersih daripada sisa bahan terapi muka.			
NILAI DAN KESELAMATAN			
• Pelupusan bahan sisa salun mengikut prosedur keselamatan.			
• Peralatan dikendalikan mengikut teknik yang betul dan selamat serta disusun kemas selepas digunakan.			
• Berpakaian mengikut prosedur keselamatan.			
• Persekitaran kerja dibersihkan dan dikemas selepas perkhidmatan dilaksanakan.			



1. Lengkapkan jadual di bawah mengikut ciri-ciri kulit muka.

Ciri-ciri Kulit Muka	Jenis Kulit Muka
Kulit muka berminyak	
Kulit muka kering	
Kulit muka kombinasi	

2. Tuliskan bahan dan alatan yang digunakan untuk rawatan muka.

Bahan	Alatan
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____

3. Nyatakan tujuan membersihkan muka.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____




4. Senaraikan langkah-langkah keselamatan semasa mengewap muka.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

5. Nyatakan tujuan rawatan menggunakan mesin frekuensi tinggi terus.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

6. Nyatakan bahagian muka yang sesuai digunakan untuk ventos kaca di bawah.



Jenis Ventos Kaca	Bahagian Muka
	
	
	

7. Apakah bahan rawatan yang digunakan untuk rawatan desinkrustasi dan iontoforesis?

- a. Desinkrustasi : _____
- b. Iontoforesis : _____

8. Nyatakan kesan melakukan rawatan muka menggunakan mesin *ultrasound*.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____



Selepas mempelajari modul ini, saya mampu:

TAHAP	PERKARA YANG DINILAI	TERAMPIL		CATATAN
		YA	BELUM	
1	Menyatakan ciri setiap jenis kulit muka.			
2	Menjelaskan indikasi dan indikasi kontra rawatan muka.			
3	Mengaplikasi pengetahuan sedia ada dalam memilih dan menyediakan bahan, alatan, mesin dan kelengkapan rawatan muka.			
4	Menganalisis kulit muka pelanggan menggunakan lampu kanta pembesar dengan teliti.			
5	Mencadangkan jenis rawatan muka yang bersesuaian dengan keperluan kulit muka dan kehendak pelanggan.			
6	Melakukan rawatan muka menggunakan mesin dengan yakin dan sistematik.			



ISTILAH	PENERANGAN
Epilepsi	Gangguan sistem saraf pusat di mana aktiviti otak menjadi tidak normal, menyebabkan sawan dan kadang-kadang tidak sedar.
Eritema	Kemerahan kulit atau <i>membrane mucus</i> , yang disebabkan oleh <i>hiperemia</i> (peningkatan aliran darah) dalam kapilari.
Keloid	Luka yang kukuh, berkilat, nodul berserat dan boleh berubah dari merah jambu ke warna coklat gelap.
Limfa	Cecair jernih berwarna kekuningan yang mengandungi sel darah yang terdapat di dalam salur limfa.
Milia	Benjolan kecil dan putih yang biasanya muncul di hidung dan pipi.
Nodus limfa	Bertindak sebagai penapis atau perangkap kepada zarah asing dan memastikan sistem imun berfungsi dengan betul.
Pori	Liang-liang halus pada kulit.
Sebum	Cecair yang dikeluarkan oleh kelenjar minyak.
Sunblock	Losyen yang dapat membantu melindungi kulit daripada kesan terbakar akibat sinar matahari.
Probe	Alat terapi pada mesin <i>ultrasound</i> untuk merawat dan mengurut kulit muka.



Tingkatan 5

Modul 4

Solekan Muka

Modul 5

Penggayaan Rambut

Modul 6

Keusahawanan



Solekan Muka

Standard Kandungan

4.1 Variasi Solekan Muka

Standard Pembelajaran

- 4.1.1 Mengenal pasti jenis bentuk muka.
- 4.1.2 Mengenal pasti bahan dan alatan solekan muka.
- 4.1.3 Menyediakan bahan dan alatan mengikut jenis solekan muka.
- 4.1.4 Menerangkan warna solekan muka berdasarkan kategori warna panas, warna sejuk dan koordinasi warna (harmoni/kontras).
- 4.1.5 Menghasilkan solekan asas muka.
- 4.1.6 Melakukan *corrective makeup* mengikut keperluan bentuk muka.
- 4.1.7 Menghasilkan solekan kreatif mengikut majlis.



Pencapaian Kompetensi

Pada akhir pembelajaran ini, murid dapat:

- Menyenaraikan jenis bentuk muka
- Menerangkan ciri-ciri mengikut jenis bentuk muka
- Memilih dan menyediakan bahan dan alatan solekan muka
- Menyatakan kategori warna solekan muka berdasarkan tona warna
- Menghasilkan solekan asas dengan teknik yang betul
- Menghasilkan solekan lanjutan mengikut teknik yang betul

Pengenalan

Solekan muka merupakan cara menghias muka dengan menggunakan teknik dan kombinasi warna tertentu supaya muka kelihatan cantik dan menarik. Solekan muka terbahagi kepada dua jenis iaitu solekan asas dan solekan lanjutan. Kualiti solekan bergantung kepada keupayaan jurusolek untuk mengikut trend semasa dan terkini. Penggunaan teknologi terkini dapat menghasilkan kesan khas dalam solekan kreatif yang berupaya menghasilkan solekan yang memberi kesan menakutkan atau menggerunkan.



4.1 Variasi Solekan Muka

Sejarah solekan bermula pada zaman Mesir Purba dengan penggunaan celak mata untuk mengurangi silau, mencegah infeksi mata dan menjadikan mata kelihatan cantik.



Solekan natural mula digunakan oleh wanita Yunani kelas atasan untuk menggambarkan status sosial mereka. Tumbuh-tumbuhan dan mineral semula jadi seperti arang dan buah-buahan digunakan sebagai alat solekan pada masa tersebut. Pada abad pertengahan pula, solekan digunakan untuk kelihatan lebih putih dan mulus.

Pada zaman pertengahan hingga akhir abad ke 19 (*Victorian Era*), kecantikan semula jadi mewakili tahap kesucian wanita. Penampilan tanpa solekan merupakan impian setiap wanita dan wanita yang menggunakan solekan yang berlebihan dianggap mempunyai moral yang rendah.



Selepas perang dunia pertama, solekan berperanan penting sebagai kekuatan wanita dan untuk melupakan trauma perang dan meningkatkan keyakinan diri. Pada tahun 1940, wanita mula mencipta solekan dan gaya rambut yang lebih popular. Revolusi solekan mula berkembang dari tahun ke tahun dari solekan *natural*, *cupid's bow*, *pipi rouge*, *flick eyeliner*, *millenium*, *smokey eye* sehingga solekan minimalis yang kembali menjadi trend terkini. Kosmetik kini menjadi salah satu bahagian dalam dunia keusahawanan. Dunia kosmetik sekarang begitu maju dengan terhasilnya kosmetik yang mempunyai nilai perubatan yang dikenali sebagai *cosmeceutical*.

4.1.1 Jenis dan Ciri-ciri Bentuk Muka

Sebelum melakukan solekan, jurusolek perlu mengenal pasti jenis bentuk muka terlebih dahulu. Ini kerana setiap jenis bentuk muka memerlukan teknik solekan yang berbeza. Secara umumnya, bentuk muka dapat dikategorikan kepada tujuh jenis iaitu bujur (bentuk muka ideal), bulat, panjang, segi empat, segi tiga, hati dan intan.



Bujur

- Bentuk muka yang ideal.
- Wajah idaman yang sempurna.
- Tulang pipi menonjol.
- Dagu panjang.



Bulat

- Bentuk muka yang bulat, lebar dan berpipi penuh.
- Saiz muka adalah sama dari semua arah.



Panjang

- Bentuk muka yang lonjong.
- Bentuk muka memanjang di dahi atau dagu.



Segi Empat

- Bentuk muka berpetak.
- Lebar tulang pipi dan rahang adalah sama.



Segi Tiga

- Lebar dahi dan tulang pipi lebih besar berbanding dagu.



Hati

- Dahi dan tulang pipi yang lebar.
- Rahang dan dagu yang sempit.




Intan

- Tulang pipi lebar.
- Dahi sempit.
- Daggu kecil.

Mengenali Jenis Bentuk Muka


Untuk mengenali jenis bentuk muka, pastikan rambut diikat supaya bentuk muka dapat dilihat dengan lebih jelas. Gunakan pita ukur atau pembaris untuk mendapatkan ukuran berikut.

- 1 Ukur lebar dahi.
- 2 Ukur lebar tulang pipi.
- 3 Ukur lebar rahang.
- 4 Ukur panjang muka dari anak rambut ke dagu.



Rajah 4.1 Langkah-langkah untuk mendapatkan ukuran bentuk muka

Seterusnya, bandingkan dengan rajah di bawah untuk mendapatkan jenis bentuk muka anda.



Rajah 4.2 Carta alir cara mengenal pasti bentuk muka

4.1.2 Bahan dan Alatan Solekan Muka

Bahan dan alatan solekan perlu disediakan mengikut jenis solekan. Hal ini bertujuan untuk menjimatkan masa solekan dan memastikan solekan dapat dilakukan dengan sempurna.

Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Bahan Solekan

- Usia
- Warna kulit
- Tema atau jenis solekan
- Jenis kulit muka
- Warna pakaian
- Majlis atau acara

Jadual 4.1 Faktor yang mempengaruhi pemilihan bahan solekan

Faktor	Penerangan
Usia	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan umur memerlukan bahan solekan yang dapat melembapkan kulit. • Teknik solekan dapat menyamarkan garis halus dan kedutan pada kulit.
Warna kulit	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan tona warna yang sama dengan tona kulit untuk solekan waktu siang dan satu ton lebih cerah untuk solekan waktu malam. • Mengelakkan kulit kelihatan terlalu cerah atau bercapuk.
Tema atau jenis solekan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan bahan solekan yang sesuai untuk tema tertentu. • Perlu ketelitian dan kreativiti dalam menghasilkan solekan yang sesuai.
Jenis kulit muka	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan bahan solekan seperti bedak asas perlu sesuai dengan jenis kulit muka. • Mengelakkan berlaku iritasi atau kesan sampingan pada kulit muka.
Warna pakaian	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan warna bahan solekan sesuai dengan warna dan jenis pakaian. • Supaya kelihatan harmoni dan berseri.
Majlis atau acara	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan jenis dan teknik solekan perlu sesuai dengan tema atau jenis majlis yang dihadiri. • Gabungan solekan, pakaian dan aksesori yang sesuai akan dapat menyerlahkan sesuatu acara atau majlis.

Bahan Solekan dan Kegunaan

Jadual 4.2 Bahan solekan dan kegunaan

Bahan solekan	Kegunaan
 Makeup base (Primer)	<ul style="list-style-type: none"> Menyamarkan pori kulit. Supaya solekan tahan lama. Menjadikan kulit muka kelihatan licin, sihat dan bermaya.
 Bedak asas (Foundation)	<ul style="list-style-type: none"> Merata dan mengimbangi warna kulit. Membantu solekan melekat pada kulit. Menyembunyikan kecacatan kecil pada kulit.
 Bedak asas penyembunyi (Concealer)	<ul style="list-style-type: none"> Menyamarkan noda hitam dan lebam di bawah mata. Menutup kecacatan kulit.
 Bedak Serbuk	<ul style="list-style-type: none"> Mampu menyerap minyak berlebihan pada kulit muka. Membantu solekan tahan lebih lama.
 Pensel kening	<ul style="list-style-type: none"> Melukis dan mewarna kening.
 Pembayang mata	<ul style="list-style-type: none"> Menyeri dan mencantikkan mata.
 Celak mata	<ul style="list-style-type: none"> Memberikan bentuk lebih jelas pada mata. Menjadikan mata kelihatan lebih besar.
 Tisu fasial	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan untuk menanggalkan solekan atau kotoran.
 Kapas fasial	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan untuk menyapu penyegar. Digunakan untuk membersihkan solekan.

Bahan solekan	Kegunaan
 Maskara	<ul style="list-style-type: none"> Menyeri dan mencantikkan mata. Bulu mata kelihatan lebih tebal dan jelas.
 Pemerah pipi	<ul style="list-style-type: none"> Menyeri dan mencantikkan muka. Menyerlahkan muka.
 Pensel bibir	<ul style="list-style-type: none"> Memberikan bentuk lebih jelas dan nyata pada bibir. Membetulkan garis bibir.
 Gincu	<ul style="list-style-type: none"> Mewarna bibir. Melindungi dan melembapkan bibir.
 Pengilat bibir	<ul style="list-style-type: none"> Mengilatkan bibir. Disapu selepas memakai gincu untuk kesan berkilat dan menarik.
 Setting spray	<ul style="list-style-type: none"> Membantu solekan tahan lebih lama. Memberikan kesan berkilat (<i>glowing</i>) pada muka.
 Pembersih solekan	<ul style="list-style-type: none"> Membersih sisa solekan.
 Pembersih muka	<ul style="list-style-type: none"> Membersih muka.
 Penyegar	<ul style="list-style-type: none"> Menyegarkan kulit muka.
 Pelembap	<ul style="list-style-type: none"> Melembapkan kulit muka.

Alatan Solekan dan Kegunaan

Jadual 4.3 Alatan solekan dan kegunaan

Alatan Solekan	Kegunaan
 Kep solek	<ul style="list-style-type: none"> Melindungi baju pelanggan daripada terkena bahan solekan.
 Span bedak asas	<ul style="list-style-type: none"> Menyapu dan meratakan bedak asas.
 Cermin muka	<ul style="list-style-type: none"> Membolehkan pelanggan melihat hasil solekan.
 Paf bedak	<ul style="list-style-type: none"> Meratakan bedak pada muka.
 Pelentik bulu mata	<ul style="list-style-type: none"> Melentikkan bulu mata.
 Ben rambut	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan rambut pelanggan sentiasa kemas semasa solekan dilakukan.
 Pencabut bulu (<i>tweezer</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Mencabut bulu kening agar kelihatan kemas dan cantik.

Alatan Solekan	Kegunaan
 Pengasah	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan untuk menajamkan pensil kening, celak mata dan pensel bibir.
 Putik kapas	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan untuk membersihkan lebihan solekan.
 Makeup box	<ul style="list-style-type: none"> Tempat untuk menyimpan alatan dan bahan solekan.

Jenis Berus Solekan dan Kegunaan

Jadual 4.4 Jenis berus solekan dan kegunaan

Bil.	Jenis Berus	Kegunaan
1.	Berus bedak serbuk	Menyapu dan meratakan bedak berlebihan pada muka.
2.	Berus pemerah pipi	Menyapu dan meratakan pemerah pipi.
3.	Berus pembayang mata	Menyapu dan meratakan pembayang mata.
4.	Berus bulu mata	Menyapu maskara pada bulu mata.
5.	Berus celak	Menyapu dan meratakan celak mata.
6.	Applicator pembayang mata	Menyapu dan meratakan pembayang mata.
7.	Berus atau sikat bulu kening	Memberus bulu kening.
8.	Berus bibir	Menyapu gincu dengan sekata.



Foto 4.1 Jenis-jenis berus solekan

4.1.3 Pemilihan Bahan Solekan

Pemilihan bahan yang sesuai dan teknik solekan yang betul akan menghasilkan solekan yang lebih menyerlah.

Makeup Base (Primer)

- *Makeup base (primer)* merupakan langkah pertama dalam solekan yang disapu selepas pelembap atau *sunblock*.
- Dapat membantu merawat kulit dan menjadikan tona lebih sekata.
- Terdapat dua jenis *makeup base (primer)* yang dapat menutup liang pori kulit muka. *Makeup base (primer)* ini memerlukan teknik *deep cleansing* untuk membersihkan muka.
- Secara umumnya, terdapat dua jenis *makeup base (primer)* di pasaran iaitu berasaskan minyak (*oil-based*) dan bebas minyak (*oil-free*).
- Mempunyai tekstur krim, losen, gel dan cecair.

Info Tambahan

- Gunakan *makeup base (primer)* warna *peach* atau merah untuk kulit muka pucat.
- Gunakan *makeup base (primer)* warna kuning untuk menyamarkan bintik merah pada kulit.



Foto 4.2 Makeup base (primer)

Jadual 4.5 Jenis kulit bagi makeup base (primer)

Jenis Kulit	Penerangan
Kulit kering	<ul style="list-style-type: none"> • Pilih <i>makeup base (primer)</i> yang dapat melembapkan kulit. • Biasanya dilabel dengan perkataan <i>soothing</i>, <i>hydrating</i> dan <i>replenishing</i>.
Kulit berminyak	<ul style="list-style-type: none"> • Pilih <i>makeup base (primer)</i> yang bebas minyak dan berasaskan air untuk mengurangkan pengeluaran minyak pada muka.
Kulit kombinasi	<ul style="list-style-type: none"> • Pilih <i>makeup base (primer)</i> yang mempunyai tekstur ringan atau lembut untuk menghaluskan kulit.
Kulit berjerawat atau sensitif	<ul style="list-style-type: none"> • Pilih <i>makeup base (primer)</i> yang lembut dan berasaskan air kerana <i>primer</i> berasaskan silikon boleh menyebabkan jerawat atau kerengsaan pada kulit.
Kulit matang	<ul style="list-style-type: none"> • Pilih <i>makeup base (primer)</i> yang mempunyai antioksidan.

Bedak Asas

- Mempunyai warna dan tekstur yang berbeza.
- Pilih warna bedak asas yang sama dengan warna kulit untuk mendapatkan hasil solekan yang natural.
- Warna lebih gelap boleh digunakan pembayang (*contour*), manakala warna lebih terang boleh dijadikan penerang (*highlight*).



Foto 4.3 Bedak asas

Cara Pemilihan Bedak Asas

1. Kenal pasti jenis dan warna kulit.
2. Pilih tekstur bedak asas yang sesuai.
3. Pilih warna yang sama atau paling hampir dengan warna kulit.

Tekstur Bedak Asas



Rajah 4.3 Tekstur bedak asas

Bedak Asas Penyembunyi (*Concealer*)

- Pilih bedak asas penyembunyi (*concealer*) yang sama dengan tona kulit.
- Sapu dan ratakan pada bahagian tertentu sahaja, terutama pada noda hitam, kemerahan, lingkaran hitam di bawah mata, parut dan tanda lahir.
- Tekstur bedak asas penyembunyi (*concealer*) jenis cecair dan jenis krim sesuai untuk semua jenis kulit, manakala tekstur batang (*stick*) lebih sesuai untuk kulit kering atau kombinasi.



Foto 4.4 Bedak asas penyembunyi (*concealer*)

Info Tambahan

Cara untuk mengenal pasti warna bedak asas yang sesuai ialah dengan memilih warna bedak asas yang sama dengan warna kulit di bahagian rahang muka.

Sila Imbas

Layari <http://arasmega.com/qr-link/jenis-bedak/> untuk mendapatkan maklumat tentang jenis-jenis bedak.

Sila Imbas

Layari <http://arasmega.com/qr-link/warna-dasar-kulit/> untuk mendapatkan maklumat tentang warna dasar kulit.

Bedak Serbuk

- Mempunyai pelbagai warna atau tanpa warna (*translucent*).
- Pilih bedak serbuk yang sama atau paling hampir (lebih cerah) dengan bedak asas.
- Bedak serbuk tanpa warna (*translucent*) sesuai untuk semua warna bedak asas.
- Tekstur serbuk dan boleh digunakan untuk semua jenis kulit, terutama kulit berminyak.



Foto 4.5 Bedak serbuk

Info Tambahan

Pastikan bedak serbuk disapu dengan rata supaya tidak bercapuk.

EMK

Layari Internet dan dapatkan maklumat tentang bahan yang digunakan untuk membuat bedak serbuk.

Pensel Kening



Foto 4.6 Pensel kening

- Pemilihan warna pensel kening perlu sesuai dengan warna mata, kulit dan rambut.
- Pensel kening berwarna kelabu dan coklat gelap sesuai untuk tona kuning langsung dan sawo matang.
- Terdapat dalam bentuk pensel, krayon, kompak dan krim.
- Gunakan pensel kening yang berkualiti (tidak keras atau terlalu tajam) supaya hasil kelihatan kemas.

EMK

Secara berkumpulan, dapatkan maklumat tentang jenis pensel kening yang sering digunakan oleh jurusolek.

Pembayang Mata

- Penggunaan tona warna pembayang mata perlu sesuai dengan bentuk mata supaya mata kelihatan lebih besar dan menyerlah.
- Terdapat dalam bentuk serbuk, cecair dan krim.
- Penggunaan warna pembayang mata yang gelap akan menjadikan mata kelihatan besar dan galak.



Foto 4.7 Pembayang mata

Faktor Pemilihan Warna Pembayang Mata

- Warna kulit
- Warna mata
- Warna rambut
- Masa (siang atau malam)
- Majlis dan tema
- Warna pakaian

Celak Mata

- Celak mata jenis pensel dan krayon paling mudah digunakan.
- Celak mata jenis gel perlu disapu dengan menggunakan berus dan memberi kesan yang sempurna.
- Celak mata jenis cecair pula memerlukan ketelitian kerana mudah comot jika tersilap dan tidak begitu digalakkan dipakai di bahagian bawah mata.
- Celak jenis batang (*stick*) mudah dipakai dan tidak perlu diasah.



Foto 4.8 Celak mata

Info Tambahan

- Celak mata warna hitam dan perang tua digunakan untuk menjadikan mata kelihatan lebih besar dan menyerlah.
- Pilih warna celak mata yang lebih terang atau gelap berbanding warna pembayang mata

PAK 21

Lakarkan bentuk mata rakan anda dan warnakan pembayang mata yang sesuai digunakan untuk menyerlahkan bentuk mata.



Apakah warna pembayang mata yang sesuai untuk anda?

Maskara

- Maskara berwarna hitam sesuai untuk menjadikan bulu mata kelihatan lebat dan panjang.
- Maskara tanpa warna (*clear*) boleh digunakan untuk kesan yang lebih natural.
- Pemilihan jenis maskara adalah mengikut keperluan dan hasil solekan.

Jadual 4.6 Jenis berus maskara

Bil	Jenis	Kegunaan
1.	<i>Full wand</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Bulu berus yang rapat. • Untuk menambahkan <i>volume</i> pada bulu mata.
2.	<i>Skinny wand</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Bulu berus halus dan kecil. • Menjadikan bulu mata lebih panjang.
3.	<i>Curved wand</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Bulu berus berbentuk melengkung. • Melentikkan bulu mata.
4.	<i>Ball tipped wand</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Hujung berus yang tebal. • Sesuai untuk <i>detailing</i> dan memastikan maskara disapu pada semua bulu mata.
5.	<i>Tapered wand</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Berus berbentuk besar di belakang dan kecil di hadapan. • Menambah <i>volume</i> dan <i>define</i> bulu mata.
6.	<i>Comb wand</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Berbentuk sikat. • Memastikan maskara tidak bergumpal di bulu mata.



Foto 4.9 Jenis-jenis berus maskara

Pemerah Pipi

- Terdapat dalam bentuk krim, serbuk, gel dan cecair.
- Pemilihan pemerah pipi perlu sesuai dengan tona kulit.
- Pemerah pipi jenis serbuk sesuai untuk semua kulit terutamanya jenis kulit berminyak.
- Pemerah pipi jenis krim sesuai untuk kulit muka kering.
- Pemerah pipi jenis cecair tidak sesuai untuk kulit muka kering.



Foto 4.10 Pemerah pipi

Jadual 4.7 Pemilihan pemerah pipi dengan tona kulit

Tona Kulit	Penerangan
Kulit cerah	Sesuai dengan warna merah jambu atau <i>peach</i> .
Kuning langsung	Sesuai dengan warna merah jambu lembut.
Sawo matang	Sesuai dengan warna merah gelap, jingga atau coklat muda.
Gelap	Sesuai dengan warna jingga.

Pensel Bibir

- Terdapat dalam bentuk pensel, krayon dan batang (*stick*).
- Warna pensel bibir yang sesuai adalah sama atau lebih gelap dari warna gincu.
- Terdapat dalam pelbagai warna yang boleh disesuaikan dengan warna gincu.





Foto 4.11 Pensel bibir

Gincu



- Terdapat dalam bentuk krim, cecair dan batang (*stick*).
- Boleh didapati dalam pelbagai warna.
- Pemilihan warna gincu perlu sesuai dengan umur, majlis dan tema solekan.
- Guna warna gincu yang lembut untuk bibir tebal dan warna lebih terang untuk bibir nipis.

Foto 4.12 Gincu

Pengilat Bibir

- Mempunyai pelbagai jenis dan tesktur seperti cecair, stick atau balm.
- Gunakan pengilat bibir tanpa warna untuk hasil yang natural.
- Pilih pengilat bibir yang mempunyai SPF untuk bibir yang sihat.
- Elakkan memakai pengilat bibir yang berkilau bagi kulit berminyak.



Foto 4.13 Pengilat bibir

Setting Spray

Bagi kulit berminyak, gunakan *setting spray* yang tidak mengandungi alkohol kerana alkohol akan membuatkan kulit muka menjadi kering.



Setting spray biasanya sesuai untuk semua jenis kulit.

Foto 4.14 Setting spray

4.1.4 Kategori Warna Solekan



Layari <http://arasmega.com/qr-link/contoh-roda-warna/> untuk mendapatkan maklumat tentang roda warna.

Solekan merupakan suatu seni lukisan pada wajah. Jurusolek perlu mahir mengaplikasi warna yang sesuai dengan kulit muka dan keperluan pelanggan. Kombinasi warna yang sesuai dengan kulit muka akan menyerlahkan hasil solekan.

Roda Warna

Roda warna merupakan carta yang mengandungi susunan pelbagai warna iaitu warna panas dan sejuk. Ini untuk menentukan kombinasi warna yang sesuai sewaktu menyolek. Roda warna boleh digunakan sebagai panduan semasa menyolek.

Warna Panas dan Warna Sejuk

Warna Panas	Warna Sejuk
<ul style="list-style-type: none"> • Kuning • Jingga • Merah 	<ul style="list-style-type: none"> • Biru • Merah jambu • Ungu



Rajah 4.4 Warna panas dan warna sejuk

Warna Harmoni

- Kumpulan warna yang terletak bersebelahan satu sama lain dalam roda warna.
- Warna-warna tersebut kelihatan seakan-akan sama atau di dalam suhu warna yang sama (warna panas atau warna sejuk).
- Berfungsi untuk menimbulkan suasana tenang dan selesa.




Warna Kontra

- Warna kontra ialah gabungan warna panas dan warna sejuk.
- Dikenali juga dengan nama warna penggenap.
- Berfungsi untuk menarik perhatian dan fokus terhadap warna tersebut.



Warna Sewarna

- Disebabkan oleh kesan pancaran terang atau gelap sesuatu warna.
- Terhasil melalui campuran warna putih atau hitam.
- Menghasilkan tona warna yang berbeza.



Kombinasi dan Keharmonian Warna

Warna kulit merupakan faktor penting dalam menentukan pemilihan warna solekan yang sesuai. Oleh itu, jurusolek perlu mahir menggabungkan warna untuk mendapatkan hasil solekan yang harmoni dan menarik. Terdapat tiga kategori warna iaitu warna *primer*, warna sekunder dan warna *tertier*.

Warna Primer

Terdiri daripada warna kuning, biru dan merah. Warna ini tidak boleh dihasilkan atau diperolehi daripada campuran sebarang warna lain.



Warna Sekunder

Warna yang dihasilkan daripada campuran dua warna primer dalam kuantiti yang sama.



Kuning + Merah = Jingga



Merah + Biru = Ungu



Kuning + Biru = Hijau

Warna Tertier

Warna *tertier* diperolehi dengan mencampurkan warna *primer* dengan warna sekunder. Terdapat enam warna *tertier* iaitu biru ungu, biru hijau, kuning jingga, kuning hijau, merah jingga dan merah ungu.

Warna Primer		Warna Sekunder		Warna Tertier
Merah	+	Ungu	=	Merah ungu
Merah	+	Jingga	=	Merah jingga
Biru	+	Hijau	=	Biru hijau
Biru	+	Ungu	=	Biru ungu
Kuning	+	Jingga	=	Kuning jingga
Kuning	+	Hijau	=	Kuning hijau

Warna Kulit dan Pemilihan Warna

Pemilihan warna solekan perlu sesuai dengan warna kulit supaya solekan kelihatan menarik dan menyerlah, terutama di bahagian mata, pipi dan bibir. Oleh itu, jurusolek perlu mahir dalam mengolah dan menggabungkan warna yang sesuai berdasarkan roda warna dengan warna kulit muka pelanggan.



Foto 4.15 Contoh kulit cerah (*fair*)

Kulit Cerah (*Fair*)

- Penggunaan warna terang untuk kelihatan ceria.
- Penggunaan warna pastel untuk kelihatan lembut dan manis.
- Penggunaan warna gelap untuk menyerlahkan solekan.

Kulit Kuning Langsung (*Beige*)

- Penggunaan warna pastel akan membuatkan wajah kelihatan tidak menyerlah.
- Penggunaan warna terang akan memberi kesan terlalu kontra pada wajah.
- Penggunaan warna gelap keemasan untuk kelihatan elegan pada waktu malam.



Foto 4.16 Contoh kulit kuning langsung (*beige*)



Foto 4.17 Contoh kulit sawo matang (*natural*)

Kulit Sawo Matang (*Natural*)

- Pilih pembayang mata berwarna coklat atau warna gelap. Elakkan warna merah jambu kerana menyebabkan mata kelihatan tidak menyerlah.
- Guna pewarna pipi warna jingga atau merah bata. Elakkan warna merah jambu.
- Pemakaian gincu warna natural akan menjadikan wajah kelihatan semula jadi.

Kulit Gelap (*Tan*)

- Warna yang sesuai ialah ungu, biru dan hijau.
- Sapukan pemerah pipi warna coklat keemasan dan elakkan menggunakan pemerah pipi berwarna merah jambu.
- Gunakan pensel kening berwarna coklat gelap dan elakkan warna hitam.
- Pilih warna gincu seperti *burgundy*, merah, coklat dan plum. Elakkan penggunaan warna yang terlalu terang atau terlalu lembut.



Foto 4.18 Contoh kulit gelap (*tan*)

4.1.5 Solekan Asas

Solekan merupakan perkara yang penting untuk menyerlahkan kecantikan dan menutup kekurangan pada wajah. Solekan terbahagi kepada dua kategori iaitu solekan asas dan solekan lanjutan. Solekan asas iaitu solekan siang dan malam menggunakan jenis bahan yang sama, tetapi berbeza dari segi pemilihan warna.

Tujuan Solekan Muka

Solekan biasanya dikaitkan dengan penampilan dan perwatakan diri. Dengan solekan, seseorang akan merasa lebih berkeyakinan untuk menyerlahkan lagi potensi diri apabila berdepan dengan masyarakat. Solekan juga dapat memberi impak dan aura yang positif dalam diri.



Rajah 4.5 Tujuan solekan muka

Perbezaan Solekan Siang dan Solekan Malam

Solekan Siang

- Penggunaan warna pastel.
- Pemilihan bedak asas mengikut tona kulit.
- Solekan nipis.
- Sesuai untuk solekan personal iaitu kasual, kerjaya dan aktiviti seharian.



Foto 4.19 Contoh solekan siang



Foto 4.20 Contoh solekan malam

Solekan Malam

- Penggunaan warna terang.
- Pemilihan tona bedak asas yang lebih cerah daripada kulit.
- Solekan tebal.
- Sesuai untuk menghadiri majlis makan malam atau di dalam dewan yang dipenuhi lampu.

Indikasi Kontra Solekan Muka

Indikasi kontra solekan muka adalah keadaan atau masalah pada muka yang menyebabkan solekan tidak dapat dilakukan. Jika solekan dilakukan, kemungkinan akan timbul masalah atau kejadian yang tidak diingini kesan daripada mengabaikan indikasi kontra tersebut.



Rajah 4.6 Indikasi kontra solekan muka

Persediaan Awal Solekan Muka

Sebelum melakukan solekan muka, jurusolek perlu mengenal pasti keperluan dan kehendak pelanggan. Hal ini untuk memastikan pelanggan mendapat hasil solekan seperti yang diinginkan. Langkah-langkah persediaan awal solekan muka adalah seperti berikut:

- Menganalisis kulit muka pelanggan.
- Memilih dan menentukan bahan dan alat solekan yang sesuai.
- Mengenal pasti indikasi kontra solekan.
- Berbincang mengenai keperluan dan kehendak pelanggan.

Persediaan Bahan dan Alatan

Bahan	Alatan
<ul style="list-style-type: none"> • Makeup base (primer) • Bedak asas • Bedak asas penyembunyi • Bedak serbuk • Pensel kening • Pembayang mata • Celak mata • Maskara • Pemerah pipi • Pensel bibir • Gincu 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengilat bibir • Setting spray • Putik kapas • Tisu fasial • Kapas fasial • Pembersih solekan • Penyegar • Pelembap
	<ul style="list-style-type: none"> • Kep solek • Span bedak asas • Cermin muka • Paf bedak • Pelentik bulu mata • Ben rambut • Pencabut bulu (tweezer) • Pengasah • Makeup box • Kerusi solek • Span fasial • Mangkuk

Persediaan Pelanggan

Menyediakan pelanggan merupakan langkah awal sebelum menyolek muka. Persediaan pelanggan adalah penting untuk memastikan pelanggan berada dalam keadaan selesa sebelum perkhidmatan diberikan.

Langkah Kerja Menyediakan Pelanggan



1 Mempersilakan pelanggan ke ruang kerja solekan.



2 Meminta pelanggan duduk di atas kerusi solekan.



Meminta pelanggan menanggalkan aksesori (jika perlu). Membalut rambut pelanggan dengan kemas menggunakan ben rambut atau serkup kepala jika pelanggan bertudung.



Meletak kep solekan pada bahu pelanggan dengan kemas.



Membersihkan muka pelanggan.



Memetapkan penyegar.



Menyapu pelembap

Info Tambahan

Cara membersih muka bagi pelanggan yang bersolek ialah sapu pembersih solekan dan bersihkan muka pelanggan. Bagi pelanggan yang tidak bersolek pula bersihkan dengan menggunakan *wet tissue*.

Teknik Menyolek Muka

Teknik solekan yang betul dapat menyerlahkan lagi penampilan diri seseorang.

Meratakan *makeup base* (*primer*)



Cara:

- Letakkan beberapa titik *makeup base* (*primer*) pada keseluruhan muka.
- Sapu menghala ke luar, bermula dari dahi, hidung dan dagu.
- Ratakan sehingga kulit kelihatan sekata.

Bahan/alatan:

Makeup base, span atau berus

Meratakan bedak asas



Cara:

- Letakkan beberapa titik bedak asas di bahagian dahi, hidung, pipi dan dagu.
- Petap bedak asas menggunakan span solekan pada keseluruhan muka hingga sekata.
- Lakukan gerakan yang lembut di bahagian bawah mata.

Bahan/alatan:

Bedak asas, span bedak asas atau berus

Menyapu bedak serbuk




Cara:

- Menyapu bedak serbuk pada keseluruhan muka menggunakan berus bedak serbuk.
- Buang lebihan bedak serbuk untuk mendapatkan kesan yang sekata.

Bahan/alatan:

Bedak serbuk dan berus bedak serbuk

Membentuk kening



Cara Membentuk Kening:

- a. Pangkal kening
 - Letak pensel tegak dari tepi hidung ke penjuru dalam mata.
- b. Bahagian lengkung paling tinggi
 - Minta pelanggan pandang ke hadapan
 - Letak pensel tegak melepasi tepi anak mata hingga mencecah kening.
- c. Hujung kening
 - Letak pensel tegak dari tepi hidung ke hujung mata.


Cara Melukis Kening:

- Berus kening.
- Lukis kening bermula dari a, b dan c untuk membentuk atas dan bawah kening.
- Ratakan celak kening.

Bahan/alatan:

Berus kening dan pensel kening

Menyapu pembayang mata




Cara:

- a. Sapu warna penerang pada semua bahagian mata.
- b. Sapu warna utama pada kelopak mata.
- c. Sapu warna gelap pada hujung kelopak mata.
- d. Sapu warna terang pada tengah mata.

Bahan/alatan:

Pembayang dan penerang mata, span atau berus pembayang mata

Memakai bulu mata palsu




Cara:

- a. Ukur kesesuaian saiz bulu mata palsu dengan ukuran alis mata. Potong bulu mata palsu yang berlebihan terlebih dahulu.
- b. Sapukan gam pelekat pada bulu mata palsu.
- c. Lekatkan bulu mata palsu pada alis mata bermula dari pangkal dalam mata hingga hujung luar mata.

Bahan/alatan:

Gam, tweezer dan bulu mata palsu

Melukis garis mata dengan celak mata




Cara:

1. Cara Melukis Garis Mata:
 - a. Mula melukis garis mata pada bahagian tengah kelopak mata hingga hujung mata.
 - b. Melukis garis mata dari pangkal mata hingga bersambung dengan garis mata di (a).
 - c. Warnakan garis mata hingga ke hujung mata.
 - d. Kemaskan garisan mata.
2. Cara Melukis Bahagian Bawah Garis Mata:
 - a. Lukis garis mata bermula dari hujung mata hingga ke tengah atau pangkal mata (mengikut jenis solekan).
 - b. Kemas dan ratakan garis celak mata. Pastikan garis mata yang dilukis pada bahagian atas dan bawah mata bersambung pada hujung mata.

Bahan/alatan:

Celak mata dan berus celak mata

Menyapu maskara pada bulu mata



Cara:

- a. Letak bulu mata di celah pelentik bulu mata, apit dengan tekanan yang lembut dan lepas. Ulang beberapa kali sehingga bulu mata menjadi lentik.
- b. Menyapu maskara pada bahagian bawah bulu mata atas. Minta pelanggan memandang ke bawah.
- c. Sapu maskara pada bahagian bawah bulu mata atas.
- d. Sapu maskara pada bulu mata bawah dengan cara menggerakkan berus menghala ke tengah dan ke tepi bulu mata.

Bahan/alatan:

Maskara, berus maskara dan pelentik bulu mata

Membubuh dan meratakan pemerah pipi




Cara:

- a. Tentukan bahagian tengah anak mata dan paras hidung. Sapu pemerah pipi dengan gerakan ke atas mengikut tulang pipi.
- b. Ratakan dan pastikan hasil sapuan seimbang dan kemas.

Bahan/alatan:

Pemerah pipi dan berus pemerah pipi

Membentuk garis bibir



Cara:

- Tanda dan lukiskan garisan halus seperti X pada tengah bibir atas.
- Lukiskan dan seimbangkan bibir pada bahagian tepi dan bibir bawah.
- Lukiskan garisan luar bibir sehingga bersambung.

Bahan/alatan:
Pensel bibir

Menyapu gincu



Cara:

- Sapu rata gincu di dalam garisan bibir.
- Petap dengan tisu untuk mendapatkan hasil yang sekata.

Bahan/alatan:
Gincu dan berus gincu

Mengilat bibir



Cara:

- Sapu rata pengilat bibir di atas lapisan gincu.

Bahan/alatan:
Pengilat bibir dan berus bibir

Menyembur setting spray



Cara:

- Pastikan solekan telah selesai.
- Goncang botol spray beberapa kali.
- Pegang pada jarak lebih kurang 20cm dari muka.
- Semburkan dalam gerakan X dan T pada keseluruhan muka.
- Biarkan sehingga kering.

Bahan/alatan:
Setting spray

Prosedur Asas Solekan Muka

Persediaan Awal

- Mengenal pasti jenis kulit pelanggan.
- Mengenal pasti kehendak dan keperluan solekan pelanggan.

Persediaan Bahan dan Alatan

- Mengenal pasti dan memilih bahan dan alatan yang sesuai.
- Menyediakan bahan dan alatan.

Persediaan Pelanggan

- Menyediakan pelanggan mengikut kesesuaian dan keselesaan.
- Bersihkan muka pelanggan.
- Menyapu penyegar dan pelembab pada muka pelanggan.

Langkah Kerja Solekan Muka

- Menyapu dan meratakan *makeup base (primer)* pada muka.
- Memetap dan meratakan bedak asas pada keseluruhan muka dan leher.
- Memetap bedak asas penyembunyi pada bahagian tertentu.
- Menyapu bedak serbuk pada muka sehingga sekata. Beruskan bedak serbuk yang berlebihan.
- Membentuk kening.
- Menyapu pembayang mata.
- Memakai bulu mata palsu jika perlu.
- Melukis garis mata.
- Melentikkan bulu mata.
- Menyapu maskara pada bulu mata.
- Menyapu dan meratakan pemerah pipi.
- Melukis bentuk bibir.
- Menyapu gincu.
- Menyapu pengilat bibir.
- Menyembur *setting spray* pada muka.

4.1.6 Solekan Lanjutan

Solekan lanjutan merupakan solekan untuk menghasilkan kesan khas yang memerlukan kemahiran dan ketelitian jurusolek yang tinggi. Biasanya, solekan lanjutan digunakan semasa solekan pengantin, solekan kreatif dan bertema serta solekan pentas. Teknik solekan pembedahan (*corrective makeup*) ialah aspek terpenting dalam solekan lanjutan.

Solekan Pembedahan

Wajah yang menarik bukan sahaja dilihat pada bentuk muka seseorang, tetapi juga bahagian-bahagian lain seperti hidung, dagu, rahang, bibir dan mata. Kekurangan yang terdapat pada bahagian-bahagian tersebut perlu dibaiki bagi mendapatkan wajah yang ideal. Oleh itu, jurusolek perlu mahir dengan teknik solekan pembedahan (*corrective makeup*) untuk efek bentuk muka ideal.




Foto 4.21 Contoh solekan pembedahan

Teknik *Contouring* Bentuk Muka

Teknik *contouring* ialah teknik untuk mendapatkan bentuk muka yang ideal iaitu bentuk bujur. Teknik ini melibatkan penggunaan bedak asas dua tona lebih gelap dari warna kulit untuk menyembunyikan bentuk muka yang tidak ideal. Bedak asas atau *concealer* yang lebih cerah pula digunakan sebagai penerang (*highlight*) untuk menyerlahkan bahagian tertentu pada muka.








Jadual 4.8 Teknik *contouring* bentuk muka

Bentuk muka	Pembayang (<i>Contouring</i>)	Penerang (<i>Highlight</i>)
Bujur 	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian tepi muka kecuali dahi. Di bawah tulang pipi. Di sisi tulang hidung. 	<ul style="list-style-type: none"> Di tengah hidung, dahi dan dagu. Di bawah mata.
Panjang 	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian tulang rahang, pipi dan penjuru dahi. Tepi hidung hingga pangkal mata. 	<ul style="list-style-type: none"> Di tengah hidung, dahi dan dagu.
Intan 	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian penjuru dahi dan di bawah tulang rahang. 	<ul style="list-style-type: none"> Di bawah garis rambut dahi. Di atas tulang pipi, hidung dan dagu.
Hati 	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian tepi muka kecuali dahi dan dagu. 	<ul style="list-style-type: none"> Di tengah hidung, dahi dan dagu. Di bawah mata.
Segi empat 	<ul style="list-style-type: none"> Di bahagian penjuru muka (rahang dan penjuru dahi). 	<ul style="list-style-type: none"> Di tengah hidung, dahi dan dagu.
Bulat 	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian keliling muka kecuali dahi dan dagu. Di bawah tulang pipi. 	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian tengah hidung, dahi dan dagu. Di bawah mata.
Segi tiga 	<ul style="list-style-type: none"> Di penjuru dahi. Di bawah tulang pipi dan rahang. 	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian tengah dagu dan hidung.

Kening

Bentuk kening yang sesuai dengan muka akan menjadikan muka kelihatan menyerlah dan menarik. Terdapat lima jenis bentuk kening iaitu bentuk normal, serong, bersudut, melengkung dan lurus.

Jadual 4.9 Bentuk muka dan kening


Bentuk Muka dan Kening	Penerangan
Bujur 	Bentuk kening yang normal.
Panjang 	Bentuk kening lurus.
Intan 	Bentuk kening melengkung.
Hati 	Bentuk kening serong.
Segi empat 	Bentuk kening melengkung.
Bulat 	Bentuk kening bersudut.
Segi tiga 	Bentuk kening melengkung.







Mata

Solekan pada mata boleh memberi kesan kepada penampilan diri individu. Solekan pembetulan pada mata mampu membuatkan mata kelihatan besar, cantik dan seimbang. Set mata bentuk badam (*almond set eyes*) ialah bentuk mata yang sempurna dan tidak memerlukan solekan pembetulan.

Petunjuk:
 HL: Penerang (*Highlight*)
 LS: Warna terang (*Light Shade*)
 MS: Warna utama (*Medium Shade*)
 DS: Warna gelap (*Dark Shade*)

Jadual 4.10 Bentuk mata dan teknik solekan pembetulan



Bentuk Mata	Masalah	Teknik Solekan Pembetulan (<i>Corrective Makeup</i>)
 Set mata bentuk badam (<i>Almond set eyes</i>)	Keadaan mata yang sempurna.	 Tidak memerlukan solekan pembetulan.
 Set mata luas (<i>Wide set eyes</i>)	Jarak antara mata yang jauh.	 Sapu warna gelap pada pangkal mata dan warna terang pada hujung mata.
 Set mata menonjol keluar (<i>Protruding/Prominent eyes</i>)	Mata kelihatan terlalu menonjol keluar.	 <ul style="list-style-type: none"> Sapu warna gelap pada kelopak mata. Sapu penerang pada pangkal mata dan warna utama pada hujung mata.
 Set mata ke dalam (<i>Deep set eyes</i>)	Mata kelihatan tersorok ke dalam.	 <ul style="list-style-type: none"> Sapu warna terang pada kelopak mata. Sapu warna utama pada lipatan kelopak mata. Sapu warna gelap pada tulang mata.

Bentuk mata	Masalah	Teknik solekan pembedahan (Corrective Makeup)
 <p>Set mata rapat (Close set eyes)</p>	Jarak antara mata yang terlalu rapat.	 <ul style="list-style-type: none"> Sapu warna penerang pada pangkal mata. Sapu warna terang dan utama pada tengah kelopak mata. Sapu warna gelap pada hujung kelopak mata.
 <p>Set mata separuh tertutup (Hooded eyes)</p>	Kelopak mata kuyu.	 <ul style="list-style-type: none"> Sapu warna penerang pada bahagian kelopak mata yang kuyu. Sapu warna utama pada kelopak mata dan lipatan mata.
 <p>Set mata sepet (Chinese eyes)</p>	Mata kecil dan kelopak mata tidak kelihatan.	 <ul style="list-style-type: none"> Sapu warna terang pada pangkal mata. Sapu warna gelap atau utama pada kelopak mata.


Hidung

Solekan pembedahan dilakukan pada hidung untuk menghasilkan efek hidung mancung dan sesuai dengan bentuk muka. Kesan mancung dapat dihasilkan dengan cara menyapu pembayang di tepi hidung dan penerang pada batang hidung.

Petunjuk:

-  Pembayang
-  Penerang

Masalah




Hidung lebar

Corrective Makeup

- Sapu pembayang pada tepi batang hidung.
- Sapu penerang di atas batang hidung.

Masalah




Hidung panjang

Corrective Makeup

- Sapu pembayang pada tepi hidung dan pada hujung hidung.
- Sapu penerang pada hujung batang hidung.

Masalah




Hidung pendek

Corrective Makeup

- Sapu pembayang pada tepi seluruh hidung.
- Sapu penerang pada batang hidung.

Masalah




Hidung kemik

Corrective Makeup

- Sapu pembayang pada tepi hidung di bahagian tepi mata.
- Sapu penerang pada batang hidung.

Masalah






Hidung bengkok

Corrective Makeup

- Sapukan pembayang di atas tulang hidung yang bengkok.
- Sapu penerang di atas batang hidung.









Dagu


Beberapa bentuk dagu dan rahang yang dikenal pasti boleh menggunakan teknik solekan bagi menghasilkan bentuk muka yang ideal. Bentuk-bentuk tersebut ialah dagu berlapis, dagu panjang, dagu pendek, dagu bersegi dan kulit rahang menggeleber.

Masalah	Corrective Makeup
 <p>Dagu berlapis</p>	<ul style="list-style-type: none"> Sapu pembayang pada bawah rahang dan dagu.
 <p>Dagu panjang</p>	<ul style="list-style-type: none"> Sapu pembayang pada bahagian dagu yang berlebihan.
 <p>Dagu pendek</p>	<ul style="list-style-type: none"> Sapu penerang pada bahagian dagu.
 <p>Dagu bersegi</p>	<ul style="list-style-type: none"> Sapu pembayang pada bahagian rahang yang bersegi.
 <p>Kulit rahang menggeleber</p>	<ul style="list-style-type: none"> Sapu pembayang pada bahagian rahang, dagu dan leher yang menggeleber.

Bibir

Bibir yang cantik adalah bibir yang bersaiz sederhana dan bibir di atas mempunyai lengkung M yang seimbang. Biasanya bibir di bawah adalah lebih tebal sedikit berbanding bibir di atas. Solekan pembetulan mampu membuat bibir yang tidak seimbang kelihatan cantik dan menarik.

Masalah	Corrective Makeup
 <p>Bibir nipis (Thin lips)</p>	 <ul style="list-style-type: none"> Tebalkan bibir atas dan bawah. Kekalkan bentuk asal.
 <p>Bibir munggil (Small lips)</p>	 <ul style="list-style-type: none"> Panjangkan tepi bibir atas dan bawah.
 <p>Bibir melengkung (Drooping lips)</p>	 <ul style="list-style-type: none"> Penuhkan bahagian melengkung. Seimbangkan dengan bibir bawah.
 <p>Bibir bujur (Oval lips)</p>	 <ul style="list-style-type: none"> Bentukkan lekuk pada bibir atas.
 <p>Bibir penuh (Full lips)</p>	 <ul style="list-style-type: none"> Sapu gincu di bahagian dalam bibir supaya kelihatan nipis.



Aplikasi Solekan Pembetulan

Solekan pembetulan biasa dilakukan semasa menyolek pengantin. Hal ini bertujuan untuk memberi kesan penampilan wajah yang sempurna memandangkan pengantin menjadi tumpuan ramai. Solekan pembetulan yang dihasilkan bertujuan untuk mendapatkan kesan muka bujur, berdagu runcing, bermata besar dan berhidung mancung. Solekan pengantin biasanya kelihatan tebal, menyerlah dan perlu tahan lama.

Prosedur Solekan Pembetulan

Persediaan Awal

- Mengenal pasti jenis kulit pelanggan.
- Mengenal pasti kehendak dan keperluan solekan pelanggan.

Persediaan Bahan dan Alatan

- Mengenal pasti dan memilih bahan dan alatan yang sesuai.
- Menyediakan bahan dan alatan.

Persediaan Pelanggan

- Menyediakan pelanggan mengikut kesesuaian dan keselesaan.
- Bersihkan muka pelanggan.
- Menyapu penyegar dan pelembab pada muka pelanggan.

Langkah Kerja Solekan Pembetulan



1 Menyapu dan meratakan *makeup base (primer)* pada muka dan leher.



2 Memetap dan meratakan bedak asas pada keseluruhan muka dan leher.



3 Memetap pembayang (*contouring*) pada muka.



4 Memetap penerang (*highlight*) pada muka.



5 Memetap bedak asas penyembunyi pada bahagian tertentu.



6 Menyapu dan meratakan bedak serbuk.



7 Membentuk kening.



8 Menyapu pembayang mata.



9 Memakai bulu mata palsu.



10 Melukis garis mata.



11 Melentikkan bulu mata.



12 Menyapu maskara pada bulu mata.



13 Menyapu dan meratakan pemerah pipi.




14 Melukis bentuk bibir dengan pensel bibir.



15 Mewarna bibir dengan gincu.



16 Menyapu pengilat bibir.



Sebelum solekan pembedahan



Hasil solekan pembedahan

4.1.7 Solekan Kreatif

Solekan kreatif merupakan teknik solekan yang memerlukan imaginasi dan ketelitian jurusolek profesional untuk menghasilkan kesan tertentu. Solekan kreatif hanya sesuai dilakukan untuk menghadiri majlis atau acara tertentu seperti majlis tari-menari, acara lakonan, karnival kesenian dan sebagainya. Pelbagai aksesori boleh ditambah pada muka untuk memberi kesan yang lebih dramatik.

Contoh Solekan Kreatif

Contoh solekan kreatif	Penerangan
Efek luka atau lebam	<ul style="list-style-type: none"> ☐ Solekan menggunakan pelbagai bahan yang sesuai seperti gam, tisu, pewarna dan sebagainya untuk menampakkan kesan luka pada muka. ☐ Boleh dilakukan pada sebahagian muka mengikut kesesuaian. ☐ Aksesori seperti pisau, cermin, dawai kokot dan sebagainya boleh digunakan untuk kesan yang realistik.
Efek tua	<ul style="list-style-type: none"> ☐ Solekan menggunakan bahan-bahan seperti tisu, madu dan gam untuk memberi kesan muka berkedut. ☐ Dilakukan pada keseluruhan muka, dengan penekanan diberikan pada bawah mata, dahi dan sekeliling bibir. ☐ Penggunaan warna bedak asas yang sesuai akan menyerlahkan lagi efek tersebut.
Efek seram	<ul style="list-style-type: none"> ☐ Solekan biasanya menggunakan gabungan warna putih, merah dan hitam untuk memberi kesan menakutkan (<i>scary</i>). ☐ Dilakukan pada keseluruhan muka dan mengikut kreativiti jurusolek. ☐ Pelbagai aksesori boleh digunakan untuk mendapatkan kesan yang diinginkan.

Contoh Solekan Kreatif Efek Luka

Bahan	Alatan
<ul style="list-style-type: none"> • Gam (<i>Stick</i>) • Madu • Pewarna merah 	<ul style="list-style-type: none"> • Bedak asas • Pembayang mata • Bedak serbuk
<ul style="list-style-type: none"> • Set berus solekan • Spatula 	

Langkah Kerja Solekan Efek Luka



1 Sapu dan ratakan gam pada kulit muka pelanggan menggunakan spatula.



2 Buat satu garisan untuk efek luka berdarah.



Petap berus bedak asas pada gam dan kulit pelanggan



Ratakan bedak serbuk.



Sapu pembayang mata berwarna merah.



Hasil solekan efek luka

Aktiviti

Bentuk beberapa kumpulan dan setiap kumpulan dikehendaki memilih satu contoh solekan kreatif. Ahli kumpulan dikehendaki membuat pembentangan dan melakukan demonstrasi solekan tersebut.



Sila Imbas



Layari <http://arasmega.com/qr-link/contoh-solekan-efek-luka-pada-tangan/> untuk melihat contoh solekan efek luka.

Solekan Bertema

Solekan bertema merupakan teknik solekan yang dihasilkan mengikut tema tertentu. Jurusolek bebas untuk menyolek mengikut kreativiti masing-masing berdasarkan tema yang diberi. Solekan bertema boleh dilakukan pada keseluruhan atau bahagian muka tertentu seperti pada bahagian mata, dahi, pipi, hidung dan mulut.

Contoh Solekan Bertema

Contoh solekan bertema	Penerangan
Tema flora	<ul style="list-style-type: none"> □ Solekan berunsurkan tumbuh-tumbuhan seperti bunga, daun dan sebagainya. □ Penggunaan warna-warna yang terang dan menarik menyerlahkan lagi solekan tersebut.
Tema fauna	<ul style="list-style-type: none"> □ Solekan hasil gabungan warna, bentuk atau fizikal haiwan yang diolah secara kreatif dan menarik. □ Kesan solekan adalah pelbagai, sama ada menarik, menakutkan atau menyeramkan.
Tema karakter	<ul style="list-style-type: none"> □ Solekan dilakukan berdasarkan watak dalam sesuatu lakonan. □ Penonton akan dapat meneka watak tersebut berdasarkan solekan dan pakaian yang dikenakan.
Tema animasi	<ul style="list-style-type: none"> □ Solekan bertema cerita animasi atau alam fantasi yang memerlukan imaginasi yang tinggi. □ Pemilihan solekan dan aksesori yang sesuai akan dapat menyerlahkan watak animasi tersebut.
Tema kayangan	<ul style="list-style-type: none"> □ Solekan mengikut imaginasi jurusolek berkaitan kehidupan puteri kayangan berdasarkan cerita klasik. □ Solekan biasanya menggunakan warna-warna yang cerah (putih) dan lembut.

Aktiviti

1. Pelajar dibahagikan kepada 4 kumpulan. Setiap kumpulan dikehendaki memilih solekan bertema seperti berikut:
 - Animasi • Karakter • Flora • Fauna
2. Hasilkan buku skrap yang mengandungi maklumat berikut:
 - Contoh solekan
 - Lakaran dan warna solekan
 - Senarai bahan dan alatan
 - Prosedur dan teknik solekan
 - Aksesori yang boleh digunakan



Sila Imbas



Layari <http://arasmega.com/qr-link/contoh-gambar-solekan-bertema/> untuk melihat contoh solekan bertema.

BORANG TUGASAN

Anda dikehendaki menyolek muka solekan siang untuk seorang pelanggan.

SENARAI BAHAN

BIL	BAHAN	KUANTITI
1.	Tisu fasial	1
2.	Bedak asas	1
3.	Bedak serbuk	1
4.	Celak mata	1
5.	Gincu	1
6.	Pensel bibir	1
7.	Maskara	1
8.	Pembayang mata	1
9.	Pemerah pipi	1
10.	Pengilat bibir	1
11.	Pensel kening	1

PERALATAN / KELENGKAPAN

BIL	BAHAN	KUANTITI
1.	Troli fasial	1
2.	Katil fasial	1
3.	Kerusi fasial	1
4.	Spatula	1
5.	Ben rambut	1
6.	Berus solekan	1
7.	Kep menyolek	1
8.	Span solek	1

KRITERIA PENILAIAN

Prestasi anda akan dinilai berasaskan kriteria berikut:

a. Proses Kerja

Proses kerja bermula dari persediaan peralatan dan bahan sehingga mengemas tempat kerja dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kebersihan

b. Hasil Kerja

- Solekan muka kemas
- Warna solekan sesuai


c. Sikap / Keselamatan dan Persekitaran

- Peralatan
- Diri sendiri, pelanggan dan persekitaran

SKEMA PEMARKAHAN


Tahap Pencapaian	Terima (✓)	Tidak Terima (x)	Catatan
PROSEDUR KERJA			
• Bahan dan peralatan disediakan mengikut senarai semak yang disediakan.			
• Pelanggan disediakan dengan pakaian yang sesuai.			
• Muka pelanggan dibersihkan dengan menggunakan <i>makeup remover</i> atau <i>wet tissue</i> dengan teknik yang betul.			
• Penyegar dipetap dengan teknik yang betul.			
• Pelembap diratakan dengan teknik yang betul.			
• Bedak asas dipetap mengikut jenis kulit dengan teknik yang betul.			
• Bedak serbuk dipetap dengan teknik yang betul.			
• Pembayang mata dibubuh bersesuaian dengan bentuk mata mengikut teknik yang betul.			
• Celak mata disapu mengikut teknik yang betul.			
• Maskara disapu mengikut teknik yang betul.			
• Kening dibentuk dengan pensel kening mengikut bentuk kening yang sesuai dengan teknik yang betul.			
• Pemerah pipi disapu dengan teknik yang betul.			
• Bibir dibentuk dengan pensel bibir dengan teknik yang betul.			
• Gincu dan pengilat bibir disapu dengan teknik yang betul.			
• Privasi dan keselesaan pelanggan dijaga sepanjang rawatan.			
HASIL KERJA			
• Solekan muka kemas.			
• Warna solekan sesuai.			
NILAI DAN KESELAMATAN			
• Hadir sesi penilaian tepat pada masa yang ditetapkan.			
• Peralatan dikendalikan mengikut teknik yang betul dan selamat serta disusun kemas selepas digunakan.			
• Berpakaian mengikut prosedur keselamatan.			
• Persekitaran kerja dibersihkan dan dikemas selepas perkhidmatan dilaksanakan.			

1. Nyatakan ciri-ciri bagi jenis bentuk muka di bawah.




2. Lengkapkan carta alir teknik solekan dengan betul.


a. Membubuh pembayang mata.



b. Melukis garis mata dengan celak mata.




c. Meratakan bedak asas.



3. Seorang pelanggan yang mempunyai bentuk muka seperti di atas ingin mendapatkan perkhidmatan solekan pengantin tema Bollywood.

- Nyatakan *corrective makeup* yang perlu dilakukan untuk mendapatkan ilusi bentuk muka yang ideal.
- Seterusnya warnakan solekan muka pengantin mengikut tema tersebut pada rajah di bawah.





Selepas mempelajari modul ini, saya mampu:

TAHAP	PERKARA YANG DINILAI	TERAMPIL		CATATAN
		YA	BELUM	
1	Menyenarai jenis bentuk muka.			
2	Menyatakan ciri-ciri mengikut jenis bentuk muka.			
3	Menyediakan bahan dan alatan solekan muka.			
4	Memilih warna untuk solekan berdasarkan tona warna.			
5	Menghasilkan solekan mengikut teknik dan prosedur.			
6	Menghasilkan solekan mengikut majlis dengan kreatif.			



ISTILAH	PENERANGAN
Analisis kulit	Pemerhatian terhadap kulit untuk menentukan jenis kulit.
Antioksidan	Bahan yang dapat meneutralkan radikal bebas dan mencegah kerosakan pada sel normal.
<i>Hydrating</i>	Kesan hidrasi dan melembapkan kulit.
Indikasi	Keadaan yang membolehkan rawatan dilakukan.
Indikasi kontra	Keadaan yang menyebabkan rawatan tidak boleh dilakukan.
Kerengsaan	Keadaan atau rasa terganggu dan tidak selesa.
Krim	Bahan kosmetik separa pepejal.
<i>Shimmer</i>	Berkilau atau bergemerlapan.
<i>Soothing</i>	Menenangkan atau melegakan.
<i>Replenishing</i>	Menambah semula nutrien dalam kulit muka.
SPF	<i>Sun Protection Factor</i> , jangka masa pemakaian produk yang menghalang kesan <i>sunburn</i> . Semakin besar nilai SPF, semakin lama perlindungan dari kesan <i>sunburn</i> .
<i>Stick</i>	Bahan kosmetik berbentuk batang.
Tona kulit	Warna kulit.
<i>Wand</i>	Bentuk berus maskara.



Pengggayaan Rambut

Standard Kandungan

5.1 Variasi Penggayaan Rambut

Standard Pembelajaran

- 5.1.1 Menyatakan jenis dan ciri rambut.
- 5.1.2 Menerangkan prosedur penggayaan rambut menggunakan alat pengering rambut, pengetak, pengikal dan pelurus.
- 5.1.3 Membincangkan jenis gaya rambut yang sesuai mengikut majlis seperti malam gala, pementasan, pesta atau perkahwinan.
- 5.1.4 Menghasilkan lakaran gaya rambut mengikut majlis.
- 5.1.5 Menghasilkan pelbagai stail rambut menggunakan alat pengering rambut, pengetak, pengikal atau pelurus.
- 5.1.6 Menghasilkan gaya rambut kreatif mengikut majlis.


Pencapaian Kompetensi

Pada akhir pembelajaran ini, murid dapat:

- Menyenaraikan jenis dan ciri rambut
- Menjelaskan kaedah penggayaan rambut
- Memilih stail rambut yang sesuai dengan tema atau majlis
- Memilih bahan dan alat penstail yang sesuai mengikut jenis penggayaan rambut
- Melakarkan stail rambut yang menepati majlis atau tema
- Menghasilkan stail rambut yang menarik dan kreatif
- Menjalankan aktiviti penggayaan rambut mengikut prosedur dan teknik yang betul dengan selamat

Pengenalan


Penggayaan rambut merupakan salah satu kemahiran penting dalam bidang kosmetologi yang memberikan perkhidmatan kecantikan selain daripada perkhidmatan muka dan solekan. Juru dandan rambut yang mahir dapat menghasilkan stail rambut mengikut kesesuaian personaliti seseorang atau mengikut kesesuaian majlis.



5.1 Variasi Pengayaan Rambut

Pengayaan rambut dapat memberikan imej baru dan penampilan yang berbeza kepada seseorang. Menggayakan rambut merupakan kemahiran dalam membentuk atau menghasilkan stail rambut yang menarik dan bersesuaian. Pemilihan stail rambut yang betul dapat memberi ilusi bentuk muka yang anggun dan menyerlahkan ciri rambut yang cantik. Dalam proses pemilihan stail rambut, pendandan perlu mengenal pasti jenis rambut, ciri rambut, bentuk muka dan tekstur rambut pelanggan.

Stail Pengayaan Rambut



Rajah 5.1 Stail pengayaan rambut

5.1.1 Jenis-jenis dan Ciri-ciri Rambut

Jenis-jenis dan ciri-ciri rambut biasanya ditentukan oleh keadaan semula jadi rambut seseorang yang dipengaruhi oleh keturunan dan kekerapan menggunakan bahan pengayaan rambut. Rambut boleh dikategorikan kepada tiga jenis utama iaitu rambut normal, rambut kering dan rambut berminyak.

Info Tambahan


Rambut kering terjadi disebabkan oleh kelenjar sebum yang tidak aktif dan penggunaan syampu beralkali tinggi serta pengaruh cuaca. Rambut berminyak pula terjadi disebabkan oleh kelenjar sebum yang terlalu aktif atau penggunaan syampu yang tidak sesuai.





Jadual 5.1 Jenis-jenis dan ciri-ciri rambut

Jenis Rambut	Ciri-ciri Rambut
Normal	<ul style="list-style-type: none"> Rambut yang sihat, kelihatan licin dan lembut. Kulit kepala kelihatan bersih dan tidak berminyak. Rambut mudah disikat.
Kering	<ul style="list-style-type: none"> Rambut kelihatan pudar, kering dan kurang sihat. Rambut kusut dan susah disikat. Hujung rambut mudah bercabang.
Berminyak	<ul style="list-style-type: none"> Rambut kelihatan lembap. Kulit kepala berminyak dan berbau. Mudah memerangkap kotoran dan habuk.

Alatan dan Bahan Pengayaan Rambut

Jadual 5.2 Alatan pengayaan rambut dan kegunaan

Alatan	Kegunaan
 Sikat ekor	<ul style="list-style-type: none"> Membahagi rambut dengan kemas. Mengambil sebahagian rambut yang diperlukan semasa menggayakan rambut.
 Sikat gigi kasar	<ul style="list-style-type: none"> Menyikat rambut panjang dan tekstur rambut yang kusut terutama semasa basah.
 Sikat songsang	<ul style="list-style-type: none"> Menyikat songsang rambut semasa membuat sanggul agar mendapat <i>volume</i> rambut yang dikehendaki.
 Berus rata	<ul style="list-style-type: none"> Sesuai untuk rambut pendek semasa mengeringkan rambut.
 Berus bentuk S	<ul style="list-style-type: none"> Merata dan melicinkan permukaan rambut yang bersanggul setelah menggunakan sikat songsang.

Alatan	Kegunaan
 Berus bulat	<ul style="list-style-type: none"> Sesuai untuk rambut panjang semasa mengeringkan rambut atau membentuk <i>volume</i> pada rambut.
 Klip kupu-kupu	<ul style="list-style-type: none"> Menyepit rambut dengan kemas semasa pembahagian rambut dan penggayaan rambut.
 Klip pembahagi rambut	<ul style="list-style-type: none"> Menyepit rambut terutamanya rambut panjang semasa melakukan penggayaan rambut dan pembahagian rambut.
 Pin rambut	<ul style="list-style-type: none"> Menyepit rambut supaya stail rambut kelihatan kemas.

Alatan	Kegunaan
 Pengering rambut	<ul style="list-style-type: none"> Mengeringkan rambut. Membentuk stail rambut yang dikehendaki. Aksesori berbentuk muncung digunakan untuk mengeluarkan angin yang lebih tumpu dan lebih kuat. <i>Diffuser</i> digunakan untuk mengeluarkan angin yang tersebar rata terutamanya untuk rambut keriting.
 Pengikal rambut elektrik	<ul style="list-style-type: none"> Mengikal rambut secara sementara.
 Pelurus rambut elektrik	<ul style="list-style-type: none"> Meluruskan rambut secara sementara.
 Pengetak rambut elektrik	<ul style="list-style-type: none"> Mengetak rambut dan menghasilkan corak ketak sementara (memberi bentuk zig zag pada rambut).

Jadual 5.3 Bahan penstail rambut

Jenis Bahan Penstail	Kegunaan	Cara Penggunaan
 Mousse	<ul style="list-style-type: none"> Mempertahankan stail rambut Melembutkan rambut. Menambah <i>volume</i> pada rambut. 	<ul style="list-style-type: none"> Sapu pada rambut. Ratakan dengan jari, sikat atau berus.
 Gel rambut	<ul style="list-style-type: none"> Mengeraskan rambut. Menjadikan bentuk ikal tahan lebih lama. 	<ul style="list-style-type: none"> Lembapkan rambut sebelum menggunakan gel rambut. Ratakan gel di tapak tangan. Sapu pada rambut.
 Krim atau minyak rambut	<ul style="list-style-type: none"> Melembap dan melembutkan rambut. Memberikan kilauan pada rambut. Merawat rambut yang kasar, keras dan kering. Melicinkan rambut. 	<ul style="list-style-type: none"> Letak pada tangan dan sapu rata pada hujung rambut. Elakkan sapu pada bahagian akar rambut.
 Penyembur rambut	<ul style="list-style-type: none"> Mengeraskan rambut tanpa melekit. Mempertahankan stail rambut Melindungi rambut daripada sinaran UV. 	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan selepas menggayakan rambut. Sembur di bahagian yang hendak dibentuk dengan jarak yang sesuai.



Alat pengering rambut digunakan untuk mengeringkan rambut dan juga boleh digunakan untuk melakukan pelbagai penggayaan rambut. Bincangkan.



Layari Internet dan senaraikan lima produk bahan penstail rambut yang terdapat di pasaran. Nyatakan kegunaan setiap bahan.

Langkah-langkah Keselamatan Semasa Menggunakan Alatan Elektrik Penggayaan Rambut

- 1 Sebelum menggunakan alat elektrik penggayaan rambut pastikan tangan, ruang kerja dan lantai sentiasa kering.
- 2 Baca arahan dalam buku panduan sebelum menggunakan alat elektrik penggayaan rambut.
- 3 Pastikan rambut kering semasa menggunakan alat pengikal, pelurus dan pengetak elektrik.
- 4 Elakkan pasang terlalu banyak plag pada satu punca kuasa elektrik.
- 5 Elakkan cuba membaiki sendiri alat elektrik yang rosak.
- 6 Pasang alat penggayaan rambut dengan betul dan uji kepanasan.
- 7 Pastikan wayar dalam keadaan baik, tidak terdedah dan tidak berselirat di atas lantai atau tersentuh pelanggan.
- 8 Periksa semua alat elektrik dalam keadaan selamat dan pastikan tiada bahagian yang longgar supaya tidak terjadi renjatan elektrik.
- 9 Pastikan alat elektrik penggayaan rambut tidak terkena pada telinga atau kulit kepala pelanggan.
- 10 Gulung wayar dan simpan alatan penggayaan rambut elektrik dengan baik supaya tidak terjatuh, pecah atau retak.

Rajah 5.2 Langkah-langkah keselamatan semasa menggunakan alatan elektrik penggayaan rambut

5.1.2 Penggayaan Rambut Menggunakan Alat Elektrik

Penggayaan rambut boleh dilakukan dengan pelbagai cara. Rambut boleh digayakan dengan menggunakan alat pengering rambut, alat pengetak rambut elektrik, alat pengikal rambut elektrik dan alat pelurus rambut elektrik mengikut keperluan stail.

Penggayaan Rambut Menggunakan Alat Pengering Rambut

Rambut yang dikeringkan atau digayakan dengan alat pengering rambut akan memberi hasil yang licin dan lembut pada rambut. Cara meniup kering yang betul juga akan memberi *volume* rambut yang kemas dan menarik.

Persediaan Alatan dan Bahan

Alatan

- Sikat ekor
- Berus bulat
- Klip pembahagi rambut
- Kep
- Pengering rambut
- Tuala
- Berus rata

Bahan

- Mousse
- Penyembur rambut

Persediaan Pelanggan

- Mempersilakan pelanggan duduk.
- Pastikan aksesori rambut ditanggalkan.
- Letak kep di atas bahu pelanggan.

Info Tambahan

Hasil *volume* tiup kering rambut boleh dilakukan dengan cara mengangkat rambut dengan berus semasa meniup kering. Hasil *volume* akan bertambah apabila rambut diangkat lebih tinggi semasa meniup kering.



Sila Imbas



Layari <http://arasmega.com/qr-link/teknik-membuat-volume-rambut/> untuk menonton video teknik membuat *volume* rambut.

Prosedur Pembahagian Rambut kepada Empat Bahagian



Sapu bahan penstail pada keseluruhan rambut. Sikat rambut menghala ke belakang sehingga rata dan licin.



Letak bahagian hujung sikat di tengah garisan dahi dan buat garisan dengan menarik sikat ke belakang hingga ke puncak kepala.



Tetapkan pembahagian untuk kedua-dua belah kiri dan kanan supaya belahan lebih jelas.




Buat belahan di kedua-dua bahagian sisi. Gariskan dengan sikat dari puncak kepala ke telinga kiri dan klipkan bahagian satu dengan kemas. Lakukan langkah yang sama di sebelah telinga kanan sebagai bahagian dua.



Tarik belahan dari puncak kepala hingga ke tengkuk. Sikat rambut menghala ke sisi dan klip dengan kemas untuk bahagian tiga dan empat.



Sikat dan klip setiap bahagian rambut dengan kemas dan kemas agar dapat membentuk empat bahagian dengan betul.



Hasil (Hadapan)



Hasil (Belakang)

Prosedur Meniup Kering Rambut



Ambil selapis rambut pada bahagian tengkuk dengan sikat ekor. Letakkan rambut di atas berus rambut dan tiup kering dengan menggerakkan alat pengering rambut menghala ke bawah bersama berus. Ulang langkah yang sama untuk kedua-dua belah kiri dan kanan bahagian belakang.



Turunkan lapisan kedua rambut di bahagian tengkuk dan tiup kering dengan alat pengering rambut. Ulang langkah yang sama di kedua-dua belah kiri dan kanan tengkuk.



Meniup kering rambut lapisan yang seterusnya sehingga selesai.



Meniup kering rambut di bahagian tepi berdekatan telinga selapis demi selapis sehingga selesai.



Meniup kering rambut di bahagian tepi kiri dan kanan sehingga selesai.



Hasil meniup kering dengan menggunakan alat pengering rambut.

Pengayaan Rambut Menggunakan Pengikal Rambut Elektrik

Mengikal rambut ialah proses menjadikan rambut kepada bentuk ikal sementara dengan menggunakan pengikal rambut elektrik. Alat pengikal rambut elektrik perlu dipanaskan secukupnya sebelum digunakan. Haba akan mengeringkan lembapan pada rambut akan membentuk ikal rambut yang diinginkan. Semasa mengikal, pastikan hujung rambut digulung rata pada rod besi pengikal rambut.

Info Tambahan

Bahan penstail rambut seperti *mousse* digunakan untuk membentuk ikal yang lebih kemas dan tahan.

Persediaan Alatan dan Bahan

Alatan

- Sikat ekor
- Klip pembahagi rambut
- Pengikal rambut elektrik
- Kep
- Tuala
- Penutup telinga

Bahan

- *Mousse*
- Penyembur rambut

Persediaan Pelanggan

- Mempersilakan pelanggan duduk.
- Pastikan aksesori rambut ditanggalkan.
- Letak kep di atas bahu pelanggan.
- Mensyampu rambut jika perlu.

Info Tambahan

Arah gulungan mestilah sama supaya hasil ikal rambut maksimum dan cantik.

Prosedur Pembahagian Rambut

- Sapu dan rata bahan penstail pada keseluruhan rambut.
- Bahagikan rambut kepada empat bahagian mengikut langkah yang betul.
- Klip setiap bahagian rambut dengan ketat dan kemas.

Prosedur Mengikal Rambut



Ambil selapis rambut dengan anggaran 1 sentimeter tebal dan 2 sentimeter lebar, sikat rata dan sepi dengan rod pengikal. Mula mengikal rambut bahagian bawah belakang tengkuk.



Tarik pengikal ke hujung rambut dan gulung rambut ke kulit kepala mengikut keperluan bentuk ikal. Letak sikat di antara kulit kepala dan rod besi pengikal rambut. Biarkan beberapa saat.



Lepaskan rambut perlahan-lahan dengan membuka sedikit *groove* atau penyepit pengikal.



Ulang langkah yang sama untuk lapisan rambut yang seterusnya di bahagian belakang sehingga selesai.



Ulang langkah yang sama untuk rambut bahagian sisi kiri dan kanan dengan memulakan lapisan pertama di atas telinga. Mengikal selapis demi selapis sehingga selesai.



Hasil mengikal rambut dengan menggunakan alat pengikal rambut elektrik.

Pengayaan Rambut Menggunakan Pelurus Rambut Elektrik

Melurus rambut merupakan kaedah mengubah bentuk rambut berikal menjadi lurus dan licin dengan menggunakan haba melalui alat pelurus rambut elektrik tanpa bahan kimia. Kaedah pelurusan rambut ini adalah bersifat sementara. Bentuk rambut lurus ini akan kembali kepada keadaan asal apabila dibasahkan.

Persediaan Alatan dan Bahan

Alatan

- Sikat ekor
- Klip pembahagi rambut
- Pelurus rambut elektrik
- Kep
- Tuala
- Penutup telinga

Bahan

- Mousse
- Penyembur rambut

Info Tambahan

Panaskan pelurus rambut elektrik pada suhu yang sesuai sebelum mula melurus rambut dan pastikan pelanggan pakai penutup telinga semasa melakukan pengayaan melurus rambut.

Persediaan Pelanggan

- Mempersilakan pelanggan duduk.
- Pastikan aksesori rambut ditanggalkan.
- Letak kep di atas bahu pelanggan.

Prosedur Pembahagian Rambut

- Sebelum melurus rambut, pastikan alat pelurus rambut elektrik pada suhu yang sesuai.
- Sapu dan ratakan bahan penstail pada keseluruhan rambut.
- Bahagikan rambut kepada empat bahagian mengikut langkah yang betul.
- Klip setiap bahagian rambut dengan ketat dan kemas.


Prosedur Melurus Rambut



Ambil selapis rambut di bahagian belakang tengkuk. Sikat rambut dan tekan alat pelurus rambut elektrik tanpa terkena pada kulit kepala pelanggan.



Mula meluruskan rambut dari bahagian belakang tengkuk dengan menggerakkan alat pelurus rambut elektrik dari akar rambut hingga ke hujung rambut secara perlahan.



Ulang langkah kerja yang sama melurus rambut selapis demi selapis untuk semua bahagian belakang rambut.



Luruskan rambut bahagian kiri bermula dari lapisan atas telinga.

Info Tambahan

Pilih suhu yang lebih tinggi untuk rambut yang tebal dan lebih rendah untuk rambut yang nipis.



5 Teruskan langkah melurus rambut sebelah kanan selapis demi selapis hingga selesai.



Hasil pelurusan rambut dengan menggunakan alat pelurus rambut elektrik.

Penggayaan Rambut Menggunakan Pengetak Rambut Elektrik

Rambut yang lurus boleh diubah bentuk menjadi lebih menarik dengan menggunakan alat pengetak rambut elektrik. Pengetak rambut elektrik merupakan sejenis alat elektrik yang digunakan untuk mendapat hasil ketak sementara pada rambut. Alat ini mempunyai kepingan besi yang bercorak zig-zag yang boleh membentuk rambut mengikut corak kepingan besi tersebut.

Info Tambahan

Alat pengetak elektrik perlu dipanaskan secukupnya sebelum digunakan.

Persediaan Alatan dan Bahan

Alatan

- Sikat ekor
- Klip pembahagi rambut
- Pengetak rambut elektrik
- Kep
- Penutup telinga

Bahan

- Mousse
- Penyembur rambut

Persediaan Pelanggan

- Mempersilakan pelanggan duduk.
- Pastikan aksesori rambut ditanggalkan.
- Letak kep di atas bahu pelanggan.
- Mensyampu rambut pelanggan jika perlu.

Prosedur Pembahagian Rambut

- Sapu dan ratakan bahan penstail pada keseluruhan rambut.
- Bahagikan rambut kepada empat bahagian mengikut langkah yang betul.
- Klip setiap bahagian rambut dengan ketat dan kemas.


PAK 21

Apakah sumber yang boleh dirujuk untuk mendapatkan idea penggayaan rambut? Bincangkan.

Prosedur Mengetak Rambut



1 Turunkan selapis rambut di bahagian tengkuk. Letakkan rambut pada plate (kepingan logam) dan tekan beberapa saat.



2 Tekan rambut dengan alat pengetak rambut elektrik sehingga ke hujung rambut.



3 Turunkan lapisan rambut seterusnya, ulang langkah untuk lapisan rambut seterusnya sehingga selesai.



4 Mengetak rambut di bahagian kiri dan kanan dengan menggunakan teknik yang sama sehingga semua bahagian rambut selesai.



Hasil mengetak rambut dengan menggunakan alat pengetak rambut elektrik.

Penggayaan Rambut Secara Jalinan

Jalinan rambut merupakan salah satu cara menggayakan rambut panjang dan menghasilkan stail yang rapi. Jalinan boleh dibentuk secara persilangan dua atau lebih *strand* mengikut stail yang dikehendaki. Terdapat empat jenis jalinan yang biasanya digayakan seperti Jalinan *Rope* (2 *strand*), Jalinan *Fishtail* (2 *strand*), Jalinan *French* (3 *strand*) dan Jalinan Variasi (4 hingga 20 *strand*). Jalinan juga boleh digayakan dengan pelbagai stail secara kreatif mengikut kesesuaian dan kehendak pelanggan.

Persediaan Alatan dan Bahan

Alatan

- Sikat ekor
- Kep
- Tuala
- Getah rambut
- Reben
- Aksesori hiasan

Bahan

- Gel
- Krim

Persediaan Pelanggan

- Mempersilakan pelanggan duduk.
- Pastikan aksesori rambut ditanggalkan.
- Letak kep di atas bahu pelanggan.
- Pastikan rambut pelanggan kering.

Info Tambahan

Terdapat pelbagai aksesori yang boleh digunakan untuk menghias jalinan. Contohnya manik, renda, ben rambut, bunga, genggam rambut dan *scrunchie*.


Prosedur Pembahagian Rambut

- Sapu dan ratakan bahan penstail pada keseluruhan rambut.
- Bahagikan rambut mengikut gaya yang dikehendaki.
- Klip setiap bahagian rambut dengan ketat dan kemas.


Prosedur Menjalin Rambut



Bahagikan rambut kepada tiga *strand* sama besar.



Silangkan *strand* rambut di bahagian sebelah kanan ke *strand* rambut di bahagian tengah. Kemudian, ambil *strand* rambut bahagian di sebelah kiri ke *strand* rambut bahagian tengah.



Tambah selapis rambut di sebelah kiri pada *strand* rambut kiri dan bawa ke tengah.



Ulang langkah yang sama di sebelah kanan sehingga ke paras yang dikehendaki. Hujung rambut diikat dengan getah rambut.

Hasil menjalin rambut. Letakkan aksesori yang sesuai.

Info Tambahan

Hasil jalinan yang baik haruslah kemas dan seimbang. Hujung jalinan perlu diikat dengan teguh dan semburkan penyembur rambut supaya jalinan tahan lebih lama.



Layari <http://arasmega.com/qr-link/video-menjalin-rambut/> untuk menonton video menjalin rambut.

Penggayaan Rambut dengan Membuat Sanggul

Penggayaan rambut dengan membuat sanggul sesuai untuk individu yang berambut panjang. Sanggul dibentuk dengan kreativiti secara menyikat, memberus, melipat, menggulung dan mengumpul rambut ke bahagian tertentu mengikut kesesuaian. Stail rambut sanggul akan menjadi lebih elegan jika ditambah dengan aksesori yang menarik.

Persediaan Alatan dan Bahan

Alatan

- Sikat ekor
- Sikat songsang
- Berus bentuk S
- Pin rambut
- Aksesori hiasan
- Tuala
- Kep

Bahan

- Gel rambut
- Mousse
- Penyembur rambut

Persediaan Pelanggan

- Mempersilakan pelanggan duduk.
- Pastikan aksesori rambut ditanggalkan.
- Letak kep di atas bahu pelanggan.

Info Tambahan

Sikat songsang digunakan untuk melakukan sasak rambut supaya rambut lebih kembang.



Sila
Imbas




Layari <http://arasmega.com/qr-link/video-menyanggul-rambut/> untuk menonton video menyanggul rambut.

Prosedur Membuat Sanggul



Sapu dan ratakan bahan penstail pada keseluruhan rambut pelanggan.



Sasak rambut di bahagian puncak dengan sikat songsang agar mendapat hasil kembang di puncak kepala.



Kemas dan ratakan rambut yang disasak menggunakan berus bentuk S.




Tarik keseluruhan rambut ke belakang dengan kemas.



Putarkan rambut ke arah kiri dan tarik hujung rambut ke bawah. Kemas rambut ke dalam dengan pin rambut.



Selepas kemas, semburkan bahan penstail dan licinkan permukaan rambut dengan menggunakan belakang sikat.



Hasil sanggul. Letakkan aksesori yang sesuai jika perlu.

5.1.3 Jenis Gaya Rambut yang Sesuai untuk Majlis Tertentu

Pilihan stail rambut yang sesuai dengan penampilan dan gaya individu adalah sangat penting. Stail rambut zaman sekarang boleh dihasilkan dengan menggunakan pelbagai alat elektrik dan bahan penggayaan rambut yang boleh membawa kepada kesan transformasi yang unik.

Penggayaan rambut untuk majlis khas boleh dilakukan dengan menggunakan alat elektrik seperti pengetak, pelurus dan pengikal. Pemilihan stail rambut untuk majlis juga bergantung pada jenis majlis dan tema majlis. Stail rambut untuk malam gala dan perkahwinan biasanya lebih rumit.



Foto 5.1 Contoh penggayaan untuk malam gala

Malam gala

Penggayaan rambut untuk majlis gala menggunakan kaedah gabungan jalinan dan sanggul serta gabungan sanggul dan mengikal.



Foto 5.2 Contoh penggayaan untuk pementasan

Pementasan

Penggayaan rambut untuk pementasan menggunakan kaedah gabungan mengetak dan sanggul serta gabungan melurus dan mengikal.



Foto 5.3 Contoh penggayaan untuk majlis perkahwinan

Majlis perkahwinan





Penggayaan rambut untuk majlis perkahwinan menggunakan kaedah gabungan jalinan dan sanggul serta gabungan sanggul dan mengikal.




Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Stail Rambut

Bentuk muka merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pemilihan stail rambut. Stail rambut perlu digayakan mengikut bentuk muka supaya kelihatan menarik.


Bentuk Muka

Jadual 5.4 Bentuk muka dan stail rambut

Bentuk Muka	Stail Rambut
 <p>Bentuk bujur</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ideal dan boleh digayakan dengan semua jenis stail rambut.
 <p>Bentuk bulat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Digayakan dengan stail belahan tepi dan mempunyai <i>volume</i> pada puncak kepala. • Tiada <i>volume</i> pada sisi atau tepi muka.
 <p>Bentuk segi empat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sesuai dengan rambut yang mempunyai <i>volume</i> dan ikal antara bahagian <i>temples</i> atau pelipis dan rahang.
 <p>Bentuk intan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menambah <i>volume</i> di dahi dan dagu. • Rambut rapat di bahagian pipi.


Bentuk Muka	Stail Rambut
 <p>Bentuk pear</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sesuai dengan rambut ikal lembut dan menutup dahi. • Sesuai rambut pendek hujung rambut yang nipis.
 <p>Bentuk panjang</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu memberikan ilusi yang lebar untuk muka. • Gaya dengan bob atau <i>volume</i> pada <i>temples</i> atau pelipis. • Tidak berrambut panjang.
 <p>Bentuk segi tiga</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Rambut tidak menutup bahagian rahang. • Mempunyai <i>volume</i> pada <i>temples</i> atau pelipis dan puncak kepala. • Rambut di paras bawah telinga diikalkan.

Ketebalan Rambut



Rajah 5.3 Ketebalan rambut

Tekstur Rambut



Rajah 5.4 Tekstur rambut

Panjang Rambut



Rajah 5.5 Panjang rambut

PAK 21

Anda dikehendaki memilih dua jenis bentuk muka yang telah dipelajari. Bincangkan stail penggayaan rambut yang sesuai dengan bentuk muka yang dipilih.



Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan stail rambut.

5.1.4 Lakaran Gaya Rambut

Lakaran bermaksud melukis gambar secara kasar, ringkas, spontan dan cepat bagi meluahkan idea. Bagi menghasilkan penggayaan rambut yang sesuai dengan majlis, lakaran perlu dibuat agar dapat melihat dengan lebih jelas dan teliti mengikut kesesuaian gaya rambut tersebut.



Foto 5.4 contoh lakaran stail sanggul



Foto 5.5 Contoh lakaran stail mengikal



Foto 5.6 Contoh lakaran gabungan stail jalinan dan sanggul



Foto 5.7 Contoh lakaran stail mengikal



Foto 5.8 Contoh lakaran gabungan stail mengikal dan jalinan



Foto 5.9 Contoh lakaran gabungan stail mengikal, jalinan dan sanggul


PAK 21

1. Anda dikehendaki melakarkan stail rambut mengikut tema masing-masing.
2. Stail rambut perlu dilabelkan nama mengikut jenis majlis atau tema.
3. Anda perlu mewarnakan lakaran dengan pensel warna dan labelkan aksesori dalam lakaran.
4. Bentangkan hasil lakaran di papan putih.
5. Rakan anda memberi komen tentang hasil lakaran tersebut. Komen tersebut ditulis pada "sticker note" dan ditampal pada hasil kerja anda.

EMK

Soalan lakaran

Berdasarkan rajah bentuk muka di bawah, lakarkan stail rambut yang sesuai untuk menghadiri majlis malam gala sempena perayaan.



5.1.5 Menghasilkan Pelbagai Stail Rambut

Penghasilan pelbagai stail rambut menggunakan alat pengikal elektrik, alat pengetak elektrik dan alat pelurus elektrik telah menjadi trend yang digemari pada zaman kini. Begitu juga penggayaan rambut tanpa menggunakan alat elektrik seperti cara jalinan dan sanggul. Penggayaan rambut boleh dilakukan secara gabungan stail iaitu gabungan mengikal dengan jalinan atau gabungan jalinan dengan sanggul. Setelah menguasai kemahiran dan teknik penggayaan rambut, pendandan boleh melakarkan stail rambut yang dikehendaki dan seterusnya menghasilkan pelbagai stail mengikut kesesuaian pelanggan.

Aktiviti

- Anda diberi tugas untuk membuat demonstrasi menggayakan rambut kepada pelajar-pelajar Tingkatan 3 dalam "Program Selepas PT3". Anda dikehendaki melakukan persediaan berikut:
 - Pilih tema
 - Lakarkan stail rambut yang berbentuk gabungan pelbagai stail rambut
 - Paparkan lakaran. Berdasarkan lakaran, murid diminta menggabungkan stail rambut yang sesuai dengan rakan-rakan
 - Menambah baik lakaran
 - Sediakan bahan dan alat yang sesuai
 - Melakukan pengujian keselamatan dan fungsi alatan mengikut manual penggunaan
- Kakak anda akan menghadiri temu duga sebagai model di sebuah syarikat pengiklanan. Anda diminta menggayakan rambut kakak dengan stail rambut yang pelbagai mengikut kesesuaiannya. Anda dikehendaki:
 - Kenal pasti dan pilih stail rambut yang sesuai
 - Menyediakan bahan dan alatan
 - Sediakan pelanggan dengan cara yang betul
 - Bahagikan rambut kepada bahagian mengikut gaya rambut yang dipilih
 - Gayakan rambut pelbagai stail menggunakan alat elektrik dan aksesori yang sesuai mengikut langkah kerja yang betul

5.1.6 Menghasilkan Gaya Rambut Kreatif

Stail rambut kreatif boleh dilakukan dengan menggabungkan kaedah penggayaan rambut menggunakan alat elektrik, jalinan atau dihiasi dengan aksesori yang menarik. Selain itu, kaedah penggayaan boleh dilakukan secara jalinan dengan sanggul, mengikal dengan jalinan atau mengetak dengan sanggul.



Foto 5.10 Contoh stail rambut kreatif tema tumbuhan



Foto 5.11 Contoh stail rambut kreatif tema bunga




Foto 5.12 Contoh stail rambut kreatif tema Halloween




Foto 5.13 Contoh stail rambut kreatif tema tradisional




Foto 5.14 Contoh stail rambut kreatif tema fantasi



Foto 5.15 Contoh stail rambut kreatif tema futuristik

Aktiviti

- Anda diberi peluang untuk menggayakan rambut seorang model sebuah syarikat produk bahan penstail rambut dengan gabungan pelbagai stail rambut kreatif untuk persembahan fesyen rambut. Stail rambut yang dihasilkan perlu dilengkapi dengan aksesori yang bersesuaian dan menarik. Anda dikehendaki menjalankan tugas seperti berikut:
 - Memilih tema dan lakarkan stail rambut mengikut tema
 - Menghuraikan secara ringkas sebab pemilihan stail rambut tersebut
 - Menyenaraikan aksesori yang sesuai digunakan
 - Menyediakan alat dan bahan yang diperlukan
 - Menggayakan rambut mengikut tema
- Anda telah daftar untuk menyertai satu pertandingan penggayaan rambut bertema "Gaya Rambut Kreatif Gemilang" yang dianjurkan oleh Salun Rambut D'wawasan sempena Hari Kemerdekaan. Anda diberi masa selama dua jam untuk menyiapkan tugas berikut:
 - Melakar stail rambut yang kreatif berserta aksesori untuk pertandingan
 - Menyatakan kaedah penggayaan rambut yang digunakan untuk menghasilkan stail rambut kreatif
 - Menghuraikan secara ringkas sebab pemilihan stail rambut tersebut
 - Menggayakan stail rambut yang kreatif mengikut lakaran

BORANG TUGASAN

1. Anda dikehendaki menggayakan rambut pelanggan menggunakan alat pengikal rambut elektrik dengan mengamalkan langkah keselamatan yang ditetapkan.
2. Anda dikehendaki melakukan kerja menyediakan alat dan bahan, menyediakan pelanggan, pembahagian rambut dan mengikal rambut pelanggan mengikut langkah kerja yang betul.

SENARAI BAHAN

BIL	BAHAN	KUANTITI
1.	Mousse	1
2.	Penyembur rambut	1
3.	Bahan penstail rambut	1

PERALATAN / KELENGKAPAN

BIL	BAHAN	KUANTITI
1.	Sikat ekor	1
2.	Klip pembahagi rambut	1
3.	Tuala	1
4.	Kep	1
5.	Pengikal rambut elektrik	1
6.	Penutup telinga	1

KRITERIA PENILAIAN

Prestasi anda akan dinilai berasaskan kriteria berikut:

a. Proses kerja

Proses kerja bermula dari persediaan peralatan dan bahan sehingga selesai proses kerja mengikal rambut dengan mengambil kira aspek keselamatan

b. Hasil kerja

- Rambut diikal dengan kemas dan licin
- Proses kerja mengikut prosedur yang betul

c. Sikap / Keselamatan dan Persekitaran

- Peralatan
- Diri sendiri, pelanggan dan persekitaran

PENCAPAIAN KOMPETENSI

Tahap Kompetensi	Kompeten (✓)	Belum Kompeten (x)	Catatan
PROSEDUR KERJA			
• Menyediakan bahan dan alatan dengan teratur.			
• Menyediakan pelanggan dengan betul dan selesai.			
• Membahagikan rambut dengan betul dan klip dengan teguh.			
• Pengikal rambut elektrik dipanaskan pada suhu dan tempoh masa yang sesuai.			
• Mengikal rambut mengikut teknik yang betul.			
• Langkah keselamatan diamalkan semasa mengikal.			
HASIL KERJA			
• Rambut diikal dengan kemas dan licin.			
• Proses kerja mengikut prosedur yang betul.			
NILAI DAN KESELAMATAN			
• Hadir sesi penilaian tepat pada masa yang ditetapkan.			
• Peralatan dikendalikan mengikut teknik yang betul dan selamat serta disusun kemas selepas digunakan.			
• Berpakaian mengikut prosedur keselamatan.			
• Persekitaran kerja dibersihkan dan dikemas selepas perkhidmatan dilaksanakan.			

1. Lengkapkan ciri-ciri rambut dalam jadual di bawah.

Jenis Rambut	Ciri-ciri Rambut
Normal	
Kering	
Berminyak	

2. Senaraikan dua faktor yang menyebabkan masalah rambut kering.

i. _____

ii. _____

3. Berikut ialah pernyataan langkah kerja menggayakan rambut dengan menggunakan pengikal rambut elektrik yang tidak mengikut urutan. Susun langkah kerja itu mengikut urutan yang betul dengan menulis A, B, C, D dan E dalam ruang jawapan.

Langkah kerja	
A	Membahagi rambut dan klipkan.
B	Gayakan rambut dengan peralatan yang sesuai.
C	Panaskan pengikal elektrik.
D	Semburkan penyembur rambut jika perlu.
E	Mengikal rambut pelanggan.

Ruang Jawapan

Langkah 1	Langkah 2	Langkah 3	Langkah 4	Langkah 5


4. Maklumat berikut ialah senarai alatan dan bahan yang digunakan untuk jalinan rambut.

Senarai alatan dan bahan
<ul style="list-style-type: none"> • Sikat ekor • Penyembur rambut • Klip pembahagi rambut • Getah rambut • Reben • Krim rambut

Tuliskan alatan atau bahan yang digunakan untuk langkah kerja menjalin rambut dalam ruang jawapan di bawah.

Ruang Jawapan

Langkah kerja	Nama alatan atau bahan
Mengikat rambut selepas siap menjalin	
Menghias rambut supaya nampak menarik	
Membuat pembahagian rambut	
Membuat pembahagian dan menyepit rambut	
Melicinkan rambut	



Selepas mempelajari modul ini, saya mampu:

TAHAP	PERKARA YANG DINILAI	TERAMPIL		CATATAN
		YA	BELUM	
1	Menyenaraikan jenis dan ciri rambut.			
2	Menjelaskan kaedah penggayaan rambut.			
3	Menyelenggara alatan, perkakasan, lekapan dan kelengkapan dengan selamat dan mempraktikkan amalan kerja yang baik.			
4	Melakarkan stail penggayaan rambut pada rajah bentuk muka.			
5	Mencadangkan stail rambut mengikut majlis tertentu.			
6	Menghasilkan stail penggayaan rambut kreatif mengikut majlis yang boleh diteladani.			



ISTILAH	PENERANGAN
Gaya	Cara atau keterampilan dalam fesyen.
Gel rambut	Bahan penggayaan rambut yang mengukuhkan stail rambut.
Jalinan	Rambut dijalin dengan cara silangkan beberapa lembar rambut antara satu sama lain.
Kep	Kain alas bahu semasa penggayaan rambut.
Ketebalan rambut	Keadaan pertumbuhan rambut tebal atau nipis.
Kreatif	Kebolehan cipta sesuatu idea baru.
Kusut	Rambut yang kering dan bersimpul.
Lakaran	Lukisan secara kasar dan ringkas.
Mengetak	Mengubah rambut kepada bentuk gelombang seperti ombak.
Meniup kering	Mengeringkan rambut menggunakan alat pengering.
Mousse	Bahan penstail rambut berbentuk foam.
Pembahagi rambut	Membahagikan rambut kepada beberapa bahagian kecil.
Pengikal elektrik	Alat yang digunakan untuk mengubah rambut berbentuk ikal.
Pelurus elektrik	Alat untuk mengubah rambut berbentuk lurus sementara.
Sanggul	Penggayaan rambut dengan cara gulungkan rambut panjang kepada pelbagai bentuk.
Stail	Bentuk atau fesyen rambut yang digayakan.
Tekstur rambut	Sifat rambut sama ada kasar atau halus.
Volume	Bentuk rambut kembang.

Modul 6



Keusahawanan

Standard Kandungan

6.1 Keusahawanan

Standard Pembelajaran

- 6.1.1 Mengetahui maksud peniaga dan keusahawanan.
- 6.1.2 Mengenal pasti ciri-ciri usahawan.
- 6.1.3 Mengenal pasti faktor untuk memulakan perniagaan.
- 6.1.4 Mengetahui agensi yang terlibat dalam membantu usahawan.
- 6.1.5 Menyediakan komponen rancangan perniagaan.
- 6.1.6 Mengenal pasti kaedah pemasaran untuk perkhidmatan estetik.
- 6.1.7 Menyediakan rancangan perniagaan.
- 6.1.8 Merancang dan melaksanakan projek keusahawanan.

Pencapaian Kompetensi

Pada akhir pembelajaran ini, murid dapat:

- Menyatakan maksud peniaga dan usahawan
- Mengenal pasti ciri dan peranan usahawan
- Menerangkan faktor yang dipertimbangkan untuk memulakan perniagaan dari aspek jenis pemilikan, modal, lokasi, persaingan, potensi perniagaan, undang-undang dan peraturan
- Menerangkan agensi yang membantu usahawan dalam bidang latihan dan kewangan seperti MDEC, MARA, TEKUN dan Tabung Ekonomi Belia
- Menyediakan komponen rancangan perniagaan berdasarkan aspek pengenalan, pendaftaran perniagaan, pemasaran dan pengurusan kewangan
- Membanding beza kaedah pemasaran produk atau perkhidmatan estetik secara konvensional dengan teknologi digital
- Menyediakan rancangan perniagaan perkhidmatan estetik
- Merancang dan melaksanakan projek keusahawanan

Pengenalan

Usahawan bidang kosmetologi perlu mempunyai pengetahuan dalam menyediakan rancangan perniagaan supaya perniagaan sentiasa berkembang maju. Penyediaan rancangan perniagaan penting sebagai panduan untuk menguruskan perniagaan dan meyakinkan pihak berkepentingan dalam mengembangkan perniagaan.



6.1 Keusahawanan



Usahawan perlu berani mengambil risiko, mencipta dan merebut peluang untuk mendapatkan keuntungan, kepuasan diri serta kesejahteraan masyarakat.

Usahawan yang berjaya ialah seseorang yang berani mengambil risiko, membuat pembaharuan dan mempunyai wawasan dalam mengembangkan perniagaan untuk memperoleh keuntungan dan kepuasan diri.

6.1.1 Maksud Peniaga dan Usahawan

Peniaga

Individu yang menjalankan kegiatan jual beli barangan atau melakukan kegiatan perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan. Peniaga membeli barangan dengan harga yang lebih rendah dan menjual dengan harga yang lebih tinggi.

Usahawan

Orang yang menjalankan perniagaan atau perkhidmatan yang mempunyai inovasi, sanggup mengambil risiko dan menghasilkan idea-idea baru untuk masa hadapan. Mereka merupakan peneraju negara dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat serta menubuhkan pertubuhan baharu dalam mengambil peluang yang ada.

6.1.2 Ciri dan Peranan Usahawan


Terdapat beberapa ciri dan peranan usahawan dalam membangunkan perniagaan.



Rajah 6.1 Ciri-ciri usahawan


Peranan Usahawan

Peranan usahawan terdiri daripada makro dan mikro. Bagi usahawan mikro, peranannya melibatkan organisasi manakala bagi makro pula melibatkan masyarakat dan ekonomi negara.



Rajah 6.2 Peranan usahawan

Peranan Usahawan dalam Organisasi




Rajah 6.3 Peranan usahawan dalam organisasi

PAK 21


Sebagai seorang pengurus salun, apakah strategi yang perlu anda lakukan bagi menjana pendapatan salun?

Peranan Usahawan dalam Masyarakat



Rajah 6.4 Peranan usahawan dalam masyarakat

Peranan Usahawan dalam Ekonomi Negara



Rajah 6.5 Peranan usahawan dalam ekonomi negara

Aktiviti


Secara berkumpulan, sediakan satu folio usahawan kosmetologi yang berjaya di Malaysia.

6.1.3 Faktor-faktor Memulakan Perniagaan

Sebelum memulakan perniagaan dalam bidang kosmetologi, beberapa aspek perlu dinilai dan dipertimbangkan oleh peniaga dan usahawan.

Jenis Pemilikan

Terdapat dua bentuk perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 iaitu:




Rajah 6.6 Bentuk perniagaan

Info Tambahan

Perkembangan perniagaan bidang kosmetologi telah membantu usahawan dalam mengembangkan perniagaan. Perniagaan francais membolehkan seseorang syarikat yang diberi hak untuk mengendalikan perniagaan dengan sesuatu syarikat yang lain menggunakan jenama, model dan operasi syarikat berkenaan.

Modal

Sebelum memulakan perniagaan, usahawan memerlukan modal yang mencukupi untuk membiayai perniagaan yang diceburi. Modal perniagaan adalah dalam bentuk wang tunai, alatan atau stok. Modal ini boleh didapati sama ada secara dalaman atau luaran.




Rajah 6.7 Jenis-jenis modal

Lokasi


Pemilihan lokasi perniagaan hendaklah strategik untuk mencapai sasaran pelanggan yang tinggi. Antara lokasi yang sesuai ialah tempat tumpuan orang ramai seperti pusat beli-belah, kawasan perumahan dan kawasan lot kedai.

Persaingan

Persaingan adalah perkara biasa dalam perniagaan kosmetologi. Usahawan yang berjaya akan menghadapi persaingan dengan cara yang sihat. Cara menghadapi persaingan dalam perniagaan adalah seperti berikut:



Rajah 6.8 Cara menghadapi persaingan




Rajah 6.9 Jenis-jenis persaingan

Potensi Perniagaan

Bagi memastikan setiap perniagaan berjaya, usahawan perlu mengkaji potensi perniagaan yang dijalankan. Kejayaan perniagaan dapat diukur apabila mendapat sambutan daripada orang ramai. Antara cara menilai potensi perniagaan adalah seperti berikut:



Anda boleh memulakan perniagaan dengan *home mobile* spa kerana modalnya yang rendah dan boleh bergerak bebas.



Rajah 6.10 Cara menilai potensi perniagaan

Undang-undang dan Peraturan

Perniagaan dalam bidang kosmetologi perlu mematuhi peraturan tempatan bagi melindungi pengguna, pekerja, masyarakat, alam sekitar dan peniaga. Undang-undang dan peraturan digubal dengan tujuan untuk menjaga ketenteraman, keharmonian serta kestabilan negara supaya masyarakat dapat mengawal aktiviti dan tingkah laku dalam kehidupan.



Usahawan-usahawan Sabah dan Sarawak boleh memilih sama ada menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 atau perkongsian liabiliti terhad di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Undang-undang

Peraturan

Pihak Berkuasa Tempatan

- Diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.
- Memainkan peranan seperti bertanggungjawab terhadap kebersihan kawasan setempat dan berkuasa untuk memberi lesen perniagaan kepada peniaga.



Layari Internet untuk mendapatkan maklumat tentang akta lain yang terlibat dalam perkhidmatan salon.

6.1.4 Agensi yang Membantu Usahawan

Usahawan perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan untuk menjadi seorang usahawan yang berdaya maju dan berdaya saing. Berikut ialah agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang boleh membantu usahawan.

Jadual 6.1 Agensi dan jenis bantuan

Agensi Latihan	Jenis Bantuan
 <p>Institut Kemahiran Mara (IKM) Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)</p> <p>Kolej Vokasional Sekolah Menengah</p>	Bantuan teknikal dan latihan.
 <p>Majlis Amanah Rakyat (MARA)</p>	Membantu, melatih dan membimbing bumiputera dalam kegiatan perniagaan dan perkhidmatan.
 <p>Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)</p>	Merumus, menggalak dan menyelaras strategi dan program latihan kemahiran.
 <p>Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)</p>	Penyelaras dan pemudahcara program latihan pembangunan keusahawanan.

Agensi Latihan	Jenis Bantuan
 <p>Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)</p>	Menawarkan latihan kepada kaum wanita dalam bidang keusahawanan.
 <p>RISDA</p>	Bantuan latihan dan alatan.
 <p>KEMAS</p>	Latihan kemahiran untuk keluarga luar bandar.

Jadual 6.2 Agensi memberi bantuan kewangan

Agensi Kewangan				
 <p>Yayasan Terengganu</p>	 <p>Amanah Ikhtiar Malaysia</p>	 <p>SME Bank</p>	 <p>Bank Pembangunan Malaysia Development Bank</p>	 <p>Tekun Nasional</p>
 <p>TERAJU</p>	 <p>KOPERASI</p>	 <p>AGRO Bank</p>	 <p>PUNB</p>	

Aktiviti

Lakukan aktiviti secara kumpulan. Pilih salah satu agensi dan nyatakan bantuan yang diberikan oleh agensi tersebut.

6.1.5 Komponen Rancangan Perniagaan

Rancangan perniagaan merupakan dokumen bertulis yang menerangkan tentang perniagaan yang dijalankan secara terperinci.



Rajah 6.11 Kepentingan menyediakan rancangan perniagaan

Rancangan Perniagaan

Tujuan rancangan perniagaan adalah untuk memohon pinjaman merancang pelaksanaan perniagaan memberi keyakinan kepada bank untuk biayai kos pelaksanaan perniagaan dan meyakinkan pihak pembekal untuk memberi kemudahan kredit atas barangan yang dibekalkan.

Pengenalan Rancangan Perniagaan

Usahawan perlu menerangkan secara ringkas dan padat mengenai perniagaan yang bakal dilaksanakan.



Rajah 6.12 Pengenalan rancangan perniagaan

Pendaftaran Perniagaan


Di bawah peruntukan Akta Syarikat 2016, semua jenis perniagaan mestilah didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).



Rajah 6.13 Kaedah pendaftaran

Pendaftaran Secara Manual

Pendaftaran secara manual boleh dilakukan dengan mengisi borang yang diperolehi daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).



Rajah 6.14 Pendaftaran secara manual



Sila Imbas



Layari laman sesawang <http://aramega.com/qr-link/borang-permohonan-nama-perniagaan/> untuk memuat turun borang.

BORANG PNA 42 PERCUMA

PERMOHONAN NAMA PERNIAGAAN

(Permohonan ini perlu dilampirkan bersama dengan Borang A. Tiada bayaran dikenakan)

A. Saya memohon untuk menggunakan salah satu nama perniagaan mengikut pilihan di bawah :

1.

2.

3.

Jika nama perniagaan menggunakan perkataan rekaan dan singkatan atau selain B. Malaysia / Inggeris. Sila jelaskan maksud (Jika ada, lampirkan dokumen sokongan).

B. Jenis perniagaan yang dijalankan (Sesuai dengan nama perniagaan yang dicadangkan) :

C. Pengesahan pemilik atau salah seorang rakan kongsi :

TANDATANGAN PEMILIK ATAU SALAH SEORANG RAKAN KONGSI

NAMA : _____

NO. MYKAD/MYPR : _____

NO. TELEFON BIMBIT : _____

TARIKH PERMOHONAN - -

Perhatian:

(a) Permohonan nama perniagaan diluluskan berdasarkan keutamaan nama perniagaan yang dipohon.

(b) Nama perniagaan yang telah diluluskan diberi tempoh 30 hari dan tidak boleh dipinda atau ditukar kepada pemilik yang lain.


(c) Jika ada arahan mahkamah atau bantahan oleh pihak ketiga ke atas nama perniagaan disebabkan penggunaan Cap Dagangan dan lain-lain, pemilik diminta mengambil tindakan menutup perniagaan dan mendaftar menggunakan nama perniagaan yang lain.

1/1

Rajah 6.15 Contoh borang permohonan nama perniagaan

Pendaftaran Secara dalam Talian

Pendaftaran secara dalam talian boleh dilakukan dengan mengisi borang yang diperolehi melalui laman sesawang.



Aktiviti

Dengan menggunakan komputer, reka cipta satu risalah yang menarik dan kreatif yang lengkap dengan butiran perniagaan salun anda. Hasil yang telah siap hendaklah diedarkan kepada orang ramai bagi tujuan mempromosi salun anda itu.

Rajah 6.17 Pendaftaran secara dalam talian

Rancangan Kewangan



Rancangan kewangan adalah penting bagi memberi keyakinan kepada pihak bank atau pelabur untuk memberi pinjaman. Rancangan perniagaan disediakan dengan mengambil kira kos atau modal memulakan projek, sumber pembiayaan dan pelan pembiayaan balik pinjaman. Penyata aliran tunai perlu disediakan mengikut bulanan atau tahunan bagi membolehkan usahawan menilai serta merancang keperluan tunai perniagaan.

6.1.6 Kaedah Pemasaran Produk atau Perkhidmatan Estetik secara Konvensional dan Teknologi Digital

Perkembangan teknologi yang pesat telah membawa perubahan dalam pemasaran perniagaan secara konvensional kepada teknologi digital. Hal ini berlaku kerana, peniaga dapat menyebarkan maklumat tentang produk dan perkhidmatan dengan cepat dan rangkaianannya lebih luas.

Rancangan Pemasaran

Terdapat empat jenis pemasaran yang terdiri daripada produk atau perkhidmatan, harga, promosi dan agihan.



Pengiraan Kos

Pengiraan kos digunakan untuk menentukan harga pada setiap produk atau perkhidmatan yang diberikan. Harga bagi setiap produk atau perkhidmatan dikira berdasarkan keuntungan pada sesuatu produk atau perkhidmatan tersebut.

Jadual 6.3 Senarai harga jenis kos menggayakan rambut stail jalinan untuk seorang pelanggan

	Bahan	Harga (RM)
Kos bahan	Mousse	RM 2.00
	Penyembur rambut	RM 2.50
Kos upah	RM 20.00 sejam	
Kos sampingan	RM 3.00	

Langkah Kerja Pengiraan

- Kos bahan
 $RM\ 2.00 + RM\ 2.50 = RM\ 4.50$
- Kos upah
 $Masa \times bil.\ org \times upah/jam$
 $1jam \times seorang \times RM\ 20.00 = RM\ 20.00$
- Kos perkhidmatan
 $Kos\ bahan + kos\ upah + kos\ sampingan$
 $RM\ 4.50 + RM\ 20.00 + RM\ 3.50 = RM\ 28.00$

Info Tambahan

Formula
 Kos Upah = Masa x bil. org x upah/jam
 Kos Perkhidmatan = Kos bahan + kos upah + kos sampingan
 Bayaran Perkhidmatan = Kos perkhidmatan + untung bersih
 Untung Bersih = Bayaran perkhidmatan - kos perkhidmatan

EMK

Sebagai seorang pengurus pemasaran, anda dikehendaki mereka cipta bekas untuk menyimpan bahan solekan.

Pemasaran Secara Konvensional

Jadual 6.3 Kebaikan dan kelemahan pemasaran secara konvensional

Pemasaran Secara Konvensional		
	Kebaikan	Kelemahan
<ul style="list-style-type: none"> • Televisyen • Radio • Surat Khabar • Majalah 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyebaran secara meluas. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kos pengiklanan yang tinggi. • Pengiklanan lebih kepada perniagaan besar. • Tidak dapat berkomunikasi dengan pembaca dan bersifat komunikasi satu arah.
<ul style="list-style-type: none"> • Papan iklan • Banner/ Bunting 	<ul style="list-style-type: none"> • Kos lebih efektif. • Membantu peniaga kecil-kecilan menjual serta memasarkan produk atau perkhidmatan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tumpuan kepada masyarakat setempat. • Tidak dapat berkomunikasi dengan pembaca dan bersifat komunikasi satu arah.
<ul style="list-style-type: none"> • Brosur • Risalah 	<ul style="list-style-type: none"> • Kos murah. • Membantu peniaga kecil-kecilan menjual serta memasarkan produk atau perkhidmatan. • Boleh dihasilkan sendiri. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak dapat berkomunikasi dengan pembaca dan bersifat komunikasi satu arah.

Pemasaran Secara Teknologi Digital

Jadual 6.4 Kebaikan dan kelemahan pemasaran secara teknologi digital

Teknologi Digital		
	Kebaikan	Kelemahan
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Google places</i> • Weblog • Laman sesawang • Portal khas • Pengiklanan atas talian • Pemasaran bergambar • <i>Foursquare</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Kos lebih efektif. • Boleh mencipta sendiri. • Penyebaran secara meluas sehingga ke seluruh dunia. • Menghasilkan jualan kepada pengguna Internet secara terus. • Boleh mencipta jaringan pemasaran dalam talian. • Membantu peniaga kecil-kecilan menjual serta memasarkan produk atau perkhidmatan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan jaringan Internet yang baik. • Tidak dapat disebar ke kawasan yang tiada jaringan Internet.
<ul style="list-style-type: none"> • Media sosial 	<ul style="list-style-type: none"> • Kos lebih efektif. • Boleh berinteraksi dengan pengguna walaupun pada jarak yang jauh. • Penyebaran secara meluas. • Menghasilkan jualan kepada pengguna Internet secara terus. • Membantu peniaga kecil-kecilan menjual serta memasarkan produk atau perkhidmatan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan jaringan Internet yang baik. • Tidak dapat disebar ke kawasan yang tiada jaringan Internet.

Aktiviti

Lakukan aktiviti secara kumpulan. Kaji kelebihan satu jenis pemasaran teknologi digital. Kemudian, bentangkan hasil kajian di dalam kelas.

6.1.7 Penyediaan Rancangan Perniagaan Perkhidmatan Estetik

Tujuan penyediaan rancangan perniagaan dilakukan adalah untuk memberi maklumat yang jelas mengenai perniagaan yang dijalankan bagi meyakinkan pihak lain seperti bank untuk memberi pinjaman.

RANCANGAN PROJEK KEUSAHAWANAN PERKHIDMATAN ESTETIK

1.0 Pengenalan

Salun Kecantikan Semerbak menawarkan perkhidmatan facial, solekan muka dan menjual produk penjagaan kulit muka. Salun ini beroperasi di lot kedai yang terletak di kawasan perumahan Kotasas Kuantan sejak tahun 2014. Salun ini diuruskan oleh Cik Nor Alisha iaitu pemiliknya sendiri yang dibantu oleh seorang juruestetik dan seorang jurusolek. Salun Kecantikan Semerbak sentiasa memberikan perkhidmatan yang berkualiti di samping menawarkan harga yang berpatutan kepada pelanggan. Sehubungan itu, sebanyak RM50,000.00 diperlukan untuk membiayai kos ubahsuai premis perniagaan (RM35,000.00), di samping membeli peralatan perkhidmatan facial dan penggayaan rambut (RM 15,000) bagi memenuhi sasaran jualan yang telah ditetapkan.

2.0 Latar Belakang Perniagaan

Jadual di bawah menunjukkan maklumat berkaitan latar belakang perniagaan.


Butiran	Maklumat
Nama perniagaan	Salun Kecantikan Semerbak
Alamat perniagaan	Lot 5.4 Jalan KS 2/4, Kotasas, 25150 Kuantan, Pahang.
Nombor telefon dan faksimili	09-515 XXXX
Bentuk perniagaan	Milikan Tunggal
Kegiatan utama perniagaan	Perkhidmatan facial, solekan muka dan menjual produk penjagaan kulit muka
Tarikh mula perniagaan	3 Mac 2014
Tarikh pendaftaran	1 Februari 2014
Nombor pendaftaran	20901000200
Modal permulaan	RM 45,000.00
Modal pinjaman	Tiada
Nama bank	Bank Rakyat
Nombor akaun bank	22136XXXXXX

3.0 Latar Belakang Pemilikan atau Rakan Kongsi

Butiran	Maklumat
Nama penuh	Nor Alisha Binti Mohd Dahlan
Nombor kad pengenalan	850201-11-XXXX
Tarikh lahir	1 Februari 1985
Alamat tetap	No. 2.1 Jalan KS 6/10, Kotasas, 25150 Kuantan, Pahang.
Nombor telefon	012-239XXXX
Kelulusan akademik	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3
Status perkahwinan	Berkahwin
Kemahiran	Perkhidmatan Terapi Muka
Pengalaman	Juruestetik (5 tahun)
Kursus yang dihadiri	<ul style="list-style-type: none"> • Kursus kemahiran solekan asas dan pengantin ajuran Kolej Komuniti. • Kursus pendek solekan dan terapi kecantikan anjuran Giat Mara.

4.0 Kedudukan Tapak Projek

Perniagaan Salun Kecantikan Semerbak beroperasi di alamat Lot 5.4 Jalan KS 2/4, Kotasas, 25150 Kuantan, Pahang.



5.0 Objektif Projek

• Sasaran Jualan

Berikut merupakan sasaran jualan perniagaan bagi tempoh satu tahun.

Bulan	Sasaran Jualan (RM)
Januari	15,000.00
Februari	16,000.00
Mac	17,100.00
April	18,250.00
Mei	19,450.00
Jun	20,700.00
Julai	22,000.00
Ogos	23,350.00
September	24,700.00
Oktober	26,100.00
November	27,550.00
Disember	29,050.00
Jumlah	259,250.00

• Sasaran Untung

Berikut merupakan sasaran untung bagi tempoh satu tahun. Untung perniagaan dijangka meningkat sebanyak 15 hingga 25% daripada sasaran jualan pada setiap bulan.


Bulan	Sasaran Untung (RM)
Januari	2,250.00
Februari	2,560.00
Mac	2,907.00
April	3,285.00
Mei	3,695.50
Jun	4,140.00
Julai	4,620.00
Ogos	5,137.00
September	5,681.00
Oktober	6,264.00
November	6,887.50
Disember	7,262.50
Jumlah	54,689.50

• Sasaran Pelanggan

Salun Kecantikan Semerbak menyasarkan pelanggan dari kawasan kejiranan, kakitangan kerajaan dan swasta, premis kedai dan institusi pendidikan.

6.0 Rancangan Organisasi

Berikut merupakan carta organisasi bagi Salun Kecantikan Semerbak.



Jadual tugas bagi pekerja Salun Kecantikan Semerbak.


Jawatan	Tugas
Pengurus	<ul style="list-style-type: none"> Menyelaras organisasi secara keseluruhan agar perniagaan berjalan dengan lancar. Mengenal pasti dan menyelesaikan masalah. Mengatur perbelanjaan dan belanjawan secara keseluruhan.
Juruestetik	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan perkhidmatan facial. Membantu pengurus mempromosi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Memantau perkembangan pelanggan selepas perkhidmatan.
Jurusolek	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan perkhidmatan solekan muka. Membantu pengurus mempromosi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Menyelenggara ruang kerja.

Jadual imbuhan atau gaji pekerja.

Jawatan	Gaji (RM)	KWSP (RM)	PERKESO (RM)	JUMLAH (RM)
Pengurus (1 orang)	4,000.00	520.00	69.05	4,589.05
Pekerja (RM1,500 × 2 orang)	3,000.00	390.00	50.70	3,440.70
Jumlah	7,000.00	910.00	119.75	8,029.75

7.0 Rancangan Operasi

Berikut merupakan carta alir bagi proses perkhidmatan kepada pelanggan.



Jadual waktu operasi salun.

Hari	Masa Operasi
Isnin - Jumaat	10.00 pagi – 6.00 petang
Sabtu - Ahad	10.00 pagi – 2.00 petang

Perbelanjaan Operasi Perniagaan

Jadual berikut merupakan senarai alatan dan mesin yang diperlukan oleh Salun Kecantikan Semerbak untuk mengembangkan lagi perniagaannya.

Jenis	Harga Seunit (RM)	Kuantiti	Harga (RM)
Katil facial	580.00	2 unit	1,160.00
Kerusi facial	120.00	2 unit	240.00
Troli facial	90.00	3 unit	270.00
Kerusi solek	600.00	2 unit	1,200.00
Komputer	1,800.00	1 unit	1800.00
Skin Analysis	6,700.00	1 unit	6,700.00
Almari	360.00	3 unit	1,080.00
Lampu kanta pembesar	220.00	2 unit	440.00
Pengewap muka	250.00	2 unit	500.00
Jumlah	10,720.00	18	13,390

8.0 Rancangan Pemasaran

Produk atau Perkhidmatan

Pelbagai perkhidmatan facial dan solekan ditawarkan di Salun Kecantikan Semerbak. Antaranya perkhidmatan facial manual, perkhidmatan rawatan muka menggunakan mesin, perkhidmatan solekan majlis dan solekan kreatif.

Harga

Salun Kecantikan Semerbak telah menawarkan harga berpatutan mengikut jenis perkhidmatan yang ditawarkan.

Perkhidmatan	Harga (RM)
Facial manual	45.00
Rawatan muka kulit berminyak	120.00
Rawatan muka kulit kering	75.00
Rawatan muka kulit kombinasi	85.00
Rawatan muka kulit bermasalah	120.00
Solekan siang	50.00
Solekan majlis	150.00
Solekan kreatif	200.00

Promosi

Pelbagai kaedah promosi digunakan bagi menyebarkan maklumat perkhidmatan dan produk di Salun Kecantikan Semerbak. Antaranya ialah risalah dan aplikasi dalam talian seperti *Facebook*, *Instagram*, *Whatsapp*, *Telegram* dan *Wechat*. Salun Kecantikan Semerbak juga turut menawarkan pakej istimewa kepada bakal pengantin. Selain itu, potongan harga istimewa turut diberi kepada pelanggan pada musim perayaan dan hari-hari tertentu seperti Hari Guru, Hari Jururawat dan Hari Ibu.

Agihan

Lokasi perniagaan Salun Kecantikan Semerbak terletak berhampiran dengan kawasan tumpuan ramai seperti kawasan perumahan, institusi pendidikan, kawasan perniagaan, pejabat kerajaan dan tempat rekreasi yang dapat menarik orang ramai berkunjung ke salun ini.

9.0 Rancangan Kewangan

Rancangan kewangan bagi Salun Kecantikan Semerbak adalah seperti berikut:

Salun Kecantikan Semerbak Proforma Penyata Aliran Tunai bagi Tiga Bulan Berakhir 31 Disember 2019			
Butiran	Okt (RM)	Nov (RM)	Dis (RM)
Baki b/b	15,000.00	24,492.90	33,395.80
PENERIMAAN			
Jualan	26,100.00	27,550.00	29,050.00
Jumlah penerimaan	26,100.00	27,550.00	29,050.00
PEMBAYARAN			
Gaji	8,500.00	8,500.00	8,500.00
KWSP	1,105.00	1,105.00	1,105.00
PERKESO	145.10	145.10	145.10
Bayaran balik pinjaman	1,047.00	1,047.00	1,047.00
Belian barang niaga	5,000.00	6,000.00	7,500.00
Bayaran kepada pemiutang	-	1,500.00	1,500.00
Iklan	500.00	-	-
Belanja utiliti	310.00	350.00	405.00
Jumlah pembayaran	16,607.10	18,647.10	20,202.10
Lebihan/ kurangan	9,492.90	8,902.90	8,847.90
Baki h/b	24,492.90	33,395.80	42,243.70

10.0 Penutup

Permohonan untuk mendapat pinjaman sebanyak RM50,000 diperlukan bagi mencapai sasaran jualan dan keuntungan perniagaan yang telah ditetapkan. Salun Kecantikan Semerbak yakin dapat melangkah jauh dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan serta produk bagi memenuhi kepuasan semua pelanggan.

11.0 Lampiran

Berikut merupakan dokumen sokongan untuk permohonan kami:

- Risalah perkhidmatan dan produk
- Kad perniagaan
- Pelan lokasi
- Sijil perakuan pendaftaran perniagaan
- Lesen perniagaan

6.1.8 Merancang dan Melaksanakan Projek Keusahawanan

Dalam merancang dan melaksanakan projek keusahawanan, anda perlu memilih perkhidmatan yang akan dijadikan sebagai projek keusahawanan.



Aktiviti

Sediakan rancangan perniagaan bidang kosmetologi milikan tunggal berdasarkan perkara berikut dan murid perlu membentangkan hasil rancangan perniagaan tersebut.

- Pengenalan
- Latar belakang perniagaan
- Latar belakang pemilik
- Kedudukan tapak projek
- Objektif projek
- Rancangan pentadbiran
- Rancangan operasi
- Rancangan pentadbiran
- Rancangan operasi
- Rancangan pemasaran
- Rancangan kewangan
- Penutup
- Lampiran

Aktiviti

- Bentukkan kumpulan.
- Rancang dan laksanakan satu projek keusahawanan perkhidmatan rawatan muka, solekan muka dan pengayaan rambut.
- Sediakan laporan bertulis dan bergambar untuk projek keusahawanan yang dijalankan.
- Bentangkan hasil laporan.

BORANG TUGASAN

Anda dikehendaki menyediakan brosur untuk mempromosi perkhidmatan yang ditawarkan di salun anda.

SENARAI BAHAN

BIL	BAHAN	KUANTITI
1.	Kertas A4	1

PERALATAN / KELENGKAPAN

BIL	PERALATAN / KELENGKAPAN	KUANTITI
1.	Alat tulis	1
2.	Komputer riba	1
3.	Mesin cetak	1
4	Gunting	1

KRITERIA PENILAIAN

Prestasi anda akan dinilai berasaskan kriteria berikut:

a. Proses Kerja

Proses kerja bermula daripada merancang sehingga promosi dilakukan dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kebersihan.

b. Hasil Kerja

- i. Grafik jelas dan kemas.
- ii. Reka bentuk kreatif.

c. Sikap / Keselamatan dan persekitaran

- i. Peralatan.
- ii. Diri sendiri.
- iii. Pelanggan.
- iv. Persekitaran.

PENCAPAIAN KOMPETENSI

Tahap Kompetensi	Kompeten (✓)	Belum Kompeten (X)	Catatan
PROSEDUR KERJA			
• Menyediakan bahan dan alatan dengan teratur.			
• Lakaran kreatif dan asli.			
• Rekabentuk brosur betul.			
• Tatabahasa dan ejaan baik.			
• Ilustrasi menarik.			
HASIL KERJA			
• Grafik jelas dan kemas.			
• Reka bentuk kreatif.			
NILAI DAN KESELAMATAN			
• Hadir sesi penilaian tepat pada masa yang ditetapkan.			
• Peralatan dikendalikan mengikut teknik yang betul dan selamat serta disusun kemas selepas digunakan.			
• Berpakaian mengikut prosedur keselamatan.			
• Persekitaran kerja dibersihkan dan dikemas selepas perkhidmatan dilaksanakan.			



1. Nyatakan definisi peniaga dan usahawan.

Peniaga _____

Usahawan _____


2. Nyatakan lima ciri-ciri usahawan.



3. Nyatakan tiga kepentingan menyediakan rancangan perniagaan.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

4. Lengkapkan carta alir rancangan operasi memberi perkhidmatan kepada pelanggan yang berkunjung ke salon anda.



5. Nyatakan dua bentuk perniagaan.

- i. _____
- ii. _____

Jadual anggaran kos penggayaan rambut stail sanggul untuk 5 orang pelanggan

Perkara	Jumlah (RM)
Mousse	10.00
Penyembur rambut	10.00
Air	2.50
Elektrik	7.50
Kos upah: RM 200.00 sejam Bayaran perkhidmatan: RM 900.00 seorang	

6. Berdasarkan jadual di atas, hitung jumlah kos bagi seorang pelanggan.

- a. Kos bahan
- b. Kos sampingan
- c. Kos upah
- d. Kos perkhidmatan
- e. Untung bersih

Jadual anggaran kos rawatan khas muka bagi kulit kering menggunakan mesin sedut vakum untuk seorang pelanggan



Perkara	Jumlah (RM)
Losen sedut vakum	2.00
Pembersih solekan	1.00
Pembersih muka	1.00
Skrub	1.20
Pupur	0.70
Minyak urut	0.50
Penyegar	0.40
Pelembap	0.50
Kos upah: RM 20.00 sejam Kos sampingan: RM3.00 Bayaran perkhidmatan: RM 120.00 seorang	

7. Berdasarkan jadual di atas, hitung jumlah bagi 4 orang pelanggan.

- a. Kos bahan
- b. Kos sampingan
- c. Kos upah
- d. Kos perkhidmatan
- e. Untung bersih



Rumusan



Refleksi Diri

Selepas mempelajari modul ini, saya mampu:

TAHAP	PERKARA YANG DINILAI	TERAMPIL		CATATAN
		YA	BELUM	
1	Menyatakan ciri dan peranan usahawan.			
2	Menerangkan faktor yang dipertimbangkan untuk memulakan perniagaan.			
3	Mengaplikasi pengetahuan sedia ada dalam menyediakan rancangan perniagaan.			
4	Membanding beza kaedah pemasaran produk atau perkhidmatan estetik secara konvensional dan teknologi digital.			
5	Menyediakan rancangan perniagaan Perkhidmatan Estetik yang lengkap.			
6	Merancang dan melaksanakan projek keusahawanan dengan rasional dan kreatif.			



Glosari

ISTILAH	PENERANGAN
Akta	Undang-undang yang digubal dan diluluskan dalam parlimen.
Gadaian	Satu barang yang berharga dijadikan sebagai cagar dan sandaran yang terikat dengan hutang bercagar yang boleh dibayar dengannya sekiranya hutang tersebut tidak dapat dijelaskan.
Konvensional	Berdasarkan yang biasa dilakukan atau diamalkan.
Kosmetologi	Pengkhususan berkaitan dengan bidang kecantikan seperti penjagaan kulit, pengayaan rambut, kosmetik, manikur, pedikur serta waxing.
Makro	Hal yang umum atau menyeluruh.
Mikro	Gabungan yang kecil.
Modal	Segala bentuk kekayaan yang digunakan untuk berniaga.
Risiko	Terdedah kepada kerugian.
Syer	Bahagian dalam modal sesuatu perniagaan.
Teknologi digital	Menggunakan sistem pengoperasian yang otomatis dengan sistem komputer atau format yang dapat dibaca oleh komputer.
Overdraif	Jumlah wang yang dikeluarkan dari bank yang melebihi jumlah simpanan.
Undang-undang dan peraturan	Sesuatu peraturan yang digubal oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat dalam sebuah negara demokrasi.

RUJUKAN

- Ajizah Sudiman, Wan Norizan dan Tee Hua Man. 2006. *Dandanannya Rambut Tingkatan 4 dan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Davis Biton. 2007. *Great Hair Elegant Styles for Every Occasion*. Sterling Publishing Co., Inc. Penn Publishing Ltd.
- Hayatan Nisa Md Ibrahim, Nazli Anim Ibrahim. 2004. *Penjagaan Muka dan Dandanannya Rambut Tingkatan 4*. Edusystem Sdn. Bhd.
- https://www.academia.edu/23827296/draf_rancangan_perniagaan
- <https://www.scribd.com/doc/23270965/skm2>
- <https://www.google.com.my/amp/s/aito.com.my/jenis-jenis-alat-pemadam-api/amp/>
- Intan Zabidin. 2010. *Dandanannya Rambut, Koleksi Daripada Majalah Rapi*. Buku Prima Sdn Bhd.
- Jacki Wadson. 2006. *Hairstyles*. Herms House. Anness Publishing Ltd.
- Jason Backe, Cartos Cintron & Ronald Williams. 2016. *Milady Standard Cosmetology Milady*. Cengage Learning.
- Lamah Abd. Ghani, Zaitun Zakiah Mohd Noor dan Norli Mohd Nor. 2003. *Penjagaan Muka dan Dandanannya Rambut Tingkatan 4*. Modul Mata Pelajaran Vokasional. Edusystem Sdn. Bhd.
- Lorraine Nordmann. 2016. *Professional Beauty Therapy. Level 1 Fifth Edition*. Cengage Learning, Virginia Thorp.
- Lorraine Nordmann. 2017. *Beauty Basics The Official Guide To Level 1*. Cengage Learning EMEA.
- Lorraine Nordmann. 2017. *Beauty Therapy The Foundations Level 2*. Cengage Learning EMEA.
- Mustafa Dakian, Rosshita Mansor, Sarina Seth@ Ibrahim, Nor Siah Daud. 2017. *Perniagaannya Tingkatan 5*. Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Rohani Marude. 1993. *Seni Kecantikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wong Joo Lian, Chin Wee Kin, Nawawi Mohd.Jan. *Persolekannya Tingkatan 4 dan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

INDEKS

A

Alatan 9, 11, 18, 26, 27, 75, 100, 109, 114, 137, 140, 257, 266, 281

B

Bahan 140, 181, 127, 112, 110, 109, 103, 100, 288, 283

Berus 137, 127, 103,

D

Desinkrustasi 206, 198, 196, 195, 194

F

Frekuensi 172, 170, 161

I

Indikasi 201, 213, 182, 171, 100,

Iontoforesis 207, 200, 199, 194

J

Jurusetetik 98, 100, 109, 110, 131, 140, 170, 195

K

Kulit 110, 100, 99, 98, 85, 81, 80, 78, 72, 70, 67, 211, 202, 210, 196, 128, 126, 122, 121, 112, 213, 212

Keusahawanan 337, 331, 323, 320, 317, 315

Komunikasi 330, 63, 62, 61, 60

Konsultasi 83, 80, 77, 73, 69, 66, 65

M

Melurus 291, 290, 280

Mengikal 302, 298, 290, 289, 288, 280

Mesin 180, 161, 138, 109, 104, 85, 71, 35, 34, 217, 216, 214, 212, 211, 205, 194, 189

P

Pelanggan 65, 64, 62, 60, 59, 58, 33, 15, 8, 6, 4, 109, 100, 98, 87, 83, 82, 81, 79, 75, 67, 66, 131

Pelembap 235, 155, 133, 132, 130

Pembersih 133, 132, 106, 78, 67

Penyegar 133, 132, 129, 128, 108, 105, 71, 67, 155

Perkhidmatan 88, 75, 70, 68, 66, 62, 58, 8, 6, 4, 328, 320, 318, 316, 314, 278, 251, 134, 100, 331, 330

Personaliti 94, 93, 59, 56, 54

Produk 328, 140, 133, 131, 105, 69, 67, 62, 58, 330, 329

Pupur 127, 125, 123, 121, 108, 105, 103, 71, 67, 133, 128

R

Rawatan 101, 100, 98, 87, 85, 83, 71, 70, 67, 6, 195, 194, 172, 170, 162, 138, 137, 134, 102, 198

S

Salun 38, 33, 32, 31, 30, 26, 15, 11, 10, 8, 5, 4, 335, 331, 109

Sanggul 304,302,298,296,281,280,77

Solekan 233,231,230,78,74,73,72,67,66
251,249,244,238,237,236,234

Span 251,236,198,195,146,144,103,27

Stok 317,53,51,49,45,40,39,38

T

Troli 140,109,100,29,27,12

U

Ultrasound 212,211,161,137

Urut 150,149,146,120,119,118,117,116
167,152,151

W

Warna 246,245,244,243,241,240,239,233
254,249,248,247

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan

Skim Pinjaman Buku Teks			
Sekolah _____			
Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima
Nombor Perolehan: _____			
Tarikh Penerimaan: _____			
BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL			



eISBN 978-967-244-861-7



9 789672 448617